DR. AHMAD SANUSI AZMI



٤٠ HADIS

tentang DAKWAH & TARBIAH

٤٠ HADIS
tentang DAKWAH & TARBIAH

DR. AHMAD SANUSI AZMI

40 HADIS TENTANG DAKWAH DAN TARBIAH

Diterbitkan oleh

ULUM HADIS RESEARCH CENTRE
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai, Negeri Sembilan
emel: ulumhadisresearchcentre@gmail.com

ISBN: 978-967-15044-7-5

Design kulit muka dihasilkan oleh:
MUHAMMAD DANIAL BIN SALAHUDIN

KANDUNGAN

NO	TAJUK	HALAMAN
	Muqaddimah	1
	Tradisi 40 Hadis	3
HADIS 1	Kewajipan Berdakwah	6
HADIS 2	Amalan Yang Kecil Membawa Ke Syurga	10
HADIS 3	Tidak Memberatkan Dan Tidak Mudah Menghukum	13
HADIS 4	Masa Berkualiti Bersama Keluarga (Hanzalah)	16
HADIS 5	Melakukan Tindakan Susulan (*Mutaba'ah*)	20
HADIS 6	Keutamaan Ikhlas	24
HADIS 7	Teruskan Berdakwah Sekalipun Ditinggalkan Manusia	27
HADIS 8	Menyapu Darah Di Wajah Rasulullah Saw	30
HADIS 9	Berdakwah Lebih Sukar Dari Perang Uhud	33
HADIS 10	Jangan Memperkecil Usaha Kumpulan Yang Lain	37
HADIS 11	Pendakwah Mesti "Turun Padang"	40
HADIS 12	Tidak Bermasam Muka Atau Bersikap Terlalu Memilih	43
HADIS 13	Bijak Menilai Keadaan Sebelum Membuat Pembaharuan	46
HADIS 14	Berkerjasama Dalam Misi Dakwah Dan Kehidupan	49
HADIS 15	Pendakwah Yang Menyebabkan Rasululah Menangis	53

HADIS 16	Pendakwah Mestilah Orang Yang Dipercayai	56
HADIS 17	Mengambil Berat Perihal Anak Didik (*Mad'u*)	60
HADIS 18	Penguasaan Ilmu Diuji Sebelum Berdakwah	63
HADIS 19	Bersabar Dalam Jalan Dakwah	67
HADIS 20	Memikul Dakwah Seperti Menggenggam Bara Api	70
HADIS 21	Menang Dengan Akhlak Yang Mulia	73
HADIS 22	Amal Dakwah Menjadi Pelindung Dalam Kubur	76
HADIS 23	Berdakwah Akan Mendapat Doa Dari Allah	80
HADIS 24	Menyusun Jadual Dakwah	82
HADIS 25	Persiapan Peribadi Pendakwah	85
HADIS 26	Keterlihatan (Visibility) Dan Hubungan Yang Erat	88
HADIS 27	Dosa Menjejaskan Usaha Dakwah	91
HADIS 28	Menyumbang Harta Ke Jalan Dakwah	94
HADIS 29	Menyusun Kata-Kata Dalam Dakwah	97
HADIS 30	Keutamaan Syura Dalam Dakwah	100
HADIS 31	Meminta Izin Daripada Murabbi (Isti'zan)	103
HADIS 32	Kewajipan Mencegah Kemungkaran (Hadis Kapal)	105
HADIS 33	Kerosakan Penafsiran Liberal	109
HADIS 34	Kesesatan Pemikiran Anti Hadis	112
HADIS 35	Penyelewengan Pemahaman Kumpulan LGBT	115
HADIS 36	Jangan Melaknat Pelaku Dosa	118
HADIS 37	Penyakit Yang Merosakkan Pendakwah	121
HADIS 38	Tanda Allah Sayang Pendakwah	125
HADIS 39	Melazimi Jemaah Adalah Jalan Istiqamah	128
HADIS 40	Doa Agar Istiqamah Di Jalan Allah	131
HADIS 41	Keberkatan Usia Kita	134

﴿انفِرُوا خِفَافًا وَثِقَالًا وَجَاهِدُوا بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ﴾

"Pergilah kamu (berjuang di jalan Allah), sama ada dalam keadaan ringan ataupun berat; dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa kamu pada jalan Allah (untuk membela Islam). Yang demikian amatlah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui."

MUQADDIMAH

Segala puji bagi Allah dengan limpah rahmatNya karya ini berjaya dihasilkan. Buku kecil ini menghimpunkan 40 Hadis yang dilihat mempunyai pengajaran dalam perkara yang melibatkan dakwah dan tarbiah. Kebanyakan hadis dipilih berdasarkan kandungannya yang disampaikan dalam bentuk penceritaan. Ini bagi memudahkan pembaca memahami serta mengingati mesej yang ingin disampaikan.

Secara umumnya, hadis-hadis ini ditulis berdasarkan *matan* daripada kitabnya yang asal. Pun begitu terdapat juga hadis yang diambil daripada sebahagian lafaznya sahaja. Ini bertujuan bagi meringkaskan penulisan, disamping memberikan fokus kepada isi kandungan yang diambil. Dari aspek sanadnya pula, penulis hanya menukilkan perawi yang tertinggi (*rawi al-a'la*) sahaja, manakala nama-nama perawi yang lain dalam rantaian sanad telah ditinggalkan.

Sumber hadis dinyatakan di bahagian terjemahan. Hadis yang dinukilkan daripada Sahih al-Bukhari dan Muslim tidak dinyatakan status hadis tersebut memandangkan kita telahpun menerimanya sebagai hadis sahih. Manakala hadis yang dinukil daripada selain dua kitab tersebut akan dinyatakan sumber serta status hadis tersebut.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Zulhilmi Mohamed Nor serta Dr. Mohd Yusuf Ismail (yang mana keduanya mempunyai kepakaran dalam bidang hadis) atas kesudian mereka

membaca dan menyemak serta memberikan komentar terhadap karya ini. Tidak lupa juga buat isteri tersayang, Puan Noraslina Abd Rahaman yang menguruskan kerja-kerja domestik yang membantu melancarkan penerbitan karya ini. Semoga bermanfaat.

Dr. Ahmad Sanusi Azmi
Universiti Sains Islam Malaysia
15 Ramadan 1441 / 8 Mei 2020

TRADISI MENGUMPUL 40 HADIS

Barangkali ada yang bertanya, mengapa dikumpul 40 hadis sahaja? Daripada mana datangnya tradisi sarjana hadis mengumpulkan 40 hadis ini? Pada hakikatnya, usaha ulama mengumpulkan 40 hadis ini dimulakan oleh sarjana hadis silam. Penghasilan karya sebegini adalah berpandukan hadis Rasulullah SAW yang menyebutkan:

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ، قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: مَنْ حَفِظَ عَلَى أُمَّتِي أَرْبَعِينَ حَدِيثًا مِنْ أَمْرِ دِينِهِ بَعَثَهُ اللهُ فَقِيهًا، وَكُنْتُ لَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَافِعًا وَشَهِيدًا

Daripada Abu al-Darda' RA, Rasulullah SAW bersabda: "Barangsiapa yang memelihara buat umatku 40 hadis daripada urusan agamanya, maka dia akan dibangkitkan di hari kiamat oleh Allah sebagai orang yang faqih. Dan aku akan memberikan buat dirinya syafaat dan penyaksian di hari akhirat kelak." (al-Baihaqi, Syu'ab al-Iman - Hadis Daif)

Menurut al-Imam al-Nawawi, para ulama hadis telah bersepakat bahawa hadis ini dikategorikan sebagai hadis daif. Namun mereka masih mengamalkan hadis ini sebagai galakan untuk mereka melakukan amalan (*fadail amal*) kebaikan dalam mengumpulkan hadis.

Ketika menghuraikan hadis ini al-Imam al-Mu'allimi menjelaskan bahawa: "Memang benar, hadis ini dikategorikan sebagai hadis daif, namun para sarjana hadis tidak menafikan bahawa usaha menghimpun dan memelihara hadis adalah antara amalan kebaikan yang mempunyai kedudukan yang tinggi." (Tahqiq al-Kalam)

Menurut Abu Tahir al-Silafi, sarjana hadis yang terawal dalam menghasilkan karya Hadis 40 adalah al-Imam Abdullah ibn Mubarak. Tradisi ini diteruskan lagi oleh sarjana hadis yang ulung seperti al-Imam al-Daraqutni, al-Hakim, Ibn Asakir dan al-Zahabi. Dan di antara karya yang paling ulung dalam mengumpulkan 40 hadis adalah karya al-Imam al-Nawawi yang terkenal sehingga hari ini.

Buat Mak dan Ayah yang membesarkan

Haji Azmi Abdul Manap

Hajah Rokiah Abdul Wahid

HADIS 1: KEWAJIPAN BERDAKWAH

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ مَسْعُودٍ ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ، قَالَ: نَضَّرَ اللَّهُ امْرَأً سَمِعَ مَقَالَتِي فَوَعَاهَا وَحَفِظَهَا وَبَلَّغَهَا، فَرُبَّ حَامِلِ فِقْهٍ إِلَى مَنْ هُوَ أَفْقَهُ مِنْهُ " ثَلاَثٌ لاَ يُغِلُّ عَلَيْهِنَّ قَلْبُ مُسْلِمٍ: إِخْلاَصُ العَمَلِ لِلَّهِ، وَمُنَاصَحَةُ أَئِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ، وَلُزُومُ جَمَاعَتِهِمْ، فَإِنَّ الدَّعْوَةَ تُحِيطُ مِنْ وَرَائِهِمْ.

Maksudnya: Daripada Abdullah bin Mas'ud RA, daripada Nabi SAW bersabda: "Sesungguhnya Allah akan memperindah (seri wajah) seseorang yang mendengar perkataanku, lalu dia memahaminya, menghafalnya dan menyampaikannya (kepada orang lain). Barangkali orang yang memahaminya (hadis tersebut) akan menyampaikan kepada orang lain yang lebih faqih (faham) daripadanya. Tiga perkara yang tidak mengkhianati (membersih dan meluruskan) hati seorang muslim; (1) mengikhlaskan amalan kerana Allah, (2) saling memberi nasihat terhadap para pemimpin kaum muslimin, (3) berpegang teguh terhadap jemaah mereka, sesungguhnya doa mereka meliputi (memelihara mereka) dari belakang mereka." (**Jami' al-Tirmizi, no:2658 - Hadis Hasan Sahih**)

ULASAN

1. Menurut Abu Sulaiman al-Khattabi, hadis ini menjelaskan kepada kita tentang kelebihan mereka yang menjalankan dakwah di jalan Allah.

2. Orang yang menyampaikan satu hadis daripada Rasulullah SAW akan memperolehi doa yang khusus dari Baginda Nabi SAW. Kata al-Khattabi:

   قوله: نضَّر الله امرأً معناه: الدعاء له بالنضارة، وهي النعمة والبهجة

   "Lafaz Rasulullah SAW yang menyebutkan (نضَّر الله امرأً) 'Allah akan memperindah' itu membawa erti bahawa Rasulullah mendoakan buat mereka (yang menyampaikan hadis atau berdakwah menyampaikan ilmu) keserian wajah dan bercahaya. Yang mana menandakan kenikmatan dan keindahan.

3. Al-Imam Ibn al-Qayyim pula melihat hadis ini sebagai satu kemuliaan buat mereka yang mendengar hadis Nabi SAW, mengingatinya dan kemudian menyampaikanya kepada orang lain. Kata Ibn al-Qayyim:

   ولو لم يكن في فضل العلم إلا هذا وحده لكفى به شرفًا، فإن النبي ﷺ دعا لمن سمع كلامه ووعاه وحفظه وبلغه

   "Andai sekiranya tidak ada (hadis) lain (yang menceritakan) tentang kelebihan (mempelajari dan menyampaikan) ilmu ini, maka hadis ini sahaja sudah memadai sebagai satu kemuliaan buat mereka yang melakukannya. Sesungguhnya Nabi SAW mendoakan mereka yang mendengar kata-kata Baginda, kemudian menjaganya, menghafalnya dan menyampaikannya (kepada orang lain)." (Miftah Dar al-Sa'dah)

4. Bahkan, hadis inilah yang menjadi inspirasi buat al-Imam al-Nawawi untuk mengarang kitab Hadis 40 beliau yang popular sebagai satu galakan untuk menyampaikan hadis dan ia adalah sebahagian dari tugas dakwah.

5. Hadis ini juga dijadikan dalil oleh sebahagian ulama tentang kewajipan berdakwah. Berikut adalah diantara kata-kata sarjana Muslim tentang kewajipan berdakwah setelah meneliti dalil-dalil daripada al-Quran dan hadis. Antaranya:

   - Kata al-Imam al-Haramain al-Juwaini: Sesungguhnya perintah amar makruf dan nahi munkar itu adalah satu kewajipan secara ijmak. (al-Irsyad ila Qawati' al-Adillah fi Usul al-I'tiqad)

   - Sheikh al-Sa'di ketika menghuraikan ayat 104 dari Surah Ali Imran menegaskan bahawa setiap anggota muslim mesti berperanan menyampaikan dakwah (atas kapasiti masing-masing) dan ia adalah Fardu Kifayah yang mesti ditegakkan oleh sebahagian kumpulan dari muslimin. (Tafsir al-Sa'di)

   - Pandangan yang sama dipertegaskan oleh al-Ustaz Mustafa Masyhur yang menjelaskan bahawa menunaikan dakwah adalah satu kewajipan bagi merealisasikan sifat penyaksian (syahadah) muslim ke atas umat yang lain (yang akan menjadi saksi buat umat lain diakhirat kelak) sepertimana yang disebutkan dalam Surah al-Baqarah, ayat ke 143. (Muhammad Bu al-Hadid, Muzakkirah Fi Fiqh al-Dakwah ilallah)

6. Dakwah adalah satu kewajipan bagi setiap muslim atas kapasiti masing-masing. Seorang bapa wajib menyampaikan dakwah buat

7. keluarga mereka, seorang pelajar seharusnya berdakwah kepada rakan mereka. Begitulah tugas setiap muslim.

8. Di penghujung hadis ini Rasulullah menjelaskan tentang tiga sifat yang sepatutnya menghilangkan rasa dengki di kalangan muslim. Apa pula kaitan di antara menyampaikan hadis dengan tiga sifat yang disebutkan oleh Rasulullah SAW dalam hadis di atas? Dalam menjelaskan perkara ini, al-Imam Ibn Hajar berkata:

لما حَرَّضَ سَامِعَ سُنَنِهِ على أدائها بيَّن أن هناك خصالاً من شأنهِ أن ينطويَ قلبَهُ عليها، لأنَّ كُلاً منها مُحرِّضٌ له على ذلك التبليغ

"Dan bilamana Rasulullah SAW menggalakkan mereka yang mempelajari hadis supaya menyampaikan hadis yang didengarnya, Rasulullah SAW menjelaskan pula tiga sifat yang membantu membentuk hati seseorang agar menyampaikan hadis. Tiga sifat itu ialah bersifat ikhlas, saling mengingati antara satu dengan yang lain dan melazimi jemaah muslimin. (Mirqa al-Mafatih)

9. Begitu jugalah dengan perihal dakwah. Yang akan membantu membimbing hati seseorang kepada jalan ini adalah dengan dia bersifat ikhlas, saling nasihat-menasihati serta melazimi jemaah.

HADIS 2: AMALAN YANG KECIL MEMBAWA KE SYURGA

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ امْرَأَةً سَوْدَاءَ كَانَتْ تَقُمُّ الْمَسْجِدَ (أَوْ شَابًّا) فَفَقَدَهَا رَسُولُ اللهِ ﷺ، فَسَأَلَ عَنْهَا (أَوْ عَنْهُ) فَقَالُوا: مَاتَ، قَالَ: «أَفَلَا كُنْتُمْ آذَنْتُمُونِي» قَالَ: فَكَأَنَّهُمْ صَغَّرُوا أَمْرَهَا (أَوْ أَمْرَهُ) فَقَالَ: «دُلُّونِي عَلَى قَبْرِهِ» فَدَلُّوهُ، فَصَلَّى عَلَيْهَا، ثُمَّ قَالَ: «إِنَّ هَذِهِ الْقُبُورَ مَمْلُوءَةٌ ظُلْمَةً عَلَى أَهْلِهَا، وَإِنَّ اللهَ عَزَّ وَجَلَّ يُنَوِّرُهَا لَهُمْ بِصَلَاتِي عَلَيْهِمْ»

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA, sesungguhnya seorang wanita berkulit hitam (atau pemuda kulit hitam) pernah (berkhidmat) membersihkan masjid. Namun satu hari Rasulullah SAW mendapati dia telah tiada. Baginda SAW bertanya kepada para sahabat tentang wanita (atau pemuda) itu. Lalu para sahabat menjawab: Dia telah meninggal. Rasulullah bertanya: “Mengapa kamu tidak memberitahuku?” Seolah (sebahagian sahabat) memandang rendah tentang wanita (atau pemuda) ini. Lantas Rasulullah SAW bersabda: “Tunjukkan aku dimana kuburnya lalu Baginda solat ke atasnya (mendoakannya) dan bersabda: Sesungguhnya kubur-kubur ini diselubungi kegelapan, dan Allah akan meneranginya dengan cahaya melalui doaku buat mereka.” (**Sahih Muslim, no: 956**)

ULASAN

1. Perhatikan hadis ini bagaimana Rasulullah amat menghargai usaha kecil setiap manusia. Sekalipun tugas wanita ini hanyalah menyapu dan membersihkan masjid Nabi, Rasulullah menganggapnya mempunyai peranan dalam urusan masjid. Begitu juga dalam perihal dakwah, setiap manusia berperanan dan mesti dihargai sekalipun dengan usaha yang mudah.

2. Menurut al-Imam Ibn Hajar, wanita ini adalah Ummu Mihjan, atau Mihjanah, seorang wanita kulit hitam yang berkhidmat membersihkan masjid (Ibn Hajar, al-Isabah). Menurut riwayat al-Nasa'i pula, wanita ini disifatkan sebagai seorang yang miskin.

3. Sebahagian sahabat tidak mengendahkan kumpulan seperti ini. Namun Rasulullah mendidik kita agar sentiasa prihatin terhadap golongan yang lemah. Dengan itu al-Qadi Iyyad menjelaskan bahawa inilah sikap Baginda Nabi SAW yang sentiasa menjaga perihal kumpulan yang lemah dan miskin. Ia menggambarkan sikap tawadu', rahmah dan prihatin yang perlu dimiliki oleh setiap pendakwah.

4. Setiap muslim juga perlu cakna dengan keadaan orang sekelilingnya. Ini bukanlah pertama kali Rasulullah SAW menunjukkan teladan yang baik tentang perkara ini. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari, Baginda Nabi SAW dikatakan mencari Saidina Thabit bin Qais RA yang tidak dijumpainya. Bahkan menurut riwayat al-Hakim, Rasulullah sering bertanya khabar penduduk Ansar:

كان رسول الله صلَّى الله عليه وسلَّم يَتَعهَّد الأنصار ويَعُودُهم ويَسأل عنهم

Sesungguhnya Rasulullah SAW melakukan perjanjian dengan Ansar, Baginda menziarahi mereka dan bertanya khabar mereka. (al-Mustadrak)

5. Hadis ini turut mengingatkan kepada kita bahawa seorang muslim itu tidak seharusnya memandang kecil sumbangan seseorang dalam sesuatu perkara terutamanya dalam bidang dakwah. Sekalipun mereka sekadar berkongsi hadis di media sosial, ia juga adalah satu sumbangan. Sabda Rasulullah:

لَا تَحْقِرَنَّ مِنَ الْمَعْرُوفِ شَيْئًا، وَلَوْ أَنْ تَلْقَى أَخَاكَ بِوَجْهٍ طَلْقٍ

"Janganlah kamu memandang rendah pada satu kebaikan pun, sekalipun hanya dengan melemparkan senyuman kepada saudaramu." (Sahih Muslim, no: 2626)

HADIS 3: TIDAK MEMBERATKAN DAN TIDAK MUDAH MENGHUKUM

حَدَّثَنَا جَابِرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ: أَنَّ مُعَاذَ بْنَ جَبَلٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، كَانَ يُصَلِّي مَعَ النَّبِيِّ ﷺ ، ثُمَّ يَأْتِي قَوْمَهُ فَيُصَلِّي بِهِمُ الصَّلاَةَ، فَقَرَأَ بِهِمُ البَقَرَةَ، قَالَ: فَتَجَوَّزَ رَجُلٌ فَصَلَّى صَلاَةً خَفِيفَةً، فَبَلَغَ ذَلِكَ مُعَاذًا، فَقَالَ: إِنَّهُ مُنَافِقٌ، فَبَلَغَ ذَلِكَ الرَّجُلَ، فَأَتَى النَّبِيَّ ﷺ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّا قَوْمٌ نَعْمَلُ بِأَيْدِينَا، وَنَسْقِي بِنَوَاضِحِنَا، وَإِنَّ مُعَاذًا صَلَّى بِنَا البَارِحَةَ، فَقَرَأَ البَقَرَةَ، فَتَجَوَّزْتُ، فَزَعَمَ أَنِّي مُنَافِقٌ، فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: "يَا مُعَاذُ، أَفَتَّانٌ أَنْتَ (ثَلاَثًا) اقْرَأْ: وَالشَّمْسِ وَضُحَاهَا وَسَبِّحِ اسْمَ رَبِّكَ الأَعْلَى وَنَحْوَهَا "

Maksudnya: Saidina Jabir bin Abdullah RA menceritakan kepada kami bahawa Muaz bin Jabal RA telah menunaikan solat bersama dengan Nabi SAW. Kemudian dia pulang ke kaumnya dan mendirikan solat (menjadi imam) bersama kaumnya. Lalu Muaz membaca Surah al-Baqarah di dalam solat tersebut sehingga seorang lelaki keluar dari solat (yang panjang itu) dan menunaikan solat (sendirian) secara ringkas. (Tindakan lelaki ini) disampaikan kepada Muaz lalu berkata: Sesungguhnya dia adalah munafiq. (Kata-kata Muaz ini) disampaikan kepada lelaki tadi, lalu lelaki tersebut datang mengadu kepada Nabi SAW. Dia berkata: Wahai Rasulullah, sesungguhnya kami ini adalah kaum yang berusaha dengan tangan-tangan kami, kami memberi minum ternakan sedangkan Muaz (menjadi imam) solat bersama kami semalam dan dia membaca Surah al-Baqarah (yang panjang itu). Lalu aku keluar daripada solat bersamanya, namun Muaz menyangkakan bahawa aku

telah menjadi munafiq. Rasulullah (memanggil Muaz) dan bersabda kepada Muaz: Wahai Muaz, apakah kamu ingin menjadi pencetus fitnah? (soalan ini diulang sebanyak tiga kali). Bacakan sahaja (ketika kamu menjadi imam): Surah al-Shams dan Surah al-A'la. (**Sahih al-Bukhari, no: 6106**)

ULASAN:

1. Perhatikan hadis ini bagaimana Rasulullah SAW mengingatkan kepada Saidina Muaz RA agar tidak melakukan ibadah yang memberatkan kaum muslimin. Malah Rasulullah melarang kita daripada cepat memberikan hukuman ke atas orang lain. Sesungguhnya pendakwah lebih banyak menyeru kepada kebaikan dan tidak gopoh memberikan hukuman kepada orang lain.

2. Menurut al-Imam Ibn Hajar, soalan Rasulullah kepada Muaz yang menyebutkan: "Apakah kamu ingin menjadi pencetus fitnah?" adalah teguran Rasulullah kepada Muaz agar tidak menjauhkan manusia daripada melihat Islam sebagai agama yang susah dan berat.

3. Fitnah yang dimaksudkan oleh Rasulullah adalah tindakan yang mengelirukan seseorang tentang Islam sehingga mereka menjauhkan diri mereka. Kata Ibn Hajar:

   وَمَعْنَى الْفِتْنَةِ هَا هُنَا أَنَّ التَّطْوِيلَ يَكُونُ سَبَبًا لِخُرُوجِهِمْ مِنَ الصَّلَاةِ وَلِلتَّكَرُّهِ لِلصَّلَاةِ فِي الْجَمَاعَةِ

   "Yang dimaksudkan dengan fitnah disini adalah perbuatan memanjangkan solat tersebut yang menjadi punca lelaki tersebut

keluar dari solat dan menyebabkannya tidak suka untuk solat berjemaah.”

4. Disini juga terpamer kebijaksanaan Rasulullah sebagai seorang pendidik (murabbi). Sekalipun apa yang dilakukan oleh Muaz itu adalah satu ibadah, namun kesilapan dalam perlaksanaannya boleh menjadi fitnah yang menjauhkan manusia dari Islam. Perhatikan bagaimana ibadah boleh bertukar menjadi fitnah. Inilah seni yang harus difahami oleh setiap pendidik (murabbi) dan pendakwah (da’i).

5. Memberikan alternatif dan jalan penyelesaian. Ya! inilah yang pernah disebutkan oleh Sheikh Yusuf al-Qardawi seingat saya satu ketika dahulu. Apabila kita menghalang seseorang dari sesuatu, maka kita seharusnya memberikan mereka jalan penyelesaian. Pendakwah bukan sekadar menegur kesilapan, tetapi membimbing mereka dengan solusi yang lebih baik. Islam melarang zina, lalu diajarkan perkahwinan sebagai satu penyelesaian yang lebih baik.

HADIS 4: KEBIMBANGAN HANZALAH TENTANG SIFAT MUNAFIQ

عَنْ حَنْظَلَةَ الْأُسَيِّدِيِّ، قَالَ: وَكَانَ مِنْ كُتَّابِ رَسُولِ اللهِ ﷺ قَالَ: لَقِيَنِي أَبُو بَكْرٍ، فَقَالَ: كَيْفَ أَنْتَ؟ يَا حَنْظَلَةُ قَالَ: قُلْتُ: نَافَقَ حَنْظَلَةُ، قَالَ: سُبْحَانَ اللهِ مَا تَقُولُ؟ قَالَ: قُلْتُ: نَكُونُ عِنْدَ رَسُولِ اللهِ ﷺ، يُذَكِّرُنَا بِالنَّارِ وَالْجَنَّةِ، حَتَّى كَأَنَّا رَأْيُ عَيْنٍ، فَإِذَا خَرَجْنَا مِنْ عِنْدِ رَسُولِ اللهِ ﷺ، عَافَسْنَا الْأَزْوَاجَ وَالْأَوْلَادَ وَالضَّيْعَاتِ، فَنَسِينَا كَثِيرًا، قَالَ أَبُو بَكْرٍ: فَوَاللهِ إِنَّا لَنَلْقَى مِثْلَ هَذَا، فَانْطَلَقْتُ أَنَا وَأَبُو بَكْرٍ، حَتَّى دَخَلْنَا عَلَى رَسُولِ اللهِ ﷺ، قُلْتُ: نَافَقَ حَنْظَلَةُ، يَا رَسُولَ اللهِ فَقَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ «وَمَا ذَاكَ؟» قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللهِ نَكُونُ عِنْدَكَ، تُذَكِّرُنَا بِالنَّارِ وَالْجَنَّةِ، حَتَّى كَأَنَّا رَأْيُ عَيْنٍ، فَإِذَا خَرَجْنَا مِنْ عِنْدِكَ، عَافَسْنَا الْأَزْوَاجَ وَالْأَوْلَادَ وَالضَّيْعَاتِ، نَسِينَا كَثِيرًا فَقَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: «وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ إِنْ لَوْ تَدُومُونَ عَلَى مَا تَكُونُونَ عِنْدِي، وَفِي الذِّكْرِ، لَصَافَحَتْكُمُ الْمَلَائِكَةُ عَلَى فُرُشِكُمْ وَفِي طُرُقِكُمْ، وَلَكِنْ يَا حَنْظَلَةُ سَاعَةً وَسَاعَةً» ثَلَاثَ مَرَّاتٍ.

Maksudnya: Daripada Hanzalah al-Usaydi RA, dan dia adalah diantara penulis wahyu Rasulullah SAW. Hanzalah berkata: Aku telah berjumpa dengan Abu Bakar RA, lalu Abu Bakar bertanya kepadaku: Apa khabarmu wahai Hanzalah? Aku menjawab: Sesungguhnya Hanzalah telah munafiq. (Abu Bakar terkejut dan) berkata: Subhanallah, mengapa engkau berkata sedemikian? Lalu aku (Hanzalah) menjawab: Ketika kita duduk dengan Rasulullah, dan kita mendengar tazkirah berkenaan syurga dan neraka, seolah-olah kita melihatnya di hadapan mata kita (dan merasa insaf), namun apabila kita pulang ke pangkuan keluarga, kita disibukkan dengan isteri, anak-anak, dan pekerjaan lain sehingga kita terlupa (tentang tazkirah Rasulullah tadi), bukankah Hanzalah telah munafiq? Lalu Abu Bakar berkata: Demi Allah, aku menghadapi masalah yang sama. Lalu mereka berdua berjumpa Rasulullah dan Hanzalah berkata kepada Rasulullah: Wahai Rasulullah sesungguhnya Hanzalah telah munafiq. Rasulullah lalu bertanya: Mengapa (engkau berfikir) begitu? Hanzalah menjelaskan: Ketika kami duduk bersamamu wahai Rasulullah, Tuan telah mengingatkan kami tentang syurga dan neraka, seolah-olah kami melihatnya di hadapan mata (dan merasa insaf), namun apabila kami pulang ke pangkuan keluarga, kami disibukkan dengan isteri, anak-anak, dan pekerjaan lain sehingga kita lupa semuanya (tentang tazkirah Rasulullah tadi).

Rasulullah lantas bersabda: Demi jiwaku berada ditanganNya, andainya kamu sentiasa berada dalam keadaan seperti saat bersamaku dengan sentiasa berzikir (mengingati Allah) nescaya para malaikat akan memberi salam kepada kamu di rumah-rumah kamu dan di jalan-jalan laluan kamu. Akan tetapi wahai Hanzalah, "Ada saatnya begini dan ada saatnya begitu", Baginda SAW mengucapkannya tiga kali.” (**Sahih Muslim, no: 2750**)

ULASAN

1. Hadis ini menceritakan kepada kita tentang kebimbangan Saidina Hanzalah RA yang merasakan dirinya telah ditimpa penyakit munafik apabila bergaul dan bergelak ketawa bersama keluarga. Lalu Rasulullah menenangkan Hanzalah dan menjelaskan kepadanya bahawa ada masanya pendakwah perlu meluangkan masa berkualiti bersama keluarga. Ada masanya bersama dakwah, ada masanya bersama keluarga.

2. Menurut al-Imam al-Nawawi, Rasulullah memberikan penerangan kepada Hanzalah bahawa leka bersama keluarga tidak menjadikan seseorang itu munafiq. Kata al-Nawawi:

   فَأَعْلَمَهُمُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ لَيْسَ بِنِفَاقٍ وَأَنَّهُمْ لَا يكلفون الدوام على ذلك سَاعَةً وَسَاعَةً أَيْ سَاعَةً كَذَا وَسَاعَةً كَذَا

   "Maka Rasulullah SAW mendidik mereka bahawa sifat sedemikian bukanlah sifat munafiq. Dan mereka tidak dipertanggungjawabkan (mukallaf) untuk sentiasa berada dalam keadaan sedemikian (seperti mendengar tazkirah sahaja), tetapi ada masanya begini dan ada masanya begitu." (al-Nawawi, Sharh Muslim)

3. Para sahabat sangat bimbang sekiranya diri mereka tergolong dalam golongan munafik, iaitu golongan yang hanya pada zahirnya sahaja melihatkan kecintaan pada Islam, tetapi jauh disudut hati membenci Islam. Saidina Umar turut bimbang tentang perkara ini. Apabila mengetahui yang Rasulullah pernah memberitahu senarai nama kaum munafiq kepada Saidina Huzaifah, Umar segera berjumpa

dengan Huzaifah dan bertanya: Apakah aku tergolong dalam kalangan mereka? Huzaifah menjawab:

لا، ولن أخبر أحداً بعدك

"Tidak (engkau tidak tergolong dalam kalangan mereka), dan aku tidak akan memberitahu orang lain sesudahmu selepas ini." (Abu Bakar al-Khallal, al-Sunnah)

4. Hadis ini turut mendidik pendakwah agar memberikan masa dan hak yang sewajarnya pada setiap tempatnya. Ada masanya untuk bekerja, ada masanya berdakwah dan ada masanya bersama keluarga. Benarlah nasihat Saidina Salman kepada Saidina Abu Darda':

إِنَّ لِرَبِّكَ عَلَيْكَ حَقًّا، وَلِنَفْسِكَ عَلَيْكَ حَقًّا، وَلِأَهْلِكَ عَلَيْكَ حَقًّا، فَأَعْطِ كُلَّ ذِي حَقٍّ حَقَّهُ

"Sesungguhnya ada hak yang harus engkau berikan pada Tuhanmu, ada hak (masa) yang perlu kau berikan buat dirimu dan ada hak yang perlu kau berikan buat keluargamu. Maka berikanlah hak setiap mereka pada yang berhak." (Sahih al-Bukhari, no: 1968)

HADIS 5: MELAKUKAN TINDAKAN SUSULAN (*Follow Up* - *Mutaba'ah*)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: «مَنْ أَصْبَحَ مِنْكُمُ الْيَوْمَ صَائِمًا؟» قَالَ أَبُو بَكْرٍ: أَنَا، قَالَ: «فَمَنْ تَبِعَ مِنْكُمُ الْيَوْمَ جَنَازَةً؟» قَالَ أَبُو بَكْرٍ: أَنَا، قَالَ: «فَمَنْ أَطْعَمَ مِنْكُمُ الْيَوْمَ مِسْكِينًا» قَالَ أَبُو بَكْرٍ: أَنَا، قَالَ: «فَمَنْ عَادَ مِنْكُمُ الْيَوْمَ مَرِيضًا» قَالَ أَبُو بَكْرٍ: أَنَا، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: «مَا اجْتَمَعْنَ فِي امْرِئٍ إِلَّا دَخَلَ الْجَنَّةَ»

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda: Siapa di kalangan kamu yang pada hari ini berpuasa? Lalu Abu Bakar RA berkata: Saya. Rasulullah SAW bertanya lagi: Siapa di kalangan kamu yang mengiringi jenazah pada hari ini? Abu Bakar menjawab: Saya. Rasulullah bertanya lagi: Siapa di kalangan kamu yang memberi makan orang miskin pada hari ini. Abu Bakar menjawab: Saya. Rasulullah bertanya lagi: Siapa pada hari ini yang telah menziarahi orang yang sakit. Abu Bakar menjawab: Saya. Lalu Rasulullah bersabda: Barangsiapa yang menghimpunkan semua amalan ini maka dia akan masuk ke syurga. (**Sahih Muslim, no: 1028**)

ULASAN:

1. Hadis ini memberikan kepada kita gambaran bagaimana Rasulullah dilihat sangat bersungguh menggalakkan para sahabat melakukan kebaikan. Sehinggakan Rasulullah melakukan tindakan susulan (*follow up*) terhadap amalan para sahabat untuk memastikan para sahabat belajar dan mempraktikkan apa yang dipelajari. Sebahagian gerakan jemaah hari ini menggunakan borang *follow up* atau *mutaba'ah amal*.

2. Ini bukanlah pertama kali Baginda Nabi SAW meneliti amalan atau melakukan *follow up* terhadap perlakuan baik para sahabat. Adakalanya Rasulullah melakukan *follow up* kepada sahabat yang ditimpa sakit. Menurut Zaid bin Arqam, beliau pada suatu hari ditimpa sakit mata dan Rasulullah datang menziarahi. Setelah beliau sihat, Rasulullah masih *follow up* isu kesihatan Zaid dan bertanya kepadanya:

   أَرَأَيْتَ لَوْ كَانَتْ عَيْنَاكَ لِمَا بِهِمَا مَا كُنْتَ صَانِعًا

   "Apa pandangan engkau kalau engkau masih lagi sakit kedua matamu pada hari?" (Musnad Ahmad, no: 19348). Lalu Zaid menjawab. Aku akan bersabar. Rasulullah kemudian menjelaskan, andai sekiranya Zaid bersabar maka dia akan bertemu Allah dalam keadaan tiada dosa. Hadis ini menunjukkan bagaimana Rasulullah melakukan *follow up* terhadap Zaid yang sedang sakit. Setelah sihat, Rasulullah masih *follow up*, melakukan tindakan susulan dengan bertanya apakah yang dipelajarinya sepanjang dia sakit.

3. Adakalanya Rasulullah melakukan *follow up* terhadap sahabat yang ditimpa kesusahan. Seorang sahabat Nabi dikatakan telah kehilangan

anak kecil kesayangannya. Rasulullah lalu datang berjumpa dengan sahabat yang sedang bersedih tadi lalu bersabda:

يا فلان ! أيما كان أحب إليك : أن تُمَتَّعَ به عمرك ، أو لا تأتي غداً إلى باب من أبواب الجنة إلا وجدته قد سبقك إليه يفتحه لك ؟ قال : يا نبي الله ! بل يسبقني إلى الجنة فيفتحها لي لهو أحب إليَّ قال : فذلك لك

"Wahai fulan, mana yang lebih engkau suka? Engkau diberikan peluang berseronok dengan anakmu (yang telah meninggal itu), atau engkau akan berjumpa dengannya dipintu syurga, tidak engkau dapati pintu syurga melainkan dia telah mendahuluimu disitu? Lelaki itu lantas menjawab: Bahkan aku lebih suka dia mendahuluiku dipintu syurga agar dia membukakan pintu syurga buatku. Lalu Rasulullah bersabda: Ia akan menjadi milikmu! (Sunan al-Nasa'i, no: 2088)

4. Adakalanya Rasulullah melakukan tindakan susulan terhadap sahabat yang ditimpa masalah kewangan. Ini adalah sepertimana yang dilakukan ke atas Salman al-Farisi. Salman telah dijadikan budak suruhan (hamba) ketika datang ke Madinah dan dia terikat dengan majikannya. Lalu pada suatu hari Rasulullah memanggilnya dan memberikannya emas berbentuk sebiji telur dan berkata:

خُذْ هَذِهِ فَأَدِّ بِهَا مَا عَلَيْكَ يَا سَلْمَانُ

"Ambillah emas ini wahai Salman dan bebaskan dirimu dari tuanmu." (Musnad Ahmad). Setelah dibebaskan, barulah Salman berpeluang untuk menyertai peperangan bersama Rasulullah. Sebelum itu beliau tidak dapat menyertai perang Badar dan Uhud kerana kekangan perhambaan, bekerja dengan tuannya. Beliau mula berjihad bersama

dengan Rasulullah dalam Perang Khandaq dan seterusnya menyertai peperangan yang lain bersama Baginda Nabi SAW.

5. Begitu juga Baginda SAW sangat mengambil perhatian terhadap masalah keluarga para sahabat. Saidina Jabir bin Abdullah dikatakan telah berkahwin. Satu hari beliau berjumpa dengan Rasulullah SAW dan Baginda bertanya kepada beliau: Kamu sudah berkahwin wahai Jabir? Jabir menjawab: Ya. Sabda Baginda: Apakah kamu berkahwin dengan anak dara atau janda? Jabir menjawab aku berkahwin dengan janda. Lalu Rasulullah bertanya mengapa berkahwin dengan janda. Jabir lalu menjelaskan:

يَا رَسُولَ اللَّهِ، قُتِلَ أَبِي يَوْمَ أُحُدٍ، وَتَرَكَ تسْعَ بَنَاتٍ، فَكَرِهْتُ أَنْ أَجْمَعَ إِلَيْهِنَّ خَرْقَاءَ مِثْلَهُنَّ، وَلَكِنْ امْرَأَةً تُمَشِّطُهُنَّ، وَتَقُومُ عَلَيْهِنَّ، قَالَ: «أَصَبْتَ»

"Wahai Rasulullah, sesungguhnya ayahku telah syahid dalam perang Uhud dan dia meninggalkan sembilan anak perempuan. Aku bimbang (sekiranya aku berkahwin dengan anak dara) maka dia akan jadi seperti sebahagian mereka. Namun (kalau aku berkahwin dengan janda yang berusia sedikit), wanita ini akan membantu menyikat mereka dan menguruskan urusan mereka. Rasulullah SAW lantas bersabda: Engkau telah melakukan sesuatu yang betul. (Musnad Ahmad, no: 14306)

6. Hadis ini mendidik para pendakwah bukan sekadar mengajar mereka melakukan kebaikan bahkan melakukan tindakan susulan (*follow up*) dan membimbing mereka dalam menjadi muslim yang baik.

HADIS 6: KEUTAMAAN IKHLAS

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنْ عَمْرَو بْنَ أُقَيْشٍ، كَانَ لَهُ رِبًا فِي الْجَاهِلِيَّةِ، فَكَرِهَ أَنْ يُسْلِمَ حَتَّى يَأْخُذَهُ، فَجَاءَ يَوْمُ أُحُدٍ، فَقَالَ: أَيْنَ بَنُو عَمِّي؟ قَالُوا بِأُحُدٍ، قَالَ: أَيْنَ فُلَانٌ؟ قَالُوا بِأُحُدٍ، قَالَ: فَأَيْنَ فُلَانٌ؟ قَالُوا: بِأُحُدٍ، فَلَبِسَ لَأْمَتَهُ وَرَكِبَ فَرَسَهُ، ثُمَّ تَوَجَّهَ قِبَلَهُمْ، فَلَمَّا رَآهُ الْمُسْلِمُونَ، قَالُوا: إِلَيْكَ عَنَّا يَا عَمْرُو، قَالَ: إِنِّي قَدْ آمَنْتُ، فَقَاتَلَ حَتَّى جُرِحَ، فَحُمِلَ إِلَى أَهْلِهِ جَرِيحًا، فَجَاءَهُ سَعْدُ بْنُ مُعَاذٍ، فَقَالَ لِأُخْتِهِ: سَلِيهِ حَمِيَّةً لِقَوْمِكَ، أَوْ غَضَبًا لَهُمْ أَمْ غَضَبًا لِلَّهِ؟ فَقَالَ: بَلْ غَضَبًا لِلَّهِ وَلِرَسُولِهِ، فَمَاتَ فَدَخَلَ الْجَنَّةَ، وَمَا صَلَّى لِلَّهِ صَلَاةً"

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA, sesungguhnya Amru bin Uqaysh RA adalah seorang yang mengamalkan riba di zaman Jahiliah. Beliau tidak ingin memeluk Islam sehinggalah beliau boleh mengutip semua hasil (riba tersebut). Ketika berlangsungnya hari Perang Uhud dia datang dan bertanya: Dimana anak-anak pakcikku? Orang ramai berkata: Mereka di medan Uhud. Lalu dia bertanya lagi: Di mana si fulan? Mereka menjawab: Dia di medan Uhud. Lalu Amru memakai baju besinya dan menunggang kudanya menuju ke medan Uhud dan dia menuju ke tentera muslimin. Kaum muslimin berkata: Pergi engkau dari kami! Lalu Amru menjawab: Sesungguhnya aku telah beriman. Lalu dia pun berjuang sehingga cedera dan dibawa ke pangkuan keluarganya. Lalu datanglah Saad bin Muaz RA. Saad bertanya kepada saudara perempuan Amru: Tanyakan kepada Amru, apakah dia pergi berperang semata-mata

untuk mempertahankan kaumnya, atau dia berperang kerana marah ke atas kaumnya atau dia pergi berjuang kerana Allah. Lalu dia (Amru) berkata: Dia berjuang kerana Allah dan Rasulnya. Lalu dia pun meninggal dan dianugerahkan syurga sedangakan dia tidak pernah menunaikan solat kepada Allah walaupun sekali. (**Sunan Abu Daud, no:2537 - Hadis Hasan**)

ULASAN:

1. Hadis ini mengingatkan kepada kita tentang keutamaan ikhlas. Mereka yang ikhlas menunaikan sesuatu amalan akan diberikan ganjaran yang tinggi walaupun dengan amalan yang sedikit. Perhatikan keistimewaan Saidina Amru bin Uqaysh. Walaupun tidak pernah menunaikan solat walaupun satu rakaat, disebabkan kerana keikhlasan dalam menunaikan sesuatu amalan, Allah menganugerahkan buatnya ganjaran syurga.

2. Begitu juga dengan Yasar al-Habshi RA. Seorang sahabat Rasulullah SAW yang memeluk Islam ketika dalam tempoh berlakunya perang Khaibar. Beliau lantas menyertai misi Khaibar dan syahid tanpa pernah menunaikan solat walau satu rakaat sekalipun. Kisah beliau ini dinukilkan oleh al-Imam Ibn al-Qayyim yang menyebutkan keadaan kematian beliau. Sabda Rasulullah:

   لقد حَسُن إسلام صاحبكم، لقد دخلت عليه وإن عنده لزوجتين له من الحور العين

   “Sesungguhnya saudara kamu telah memeluk Islam dalam keadaan yang baik. Ketika mana aku menziarahi jenazah beliau, aku mendapati beliau dikurniakan dengan dua bidadari dari syurga.” (Ibn al-Qayyim, Zad al-Ma’ad).

3. Tidak ada anugerah yang lebih indah daripada dikurniakan pengakhiran (kematian) yang baik. Sabda Rasulullah:

    يُبعَثُ كُل عبدٍ على ما مات عليه

    "Setiap manusia akan dibangkit dalam keadaan bagaimana dia meninggal."

4. Mereka adalah kumpulan manusia yang terpilih, yang dikurniakan oleh Allah anugerah kematian yang hebat walaupun dengan amalan yang sedikit. Perihal kematian yang baik ini turut menjadi perhatian Rasulullah. Baginda sendiri berdoa agar dikurniakan kematian dalam keadaan seorang Muslim. Marilah bersama kita amalkan doa yang dibaca oleh Baginda Nabi:

    اللهم توفنا مسلمين، وأحينا مسلمين، وألحقنا بالصالحين

    "Ya Allah, matikanlah kami dalam keadaan Muslim, kurniakanlah kami kehidupan Muslim, dan kumpulkanlah kami bersama para solihin." (Sahih al-Bukhari).

HADIS 7: TERUSKAN BERDAKWAH SEKALIPUN DITINGGALKAN MANUSIA

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ، قَالَ: بَيْنَا النَّبِيُّ ﷺ قَائِمٌ يَوْمَ الْجُمُعَةِ، إِذْ قَدِمَتْ عِيرٌ إِلَى الْمَدِينَةِ، فَابْتَدَرَهَا أَصْحَابُ رَسُولِ اللهِ ﷺ، حَتَّى لَمْ يَبْقَ مَعَهُ إِلَّا اثْنَا عَشَرَ رَجُلًا، فِيهِمْ أَبُو بَكْرٍ وَعُمَرُ، قَالَ: وَنَزَلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ: {وَإِذَا رَأَوْا تِجَارَةً أَوْ لَهْوًا انْفَضُّوا إِلَيْهَا} [الجمعة: 11]

Maksudnya: Daripada Jabir bin Abdullah, dia berkata: Ketika Nabi SAW sedang berdiri (menyampaikan khutbah) hari Jumaat, telah datang kafilah dagangan ke Madinah. Lalu bersegeralah para sabahat Rasulullah SAW pergi menyambut (mendapatkan kafilah dagangan tersebut) sehinggalah tidak tinggal (sahabat Nabi yang mendengar khutbah tersebut) melainkan dua belas lelaki sahaja. Dalam kalangan mereka terdapat Abu Bakar RA dan Umar RA. Lalu turunlah ayat ini: "Dan apabila mereka mengetahui kedatangan barang-barang dagangan (yang baharu tiba) atau (mendengar) sesuatu hiburan, mereka bersurai (lalu pergi) kepadanya dengan meninggalkan engkau berdiri (keseorangan) (Surah al-Jumu'ah: 11)." (**Sahih Muslim, no: 863**)

ULASAN

1. Hadis ini menunjukkan kepada kita bagaimana dunia itu menggoda, sekalipun manusia berada di hadapan Nabi yang agung, mereka boleh terpesona dengan kilauan dunia sehingga meninggalkan

Rasulullah berdiri keseorangan. Apakah kita akan meninggalkan ajaran Rasulullah hanya kerana habuan dunia?

2. Ingatlah bahawa urusan dakwah ini tidak akan mengecewakan mukmin. Beberapa episod dari sirah membuktikan bahawa para ulama itu tidak jemu menyampaikan dakwah sekalipun mereka ditinggalkan manusia.

3. Ibn Asakir menggambarkan kepada kita tentang Tabi'i yang terkenal iaitu Ata' Ibn Rabah sebagai seorang manusia yang sangat redha. Beliau sentiasa menyampaikan pengajiannya sekalipun hanya dihadiri oleh tujuh atau lapan orang sahaja. Sedangkan keilmuannya adalah sesuatu yang tidak dinafikan. Kata seorang lelaki dari Bani Umayyah:

   لا يفتي الناس في الحج غير عطاء

   "Manusia tidak akan mengeluarkan fatwa berhubung haji sekiranya Ata' masih ada." (Ibn Asakir, Tarikh Dimasyq)

4. Kenyataan ini membuktikan tahap keilmuannya yang tinggi yang dimiliki oleh Ata' bin Rabah sehingga tiada siapa yang berani memberikan fatwa sekiranya Ata' ibn Rabah masih ada. Namun, dalam menyampaikan dakwah, beliau tidak merasa jemu untuk meneruskan sekalipun hanya disahut oleh segelintir. (Tarikh Dimashq, Ibn Asakir)

5. Hanbal bin Ishaq pula menceritakan bahawa al-Imam Ahmad ibn Hanbal menghabiskan proses pengajian kitab Musnadnya (secara imla') hanya dengan tiga orang pelajar iaitu Hanbal, Soleh dan Abdullah. (Siyar A'lam al-Nubala')

6. Begitulah lumrah dakwah. Seorang pendakwah akan diuji dengan dunia. Adakalanya dunia mengujinya dengan melarikan mad'u (orang yang diseru) daripada mereka. Adakalanya dunia akan mengalihkan dirinya dari urusan dakwahnya.

   Apakah kita akan meninggalkan Rasulullah berdiri keseorangan? Apakah kita akan meninggalkan dakwah Rasulullah kesepian?

HADIS 8: MENYAPU DARAH DI WAJAH RASULULLAH SAW

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ السَّاعِدِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَنَّهُ سُئِلَ عَنْ جُرْحِ النَّبِيِّ ﷺ يَوْمَ أُحُدٍ، فَقَالَ: «جُرِحَ وَجْهُ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَكُسِرَتْ رَبَاعِيَتُهُ، وَهُشِمَتِ البَيْضَةُ عَلَى رَأْسِهِ، فَكَانَتْ فَاطِمَةُ عَلَيْهَا السَّلاَمُ، تَغْسِلُ الدَّمَ وَعَلِيٌّ يُمْسِكُ، فَلَمَّا رَأَتْ أَنَّ الدَّمَ لاَ يَزِيدُ إِلَّا كَثْرَةً، أَخَذَتْ حَصِيرًا فَأَحْرَقَتْهُ حَتَّى صَارَ رَمَادًا، ثُمَّ أَلْزَقَتْهُ فَاسْتَمْسَكَ الدَّمُ»

Maksudnya: Daripada Saidina Sahl bin Sa'd al-Sa'idi RA bahawa dia ditanya tentang luka yang dialami Nabi SAW ketika pertempuran di medan Uhud. Sahl menjawab: "Wajah Nabi SAW terluka, gigi gerahamnya pecah dan topi pelindung kepala Baginda juga pecah. Ketika itu Fatimah AS adalah orang yang membersihkan darah Baginda sedangkan Ali menahannya. Ketika Fatimah melihat darah yang keluar semakin banyak, maka dia mengambil tikar lalu membakarnya hingga menjadi abu, kemudian menampalnya pada luka Rasuullah sehinggalah darah berhenti mengalir. (**Sahih al-Bukhari, no: 2911**)

ULASAN:

1. Hadis ini menunjukkan betapa kesungguhan Rasulullah SAW serta para sahabat dalam menjayakan misi dakwah itu terbina dengan jiwa dan semangat yang sangat luar biasa. Bayangkan pertempuran sengit

2. yang berlaku sehingga pecahnya topi pelindung kepala Rasulullah, luka di wajahnya bahkan pendarahan yang sukar berhenti mengalir. Ini semua menunjukkan bahawa pengorbanan yang dilalui bukanlah sedikit. Ujian yang berlaku adalah *real*. Dalam usia sekitar 57 tahun itu, perjuangan dakwah sebegini memerlukan jiwa yang sangat kental.

3. Apa yang menariknya, hadis yang sama ini diriwayatkan juga oleh al-Imam Muslim dalam bab yang menceritakan tentang Perang uhud. Setelah meriwayatkan hadis ini di dalam kitab Sahihnya, al-Imam Muslim menukilkan pula hadis berkenaan doa Rasulullah yang memohon keampunan buat kaumnya sekalipun mereka melukai wajah Rasulullah. Perkara ini diceritakan oleh Saidina Abdullah bin Mas'ud yang menyebutkan:

   عَنْ عَبْدِ اللهِ، قَالَ: كَأَنِّي أَنْظُرُ إِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَحْكِي نَبِيًّا مِنَ الْأَنْبِيَاءِ ضَرَبَهُ قَوْمُهُ، وَهُوَ يَمْسَحُ الدَّمَ عَنْ وَجْهِهِ، وَيَقُولُ: «رَبِّ اغْفِرْ لِقَوْمِي فَإِنَّهُمْ لَا يَعْلَمُونَ»،

   "Daripada Abdullah bin Mas'ud dia berkata: Seolah-olah aku masih menyaksikan wajah Rasulullah yang menceritakan tentang perihal seorang Nabi yang dipukul oleh kaumnya dan dia mengesat darah yang mengalir di wajahnya sambil berdoa: Wahai Tuhanku, ampunkanlah kaumku, sesungguhnya mereka tidak mengetahui." (Sahih Muslim, no: 1792)

4. Melalui susunan hadis ini, al-Imam Muslim seolah-olah ingin menyampaikan kepada kita, biarpun segala cabaran yang dilalui oleh

Rasulullah dalam misi dakwah, Baginda tetap mendoakan keampunan buat umatnya. Apa yang lebih utama adalah menyampaikan hidayah dan membimbing manusia kepada Allah. Inilah semangat perjuangan dalam dakwah yang perlu dipelajari oleh setiap pendakwah masakini.

HADIS 9: BERDAKWAH LEBIH SUKAR DARI PERANG UHUD

أَنَّ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، زَوْجَ النَّبِيِّ ﷺ، حَدَّثَتْهُ أَنَّهَا قَالَتْ لِلنَّبِيِّ ﷺ: هَلْ أَتَى عَلَيْكَ يَوْمٌ كَانَ أَشَدَّ مِنْ يَوْمِ أُحُدٍ، قَالَ: " لَقَدْ لَقِيتُ مِنْ قَوْمِكِ مَا لَقِيتُ، وَكَانَ أَشَدَّ مَا لَقِيتُ مِنْهُمْ يَوْمَ العَقَبَةِ، إِذْ عَرَضْتُ نَفْسِي عَلَى ابْنِ عَبْدِ يَالِيلَ بْنِ عَبْدِ كُلاَلٍ، فَلَمْ يُجِبْنِي إِلَى مَا أَرَدْتُ، فَانْطَلَقْتُ وَأَنَا مَهْمُومٌ عَلَى وَجْهِي، فَلَمْ أَسْتَفِقْ إِلَّا وَأَنَا بِقَرْنِ الثَّعَالِبِ فَرَفَعْتُ رَأْسِي، فَإِذَا أَنَا بِسَحَابَةٍ قَدْ أَظَلَّتْنِي، فَنَظَرْتُ فَإِذَا فِيهَا جِبْرِيلُ، فَنَادَانِي فَقَالَ: إِنَّ اللَّهَ قَدْ سَمِعَ قَوْلَ قَوْمِكَ لَكَ، وَمَا رَدُّوا عَلَيْكَ، وَقَدْ بَعَثَ إِلَيْكَ مَلَكَ الجِبَالِ لِتَأْمُرَهُ بِمَا شِئْتَ فِيهِمْ، فَنَادَانِي مَلَكُ الجِبَالِ فَسَلَّمَ عَلَيَّ، ثُمَّ قَالَ: يَا مُحَمَّدُ، فَقَالَ، ذَلِكَ فِيمَا شِئْتَ، إِنْ شِئْتَ أَنْ أُطْبِقَ عَلَيْهِمُ الأَخْشَبَيْنِ؟ فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: بَلْ أَرْجُو أَنْ يُخْرِجَ اللَّهُ مِنْ أَصْلاَبِهِمْ مَنْ يَعْبُدُ اللَّهَ وَحْدَهُ، لاَ يُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا "

Maksudnya: Daripada Saidatina Aisyah RA, dia bertanya kepada Nabi SAW: Adakah ada hari yang lebih sukar buatmu dari Perang Uhud? Lalu Rasulullah SAW menjelaskan: Sesungguhnya aku telah berhadapan dengan (seksaan) kaummu, namun hari yang lebih dahsyat yang pernah aku lalui ialah Hari al-Aqabah dimana aku telah berdakwah menawarkan diriku kepada kaum Ibn Abd Yalayl bin Abd Kulal (berdakwah di Taif). Mereka tidak menerima dakwahku, lalu aku pun beredar dengan kekusutan (sedih) yang menyelubungi wajahku. Aku tidak sedar sehinggalah aku sampai di Qarn al-Tha'alib, aku dongakkan kepalaku lalu aku ternampak seperti kumpulan awan menyelubungiku. Aku perhatikan rupa-rupanya ia adalah Jibril. Dia memanggilku dan berkata: Sesungguhnya Allah telah mendengar apa yang dikatakan oleh kaummu kepadamu. Mereka tidak menerima dakwahmu. Dan disini Allah telah mengutuskan kepadamu Malaikat Bukit yang bersedia menerima arahan darimu. Lalu Malaikat Bukit memanggilku dan memberi salam kepadaku. Kemudian dia berkata: Wahai Muhammad, sekiranya engkau kehendaki, aku akan hempaskan dua bukit al-Akhsyabain (bukit Abu Qubays dan bukit Qu'aiqi'an) ke atas mereka. Lalu Rasulullah menjawab: Bahkan aku berharap akan keluar dari tulang sulbi mereka keturunan yang menyembah Allah serta tidak menyekutukanNya. (**Sahih al-Bukhari, no: 3231**)

ULASAN

1. Hadis ini menjelaskan kepada kita tentang kesukaran berdakwah yang dilalui oleh Rasulullah SAW. Baginda Nabi SAW meluahkan perkara ini kepada Saidatina Aisyah RA bahawa hari yang lebih susah dari Perang Uhud adalah hari ketika Baginda berdakwah di Taif.

Luahan ini turut membayangkan akan kesukaran berperang dari aspek ideologi dan psikologi dalam berdakwah. Ia adalah sama kesukarannya dengan pertembungan fizikal. Hari ini sekalipun tiada pertempuran fizikal, peperangan ideologi dengan kumpulan liberal, athies dan sebagainya menggambarkan kepayahan kognitif yang bakal dilalui oleh pendakwah.

2. Kesedihan menyelubungi Rasulullah SAW sehingga Baginda tidak menyedari dirinya telah berjalan dalam jarak yang jauh sampai ke satu kawasan bernama Qarn al-Ta'alib. Disinilah malaikat datang menghulurkan bantuan. Insiden ini mendidik pendakwah bahawa kesukaran yang dilalui dalam liku dakwah adalah sesuatu yang normal dan Allah adalah sebaik-baik tempat mengadu.

3. Tiada dendam dalam berdakwah. Perhatikan bagaimana Rasulullah menolak kaum Taif dari dibinasakan. Ini adalah matlamat asas dakwah iaitu mengetuk dan membuka pintu hati manusia kepada Allah, bukan menutupnya dengan kebencian. Kesannya perhatikan bagaimana pembesar Quraysh yang memusuhi Islam, akhirnya anak-anak mereka berjihad membela Islam. Sebagai contoh:

    - **Khalid bin al-Walid**. Beliau adalah anak kepada al-Walid ibn al-Mughirah, lelaki yang menyifatkan Rasulullah sebagai ahli sihir. Usaha al-Walid menentang Islam direkodkan oleh Allah di dalam al-Quran (Surah al-Muddathir: 18-26) yang menceritakan bagaimana beliau berfikir untuk menolak al-Quran. Dalam usaha memerangi Rasulullah, akhirnya anaknya Khalid menjadi pahlawan dalam Islam. Berjihad mempertahankan agama Allah.

- **Amru bin al-As**. Beliau adalah anak kepada al-As bin Wa'il lelaki yang memanggil Rasulullah sebagai al-Abtar (yang terputus keturunan kerana meninggalnya anak lelaki). Menurut Ibn Ishaq, al-As bin Wa'il pernah mengejek Rasulullah ketika salah seorang anak Nabi meninggal. Lalu diturunkan surah al-Kauthar. Biarpun al-As memusuhi Islam, anaknya Amru al-As menjadi pahlawan yang berjihad bersama Rasulullah.

- **Ikrimah bin Abu Jahal**. Siapa yang tidak kenal Abu Jahal, musuh Rasulullah SAW yang banyak menyakiti Rasulullah. Kebencian Abu Jahal kepada Rasulullah sehingga berusaha menghempapkan batu ke atas kepala Rasulullah ketika Baginda sedang sujud. Namun, Allah membuka pintu hati anaknya Ikrimah yang akhirnya memeluk Islam.

4. Di penghujung kisah dakwah di Taif, akhirnya Rasulullah di datangi oleh kumpulan jin yang mendengar bacaan al-Quran dan memeluk Islam. Insiden yang direkodkan di dalam al-Quran (al-Ahqaf: 29) ini menggambarkan betapa andai sekiranya manusia menolak dakwah kita, pasti akan ada kumpulan lain yang menerimanya. Apa yang paling utama adalah pendakwah tidak berputus asa.

HADIS 10: JANGAN MEMPERKECIL USAHA KUMPULAN YANG LAIN

عَنْ مُصْعَبِ بْنِ سَعْدٍ، قَالَ: رَأَى سَعْدٌ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ لَهُ فَضْلًا عَلَى مَنْ دُونَهُ، فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: «هَلْ تُنْصَرُونَ وَتُرْزَقُونَ إِلَّا بِضُعَفَائِكُمْ»

Maksudnya: Daripada Mus'ab bin Saad, dia berkata, sesungguhnya Sa'd bin Abi Waqas RA merasakan dirinya mempunyai kelebihan daripada orang lain (merasakan dirinya berjuang lebih dari orang lain yang dilihat lemah). (Sikap ini ditegur oleh Rasulullah), lalu Rasulullah SAW bersabda: "Bukankah kamu ini diberikan kemenangan dan dikurniakan rezeki adalah disebabkan kerana golongan yang lemah ini?" (**Sahih al-Bukhari, no: 2896**)

ULASAN

1. Menurut Dr. Mustafa Bugha, ketika berlakunya peperangan, ada di kalangan sahabat yang merasakan diri mereka berhak mendapat harta rampasan (ghanimah) yang lebih berbanding dengan orang lain. Mereka merasakan mereka berjihad lebih banyak daripada golongan yang lemah seperti orang tua atau orang cacat. Sikap sebahagian sahabat Nabi ini ditegur oleh Rasulullah. Lalu Rasulullah menegaskan bahawa kemenangan Islam juga datang melalui sumbangan mereka.

2. Bahkan Dr. Mustafa al-Bugha turut menjelaskan bahawa terkadang golongan yang lemah (miskin, tua atau kurang upaya) mempunyai jiwa nurani yang lebih ikhlas berbanding mereka yang sihat sempurna. Kata Dr. Mustafa:

ببركتهم ودعائهم لصفاء ضمائرهم وقلة تعلقهم بزخرف الدنيا
فيغلب عليهم الإخلاص في العبادة ويستجاب دعاؤهم

"(Allah memberikan rezeki dan kemenangan) melalui keberkatan dan doa (golongan yang lemah ini) disebabkan kerana kemurniaan jiwa mereka, kerana mereka adalah golongan yang sangat kurang bergantung kepada keindahan dunia. Lalu jiwa mereka diselubungi sifat ikhlas dalam beribadah dan doa mereka mustajab." (Mustafa al-Bugha, Sharh Sahih al-Bukhari)

3. Dalam sebuah hadis yang lain pula Rasulullah memanggil kumpulan yang dianggap lemah ini dan menghargai usaha mereka. Sabda Rasulullah:

عن أَبَي الدَّرْدَاءِ، يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ:
«ابْغُونِي الضُّعَفَاءَ، فَإِنَّمَا تُرْزَقُونَ وَتُنْصَرُونَ بِضُعَفَائِكُمْ»

"Daripada Saidina Abu Darda RA, dia berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Datangkan kepadaku golongan yang lemah (termasuk kelainan upaya) ini, kerana sesungguhnya kamu

diberikan rezeki dan dibantu oleh Allah melalui golongan yang lemah ini." (Sunan Abu Daud, no: 2594 - Hadis Sahih)

4. Hadis ini mengingatkan kita agar sentiasa menghargai usaha setiap kumpulan dalam menjalankan kerja-kerja dakwah. Hadis ini turut melarang kita daripada memandang rendah orang lain yang turut berusaha menegakkan Islam di muka bumi ini.

HADIS 11: PENDAKWAH MESTI “TURUN PADANG”

قَالَ عِتْبَانَ بْنَ مَالِكٍ الأَنْصارِيَّ: كُنْتُ أُصَلِّي لِقَوْمِي بَنِي سَالِمٍ، فَأَتَيْتُ النَّبِيَّ ﷺ ، فَقُلْتُ: إِنِّي أَنْكَرْتُ بَصَرِي، وَإِنَّ السُّيُولَ تَحُولُ بَيْنِي وَبَيْنَ مَسْجِدِ قَوْمِي، فَلَوَدِدْتُ أَنَّكَ جِئْتَ، فَصَلَّيْتَ فِي بَيْتِي مَكَانًا حَتَّى أَتَّخِذَهُ مَسْجِدًا، فَقَالَ: «أَفْعَلُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ»، فَغَدَا عَلَيَّ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ وَأَبُو بَكْرٍ مَعَهُ بَعْدَ مَا اشْتَدَّ النَّهَارُ، فَاسْتَأْذَنَ النَّبِيُّ ﷺ ، فَأَذِنْتُ لَهُ، فَلَمْ يَجْلِسْ حَتَّى قَالَ: «أَيْنَ تُحِبُّ أَنْ أُصَلِّيَ مِنْ بَيْتِكَ؟»، فَأَشَارَ إِلَيْهِ مِنَ المكَانِ الَّذِي أَحَبَّ أَنْ يُصَلِّيَ فِيهِ، فَقَامَ، فَصَفَفْنَا خَلْفَهُ، ثُمَّ سَلَّمَ وَسَلَّمْنَا حِينَ سَلَّمَ.

Maksudnya: Saidina Itban bin Malik al-Ansari RA berkata: Aku solat bersama dengan kaumku dari Bani Salim, kemudian aku datang kepada Rasulullah SAW dan mengadu: Sesungguhnya penglihatanku menghalangku (penglihatannya lemah atau buta), dan lecak-lecak air menjadi penghalang di antara rumahku dan masjid kaumku. Maka aku berharap agar Tuan boleh datang dan menunaikan solat bersama dirumahku, sehingga aku boleh menjadikan rumahku sebagai tempat solat. Lalu Rasulullah menjawab: Baik, aku lakukan inshAllah. Maka pada keesokan harinya Rasulullah datang bersama Abu Bakar ketika matahari telah naik tinggi. Rasulullah meminta izin untuk masuk, lalu aku memberikan keizinan untuk masuk. Baginda Nabi tidak duduk

sehinggalah Baginda bertanya kepadaku: "Dimana tempat yang engkau suka agar aku boleh menunaikan solat dirumahmu ini?" Lalu aku menunjukkan tempat yang paling disukai untuk dijadikan ruang untuk solat. Baginda Nabi SAW lalu bangun (menunaikan solat), kami menyusun saf dibelakang Baginda sehinggaah kami selesai memberikan salam. **(Sahih al-Bukhari, no: 840)**

ULASAN

1. Perhatikan hadis ini bagaimana Rasulullah SAW sendiri datang untuk turun padang menunaikan permintaan seorang yang buta (atau lemah penglihatannya). Ini bagi memastikan bahawa hak setiap individu muslim mestilah ditunaikan termasuklah hak golongan kurang upaya. Baginda Nabi SAW sendiri datang ke rumah Itban untuk menunaikan solat bersamanya.

2. Hadis ini turut mengingatkan kepada kita bahawa Islam adalah agama yang mudah. Apabila terdapat sesuatu halangan atau kesusahan yang menimpa, maka Rasulullah akan berusaha mengambil langkah alternatif bagi memastikan setiap kewajipan dapat dilaksanakan dengan tidak memberatkan urusan agama tersebut. Baginda memastikan agar tiada yang menjauhi Islam.

3. Kesungguhan Rasulullah "turun padang," untuk melihat kawasan perkampungan Bani Salim yang ditimpa hujan turut seharusnya dijadikan teladan buat para pendakwah muslim dalam membantu golongan yang memerlukan. Dakwah melalui bantuan fizikal dan

akhlak yang baik lebih berkesan dari dakwah sekadar melalui facebook atau sekadar berkata-kata.

HADIS 12: TIDAK BERMASAM MUKA ATAU BERSIKAP TERLALU MEMILIH

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: أُنْزِلَ: {عَبَسَ وَتَوَلَّى} فِي ابْنِ أُمِّ مَكْتُومٍ الأَعْمَى، أَتَى رَسُولَ اللهِ ﷺ فَجَعَلَ يَقُولُ: يَا رَسُولَ اللهِ أَرْشِدْنِي، وَعِنْدَ رَسُولِ اللهِ ﷺ رَجُلٌ مِنْ عُظَمَاءِ الْمُشْرِكِينَ، فَجَعَلَ رَسُولُ اللهِ ﷺ يُعْرِضُ عَنْهُ وَيُقْبِلُ عَلَى الآخَرِ، وَيَقُولُ: أَتَرَى بِمَا أَقُولُ بَأْسًا؟ فَيَقُولُ: لاَ، فَفِي هَذَا أُنْزِلَ.

Maksudnya: Daripada Saidatina Aisyah, dia berkata: Sesungguhnya Surah Abasa diturunkan (kerana peristiwa yang berlaku) ke atas Saidina Abdullah bin Ummi Maktum yang buta. Beliau telah datang kepada Rasulullah SAW dan berkata: Wahai Rasulullah bimbinglah aku. Sedangkan di sisi Rasulullah ketika itu ada beberapa lelaki daripada pembesar Quraysh. Rasulullah lalu berpaling daripada beliau (Abdullah bin Ummi Maktum) dan mengadapkan mukanya kepada pembesar Qurasyh. Lalu Rasulullah bertanya kepada mereka: Apakah (wahyu) yang aku sampaikan ini bermasalah buat kamu? Dia (lelaki Quraysh menjawab): Tidak (tiada apa-apa masalah tentang wahyu itu). Disebabkan peristiwa inilah Surah Abasa diturunkan. **(Sunan al-Tirmizi, no: 3331 - Isnadnya Sahih)**

ULASAN

1. Hadis ini menceritakan kepada kita bagaimana Allah SWT memberikan teguran kepada Rasulullah SAW ketika didatangi oleh

2. seorang yang buta bernama Abdullah bin Ummi Maktum. Teguran ini benar-benar menusuk ke kalbu Baginda. Menurut al-Imam Abdul al-Razzaq al-San'ani, Rasulullah sangat memuliakan Ibn Ummi Maktum setelah turunnya teguran ini. (Tafsir Abdul Razzaq al-San'ani)

3. Menurut riwayat Abu Daud, Rasulullah SAW dikatakan memberikan kepercayaan kepada Abdullah bin Ummi Maktum RA dengan melantiknya sebagai pemerintah Madinah ketika ketiadaan Baginda Nabi SAW. Perkara ini diceritakan oleh Saidina Anas yang menyebutkan:

   عَنْ أَنَسٍ، «أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ اسْتَخْلَفَ ابْنَ أُمِّ مَكْتُومٍ عَلَى الْمَدِينَةِ مَرَّتَيْنِ»

   Maksudnya: Daripada Anas, dia berkata sesungguhnya Nabi SAW melantik Abdullah ibn Ummi Maktum sebagai pemerintah Madinah sebanyak dua kali. (Sunan Abu Daud, no: 2931 - Sanadnya Sahih)

4. Kita tidak tahu orang yang dipandang rendah sebelum ini barangkali mempunyai potensi yang luar biasa berbanding orang lain. Bahkan mereka lebih bersungguh dalam mempertahankan Islam. Sebagai contoh, kesungguhan Abdullah bin Ummi Maktum dalam mendaulatkan Islam seharusnya dijadikan pedoman buat kita semua samada yang sempurna mahupun yang memiliki kelainan upaya.

   Menurut al-Imam al-Zahabi, Ibn Ummi Maktum adalah di antara sahabat yang terawal berhijrah ke Madinah demi mempertahankan imannya. Apa yang lebih menarik lagi beliau turut serta dalam sebahagian peperangan dan meminta agar bendera jihad diberikan kepada beliau. Kata beliau:

   ادْفَعُوا إِلَيَّ اللِّوَاءَ، فَإِنِّي أَعْمَى لاَ أَسْتَطِيْعُ أَنْ أَفِرَّ، وَأَقِيْمُوْنِي بَيْنَ الصَّفَيْنِ

"Berikan kepada aku bendera perang. Sesungguhnya aku adalah seorang yang buta dan aku tidak akan mampu lari, letakkanlah aku diantara dua saf perang ini." (saf tentera Islam dan tentera musuh). (Siyar A'lam al-Nubala)

5. Hadis ini turut mengingatkan kepada kita bahawa kita perlu mengutamakan kepada mereka yang benar-benar ingin bersama dalam jalan dakwah ini. Apabila ada di kalangan mad'u (anak didik) yang telah menyatakan keinginan dan memberikan komitmen, inilah kumpulan yang seharusnya menjadi tumpuan.

HADIS 13: BIJAK MENILAI KEADAAN SEBELUM MEMBUAT PEMBAHARUAN

عن عَائِشَةُ قَالَتْ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: "يَا عَائِشَةُ لَوْلاَ قَوْمُكِ حَدِيثٌ عَهْدُهُمْ بِكُفْرٍ، لَنَقَضْتُ الكَعْبَةَ فَجَعَلْتُ لَهَا بَابَيْنِ: بَابٌ يَدْخُلُ النَّاسُ وَبَابٌ يَخْرُجُونَ " فَفَعَلَهُ ابْنُ الزُّبَيْرِ

Maksudnya: Daripada Saidatina Aisyah RA berkata, sesungguhnya Rasulullah SAW pernah mengucapkan: Wahai Aisyah, kalaulah bukan kerana kaummu masih dekat dengan zaman kekufuran mereka (zaman jahiliah mereka), nescaya aku akan runtuhkan Kaabah dan binanya semula dengan menjadikannya mempunyai dua pintu. Satu pintu untuk manusia masuk dan satu pintu untuk manusia keluar. Lalu apabila Abdullah bin al-Zubair menjadi Gabenor Mekah, beliau melaksanakan hadis Nabi ini. (**Sahih al-Bukhari, no: 126**)

ULASAN

1. Hadis ini menggambarkan kebijaksanaan Rasulullah SAW dalam membaca keadaan. Walaupun memperbaiki semula binaan Kaabah adalah sesuatu yang diharapkan oleh Nabi, namun Baginda bimbang kaumnya akan lari meninggalkan Islam sekiranya perubahan itu dilakukan secara tergesa-gesa. Mengelakkan mereka dari jatuh semula ke dalam kekufuran adalah lebih utama daripada maslahah

membina semula Kaabah yang telah diubah sedikit pembinaannya oleh Quraysh.

2. Menurut al-Imam al-Nawawi, Quraysh telah melakukan perubahan ketika membina semula Kaabah. Binaan tersebut dikatakan berlaku kekurangan disebabkan kerana kekurangan peruntukan yang diberikan. Lalu Rasulullah berhasrat untuk memperbaiki binaan Kaabah dengan meruntuhkannya dan membinanya semula sepertimana yang diasaskan oleh Nabi Ibrahim AS. Baginda SAW bercadang meletakkan dua pintu (satu pintu di timur dan satu pintu di barat) dan meluaskannya dengan memasukkan Hijr sekali.

3. Hadis ini turut menggambarkan bagaimana Rasulullah SAW sanggup mengorbankan perkara yang kecil demi maslahah yang lebih besar. Perhatikan bagaimana Rasulullah SAW mengalah dalam Perjanjian Hudaibiyyah. Baginda SAW sanggup membuang perkataan "Rasulullah" apabila Suhayl bin Amru (wakil Quraysh) meminta sedemikian. Sekalipun dibantah oleh Saidina Ali, Rasulullah bertegas melakukannnya. Ini kerana perkara kecil sebegini masih boleh dikendurkan lagi demi maslahah yang lebih besar. Akhirnya disebabkan Perjanjian Hudaibiyyah inilah pembukaan Kota Mekah berjaya diperolehi.

4. Begitu juga dengan kes pembahagian harta rampasan Perang Hunain. Baginda SAW telah memberikan harta rampasan perang yang banyak kepada Qurasyh, Ghatban dan Tamim untuk mendekatkan mereka dengan Islam. Baginda melihat maslahah yang lebih utama iaitu supaya kaum yang baru memeluk Islam merasa seronok dengan

Islam. Tindakan Rasulullah SAW ini membuatkan kaum Ansar terasa. Lalu Rasululah memujuk kaum Ansar dengan bersabda:

«يَا مَعْشَرَ الأَنْصَارِ، أَلاَ تَرْضَوْنَ أَنْ يَذْهَبَ النَّاسُ بِالدُّنْيَا، وَتَذْهَبُونَ بِرَسُولِ اللَّهِ تَحُوزُونَهُ إِلَى بُيُوتِكُمْ»

"Wahai kaum Ansar, apakah kamu tidak reda melihat manusia pulang dengan harta dunia (yang sekelumit cuma) sedangkan kamu pulang bersama dengan Rasulullah, yang mengiringi kamu ke rumah-rumah kamu?" (**Sahih al-Bukhari, no: 4337**)

5. Begitulah para pendakwah seharusnya bijak membaca keadaan. Mereka mesti dilatih supaya berhati-hati meneliti keutamaan yang perlu difokuskan demi kebaikan anak didik (mad'u) dan menjaga hak Islam.

HADIS 14: BERKERJASAMA DALAM MISI DAKWAH DAN KEHIDUPAN

عَنْ أَبِي مُوسَى، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: «إِنَّ الأَشْعَرِيِّينَ إِذَا أَرْمَلُوا فِي الغَزْوِ، أَوْ قَلَّ طَعَامُ عِيَالِهِمْ بِالْمَدِينَةِ جَمَعُوا مَا كَانَ عِنْدَهُمْ فِي ثَوْبٍ وَاحِدٍ، ثُمَّ اقْتَسَمُوهُ بَيْنَهُمْ فِي إِنَاءٍ وَاحِدٍ بِالسَّوِيَّةِ، فَهُمْ مِنِّي وَأَنَا مِنْهُمْ»

Maksudnya: Daripada Abu Musa al-Asy'ari RA dia berkata, Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya kaum al-Asy'ariyyun itu apabila mereka kehabisan makanan ketika berperang, atau kekurangan makanan ketika mereka berada di Madinah, mereka akan mengumpulkan makanan (apa yang ada) dalam sebuah kain. Kemudian mereka meletakkannya di dalam sebuah bekas lalu dibahagikan sama banyak di antara mereka. Sesungguhnya kaum al-Asy'ariyyun ini adalah sebahagian daripada diriku dan aku adalah sebahagian daripada mereka. (**Sahih al-Bukhari, no: 2486**)

ULASAN:

1. Hadis ini menceritakan tentang pujian Rasulullah SAW terhadap kaum al-Asy'ariyyun yang berasal dari Yaman. Mereka mempunyai ikatan hubungan yang kuat dalam setiap masa samada ketika berjihad di jalan Allah mahupun dalam kehidupan biasa di Madinah. Tindakan mereka yang saling membantu sesama mereka mendapat pujian daripada Rasulullah SAW sehingga Baginda sendiri mengaku yang Baginda adalah sebahagain daripada mereka.

2. Menurut al-Imam Ibn Hajar al-'Asqalani, yang dimaksudkan dengan kata-kata Rasulullah "aku sebahagian daripada mereka" ialah perbuatan mereka itu mirip dengan perbuatan seperti yang aku ingin lakukan. Iaitu saling menjaga sesama mereka dan saling membantu. Pandangan yang sama turut diungkapkan oleh Dr. Mustafa al-Bugha yang menyebutkan:

   طريقتي وطريقتهم واحدة في التعاون على البر والتقوى وطاعة الله عز وجل ولذلك لا أتخلى عنهم

   "Cara (atau kaedah) diriku dengan kaedah yang dilakukan oleh mereka (kaum al-Asy'ariyyun) ini adalah sama iaitu saling membantu atas tujuan kebaikan dan takwa. Dan dengan itu aku tidak mengasingkan diri dari mereka." (Sharh Sahih al-Bukhari)

3. Kesungguhan kaum al-Asy'ariyyun dalam memelihara dan menjaga kaum mereka tidak pula dicela oleh Rasulullah SAW dan tidak pula dianggap asabiyyah. Ini kerana, dalam hadis yang lain, Baginda Nabi SAW menjelaskan bahawa asabiyyah itu adalah mereka yang membantu kaum mereka atas kemungkaran.

4. Hadis ini turut menunjukkan tentang keutamaan bekerjasama dalam misi dakwah. Rasulullah SAW memberikan dua contoh. Namun Rasulullah SAW meletakkan contoh bekerjasama dalam misi jihad dan dakwah terlebih dahulu kerana ia adalah suatu misi yang tidak dilakukan oleh semua orang.

5. Malah kaum al-Asy'ariyyun pernah menunjukkan semangat yang luar biasa dalam perihal jihad. Kesungguhan mereka dipaterikan di dalam al-Quran sebagai contoh manusia yang bersungguh menegakkan agama Allah.

6. Perkara ini diceritakan oleh Abu Musa al-Asy'ari ketika beliau bersama dengan beberapa orang dari kaumnya merayu, meminta Rasulullah SAW agar menyediakan tunggangan untuk mereka menyertai peperangan getir tersebut. Rasulullah terpaksa menolaknya kerana tidak memiliki tunggangan yang boleh membawa mereka. Perkara ini direkodkan dalam al-Quran. Firman Allah:

   قُلْتَ لا أَجِدُ مَا أَحْمِلُكُمْ عَلَيْهِ تَوَلَّوا وَأَعْيُنُهُمْ تَفِيضُ مِنَ الدَّمْعِ حَزَنًا أَلَّا يَجِدُوا مَا يُنفِقُونَ

   "Engkau berkata (wahai Muhammad): Aku tidak memiliki apa-apa (tunggangan) yang boleh membawa kamu (ke medan perang), lalu mereka (para sahabat) berpaling dan air mata mereka bergenang mengalir kerana sedih tidak mempunyai apa-apa yang boleh mereka sumbangkan." (al-Taubah:92)

7. Menurut al-Imam al-Baghawi, mereka ini dinamakan 'golongan yang menangis' (al-bukka'un). Mereka menangis sedih kerana tidak dapat turut serta dalam medan jihad. Mereka sedih kerana tidak dapat menyumbangkan sesuatu untuk Islam. al-Baghawi menyenaraikan tujuh nama sahabat yang menangis ini di dalam tafsirnya.

8. Menurut al-Imam Ibn Kathir pula, mereka yang menangis ini adalah golongan yang sangat istimewa. Sekalipun mereka tidak dapat bersama di medan jihad, pahala jihad mengalir buat mereka. Sabda Rasulullah:

   إن بالمدينة أقواماً ما قطعتم وادياً ولا سرتم سيراً إلا وهم معكم

“Sesungguhnya di Madinah ini ada satu kaum yang tidak menyertai kamu meredah lembah mahupun bermusafir jauh, namun mereka bersama kamu (dalam riwayat yang lain mereka memilik pahala seperti kamu).

HADIS 15: PENDAKWAH YANG MENYEBABKAN RASULULAH MENANGIS

عن عَلِيَّ بْنَ أَبِي طَالِبٍ، يَقُولُ: إِنَّا لَجُلُوسٌ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فِي المَسْجِدِ إِذْ طَلَعَ مُصْعَبُ بْنُ عُمَيْرٍ مَا عَلَيْهِ إِلَّا بُرْدَةٌ لَهُ مَرْقُوعَةٌ بِفَرْوٍ فَلَمَّا رَآهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَكَى لِلَّذِي كَانَ فِيهِ مِنَ النِّعْمَةِ وَالَّذِي هُوَ اليَوْمَ فِيهِ

Maksudnya: Daripada Saidina Ali bin Abu Talib RA, dia berkata: Sesungguhnya kami sedang duduk bersama dengan Rasulullah SAW dalam masjid, lalu muncul di hadapan kami Mus'ab bin Umayr yang ada bersamanya burdah (selendang) yang bertampal dengan kulit. Apabila Rasulullah SAW melihat Mus'ab, Rasulullah menangis mengenangkan kehidupan nikmat dunia yang pernah dilaluinya dahulu (jika dibandingkan) dengan keadaan sekarangnya. (**Jami' al-Tirmizi, no: 2476** - al-Tirmizi menilai hadis ini sebagai Hasan Gharib)

ULASAN:

1. Hadis ini menceritakan kepada kita bagaimana keihklasan dan pengorbanan yang dilakukan oleh Saidina Mus'ab RA menyebabkan Rasulullah SAW menangis. Beliau adalah orang yang benar-benar menghayati perjuangan dan pengorbanan dalam berdakwah.

Kesungguhan beliau dalam menjadikan hidupnya semua untuk dakwah menyebabkan Rasulullah SAW dan para sahabat menangis.

2. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Imam al-Bukhari, Abdul Rahman bin Auf RA dikatakan menangis apabila terkenangkan Mus'ab bin Umar RA yang syahid di medan Uhud. Beliau sedang dihidangkan dengan makanan, namun tiba-tiba datang pada fikirannya terbayangkan tentang Mus'ab dan Hamzah. Beliau lalu menangis dan meninggalkan makanan tersebut.

3. Apa yang menyebabkan Rasulullah SAW dan sahabat menangis apabila mengenangkan Mus'ab bin Umayr? Tidak lain dan tidak bukan adalah kerana pengorbanan yang tinggi yang dilakukan untuk Allah. Beliau telah membenarkan janjinya untuk Allah iaitu menjadikan seluruh hidupnya berjuang membela Islam untuk Allah. Al-Imam al-Hakim meriwayatkan:

أن رسول الله ﷺ حين انصرف من أحد مر على مصعب بن عمير وهو مقتول، فوقف عليه ودعا له، ثم قرأ: من المؤمنين رجال صدقوا ما عاهدوا الله عليه

"Sesungguhnya ketika Rasulullah SAW beredar dari medan Uhud, Baginda lalu di sisi jenazah Mus'ab bin Umayr. Rasulullah lalu berhenti dan berdiri di sisinya lantas mendoakan buat diri Mus'ab. Baginda lalu membacakan ayat al-Quran yang menyebutkan: Di kalangan orang yang beriman itu, terdapat di kalangan mereka yang membenarkan janji mereka dengan Allah (iaitu berjanji menjadikan seluruh hidupnya untuk Allah).

4. Mus'ab adalah contoh sahabat yang mempunyai halatuju yang jelas. Seluruh usianya digunakan untuk memperjuangkan Islam. Kehidupan beliau seharusnya menjadi inspirasi buat kita semua. Kematian beliau menunjukkan betapa pentingnya keikhlasan amalan semasa hidup membimbing kesudahan yang baik.

HADIS 16: PENDAKWAH MESTILAH ORANG YANG DIPERCAYAI

عَنْ أَنَسٍ، أَنَّ أَهْلَ الْيَمَنِ قَدِمُوا عَلَى رَسُولِ اللهِ ﷺ فَقَالُوا: ابْعَثْ مَعَنَا رَجُلًا يُعَلِّمْنَا السُّنَّةَ وَالْإِسْلَامَ قَالَ فَأَخَذَ بِيَدِ أَبِي عُبَيْدَةَ فَقَالَ: «هَذَا أَمِينُ هَذِهِ الْأُمَّةِ»

وفِي البخاري: عَنْ حُذَيْفَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: جَاءَ أَهْلُ نَجْرَانَ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَقَالُوا: ابْعَثْ لَنَا رَجُلًا أَمِينًا فَقَالَ: «لَأَبْعَثَنَّ إِلَيْكُمْ رَجُلًا أَمِينًا حَقَّ أَمِينٍ، فَاسْتَشْرَفَ لَهُ النَّاسُ فَبَعَثَ أَبَا عُبَيْدَةَ بْنَ الجَرَّاحِ»

Maksudnya: Daripada Anas RA, sesungguhnya ahli Yaman telah datang bertemu Rasulullah SAW dan mereka berkata: Utuskan buat kami lelaki yang boleh mengajarkan kami tentang sunnah dan tentang Islam. Lalu Rasulullah memegang (dan mengangkat) tangan Abu Ubaydah al-Jarrah RA dan berkata: Inilah dia orang kepercayaan umat ini. (**Sahih Muslim, no: 2419**)

Dan di dalam Sahih al-Bukhari: Daripada Huzaifah RA, dia berkata: Sesungguhnya ahli Najran telah datang kepada Nabi SAW dan mereka berkata: Utuskan kepada kami seorang lelaki yang dipercayai. Lalu Rasulullah bersabda: Aku akan utuskan kepada kamu lelaki yang benar-benar dipercayai (bersifat amanah). Maka manusia memandang mulia perkara itu lalu Rasulullah memanggil Abu Ubaydah dan mengutusnya. (**Sahih al-Bukhari, no: 4381**)

ULASAN

1. Perhatikan hadis ini bagaimana Rasulullah SAW bersetuju dengan permintaan duta dari Yaman atau Najran yang meminta agar orang yang paling dipercayai, (yang bersifat amanah) adalah orang yang paling layak untuk diutus sebagai pendakwah yang akan mendidik masyarakat tentang Islam.

2. Hadis ini sekaligus mendidik kita bahawa pendakwah seharusnya bersifat amanah sehingga berjaya membina kepercayaan di kalangan masyarakat. Ingatkah kita bagaimana Quraysh tidak mampu untuk menolak dakwah Rasulullah SAW pada awal dakwahnya kerana Baginda adalah seorang al-Amin, orang yang sangat dipercayai.

3. Mengapa Rasulullah SAW menyifatkan Abu Ubaidah sebagai orang yang dipercayai? Sifat "Amin" atau yang dipercayai ini adalah sangat berkait rapat dengan sifat amanah. Dalam beberapa episod sirah, Abu Ubaidah menampilkan sifat amanah yang sangat luar biasa.

4. Sebagai contoh, beliau sangat amanah dalam menjaga hak Islam. Perhatikan bagaimana beliau bertempur dengan ayahnya sendiri di dalam Perang Badar. Kata al-Imam Ibn Hajar:

   وقُتل أبوه كافرًا يوم بدر، ويقال إنه هو الذي قتله،

   "Dan ayahnya terbunuh di dalam Perang Badar lalu mati dalam kekufuran. Dikatakan Abu Ubaydah lah yang telah membunuh ayahnya sendiri. (Ibn Hajar, Fath al-Bari). Menurut al-Imam al-Qurtubi pula, atas insiden inilah (iaitu kejadian Abu Ubaydah membunuh ayahnya), telah

turun ayat terakhir dari Surah al-Mujadalah. (sebahagian sarjana walaubagaimanpun menganggap riwayat ini sebagai daif).

5. Abu Ubaydah juga dilihat sebagai menampilkan sikap amanah yang luar biasa dalam mempertahankan Rasulullah. Ini terbukti dalam Perang Uhud dimana beliau sentiasa bertempur berdekatan dengan Rasulullah SAW agar berupaya melindungi Rasulullah dalam peperangan yang sengit itu.

6. Abu Ubaydah turut dilihat sebagai seorang yang dipercayai dalam kepimpinan. Ketika Saidina Umar memecat Khalid al-Walid dari pemerintahan tentera Yarmuk, Umar memilih Abu Ubaydah sebagai orang yang paling dipercayai untuk menggantikan lelaki yang digelar sebagai "Pedang Allah" (Khalid) oleh Rasulullah SAW sendiri. Malah menurut Tarikh Ibn Asakir, ketika peralihan kuasa berlaku, Abu Ubaydah mendiamkan berita kematian Abu Bakar bagi menjaga semangat perjuangan tentera Islam ketika itu.

7. Malah Abu Ubaydah juga adalah seorang yang amanah dari aspek pentadbiran. Ketika menjadi pemerintah di wilayah Syam, Umar telah datang menziarahi beliau. Beliau mendapati kehidupan Abu Ubaydah sangat zuhud. Lalu Umar berkata:

   ألا اتخذت لنفسك مثلما يصنع الناس

   "Alangkah baiknya sekiranya engkau menyediakan buat dirimu kelengkapan seperti yang dilakukan manusia yang lain?" Abu Ubaydah tersenyum lalu menjelaskan memadai buatnya apa yang ada. Pada hari

ini amat sukar untuk mencari pemimpin yang amanah yang hidup sangat zuhud.

8. Malah ketika wilayah Syam ditimpa wabak ta'un, Abu Ubaydah dikatakan tidak mahu meninggalkan wilayah Syam bagi menjaga amanah rakyat yang telah dipertanggungjawabkan ke atas dirinya. Beliau dan Muaz bin Jabal dikatakan meninggal disebabkan wabak Ta'un tersebut.[1]

9. Atas ketinggian sifat amanah ini, maka tidak hairanlah Abu Ubaydah digelar sebagai Amin al-Ummah iaitu orang kepercayaan ummah ini. Melalui sifat ini Rasulullah mengutuskannya sebagai seorang pendakwah ke Yaman atau Najran.

10. Dengan itu, setiap pendakwah seharusnya membina kepercayaan, menjadi orang yang amanah yang dipercayai masyarakat. Ia adalah sunnah yang ditunjukkan oleh hadis melalui sifat-sifat Baginda Nabi SAW serta sahabat yang mulia.

[1] Lihat juga: Azmi, Ahmad Sanusi. *40 Hadis Tentang Wabak Penyakit*. Ulum Hadith Research Centre, 2020.

HADIS 17: MENGAMBIL BERAT PERIHAL ANAK DIDIK (MAD'U)

عَنْ مَالِكِ بْنِ الحُوَيْرِثِ، قَالَ: أَتَيْنَا النَّبِيَّ ﷺ ، وَنَحْنُ شَبَبَةٌ مُتَقَارِبُونَ، فَأَقَمْنَا عِنْدَهُ عِشْرِينَ لَيْلَةً، فَظَنَّ أَنَّا اشْتَقْنَا أَهْلَنَا، وَسَأَلَنَا عَمَّنْ تَرَكْنَا فِي أَهْلِنَا، فَأَخْبَرْنَاهُ، وَكَانَ رَفِيقًا رَحِيمًا، فَقَالَ: «ارْجِعُوا إِلَى أَهْلِيكُمْ، فَعَلِّمُوهُمْ وَمُرُوهُمْ، وَصَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي، وَإِذَا حَضَرَتِ الصَّلاَةُ، فَلْيُؤَذِّنْ لَكُمْ أَحَدُكُمْ، ثُمَّ لِيَؤُمَّكُمْ أَكْبَرُكُمْ»

Maksudnya: Daripada Malik bin al-Huwairith, dia berkata: Kami, beberapa pemuda yang sebaya, telah datang kepada Rasulullah SAW dan tinggal di sisi Baginda SAW selama 20 malam. Lalu Rasulullah menyangkakan yang kami telah mula merindui ahli keluarga kami (di kampung). Baginda SAW bertanya kepada kami tentang ahli keluarga kami. Lalu kami menceritakan kepadanya tentang mereka. Rasulullah adalah seorang yang lembut hatinya dan penyayang. Lalu Baginda berpesan: Pulanglah ke pangkuan ahli keluargamu, didiklah serta perintahkanlah mereka dan tunaikanlah solat sepertimana kamu melihat aku mendirikan solat. Dan apabila tibanya waktu solat, hendaklah salah seorang dari kamu melaungkan azan. Yang paling dewasa akan menjadi imam di kalangan kamu. (**Sahih al-Bukhari, no: 6008**)

ULASAN

1. Hadis ini menjelaskan kepada kita betapa Baginda Nabi SAW adalah seorang yang sangat perihatin terhadap anak didiknya (mad'unya). Baginda mengambil berat tentang perasaan mereka, bahkan memastikan hak mereka terjaga.

2. Apatah lagi dalam urusan yang melibatkan isu kekeluargaan. Baginda akan memastikan perihal ini terjaga memandangkan institusi kekeluargaan adalah elemen asas dalam pembangunan ummah. Pernah suatu hari Rasulullah SAW berhasrat untuk memanjangkan solat. Namun apabila terdengar tangisan budak Baginda meringankan solat. Baginda tidak mahu ibu kepada anak tersebut bimbang. Sabda Baginda:

   إني لأقوم في الصلاة أريد أن أطوِّل فيها، فأسمع بكاء الصبي، فأتجوَّز في صلاتي؛ كراهية أن أشقَّ على أمِّه

   "Sesungguhnya aku sedang mendirikan solat dan aku berhasrat untuk memanjangkan solat tersebut. (Tiba-tiba) aku mendengar tangisan budak, maka aku ringkaskan solatku kerana aku tidak suka menyusahkan ibunya. (Sahih al-Bukhari, no:707)

   Begitulah dengan kisah Malik bin al-Huwairith tadi. Baginda tidak mahu ahli keluarga mereka bimbang, dan Baginda juga menjaga perasaan anak didiknya. Dalam urusan tarbiah, banyak aspek yang mesti diperhatikan oleh murabbi (pendidik).

3. Hadis ini juga mengingatkan kepada kita akan kesungguhan generasi muda di zaman Rasulullah mengembara dari jauh untuk menuntut

   ilmu dari Rasulullah. Malik bin al-Huwairith yang berasal dari Bani Layth bin Bakar dan menetap di Basrah, Iraq. (Ibn Hajar, al-Isabah). Beliau telah datang bermusafir dari jauh untuk menuntut ilmu bersama Rasululah. Begitulah tradisinya para sarjana hadis terdahulu yang mengembara puluhan negara untuk menuntut ilmu.

4. Ingatkah kita kisah Saidina Jabir bin Abdullah RA, seorang sahabat Nabi yang bermusafir selama sebulan untuk ke negeri Syam semata-mata untuk mendapatkan satu hadis daripada Abdullah bin Unais? Sehingga Abdullah bin Unais sendiri terkejut dengan kedatangan Jabir ke Syam semata-mata untuk mendengar hadis. (al-Bukhari, Adab al-Mufrad).

HADIS 18: PENGUASAAN ILMU DIUJI SEBELUM BERDAKWAH

عَنْ أُنَاسٍ مِنْ أَهْلِ حِمْصٍ، مِنْ أَصْحَابِ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ لَمَّا أَرَادَ أَنْ يَبْعَثَ مُعَاذًا إِلَى الْيَمَنِ قَالَ: «كَيْفَ تَقْضِي إِذَا عَرَضَ لَكَ قَضَاءٌ؟»، قَالَ: أَقْضِي بِكِتَابِ اللَّهِ، قَالَ: «فَإِنْ لَمْ تَجِدْ فِي كِتَابِ اللَّهِ؟»، قَالَ: فَبِسُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ، قَالَ: «فَإِنْ لَمْ تَجِدْ فِي سُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ، وَلَا فِي كِتَابِ اللَّهِ؟» قَالَ: أَجْتَهِدُ رَأْيِي، وَلَا آلُو فَضَرَبَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ صَدْرَهُ، وَقَالَ: «الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَّقَ رَسُولَ، رَسُولِ اللَّهِ لِمَا يُرْضِي رَسُولَ اللَّهِ»،

Maksudnya: Daripada ahli Hims yang terdiri dari kalangan pengikut Muaz bin Jabal RA, sesungguhnya Rasulullah SAW ketika ingin mengutuskan Muaz bin Jabal RA ke Yaman, Baginda bertanya (menguji Muaz): Bagaimana engkau menentukan hukuman sekiranya berlaku sesuatu? Lalu Muaz menjawab: Aku akan berhukum dengan Kitab Allah (al-Quran). Kemudian Rasulullah SAW bertanya lagi: Sekiranya (perkara itu) tidak ada dalam Kitab Allah? Lalu Muaz menjawab: Aku akan berhukum dengan Sunnah Rasulullah. Lalu Rasulullah bertanya lagi: Sekiranya tiada di dalam Sunnah dan Kitab Allah? Lalu Muaz menjawab: Aku akan berijtihad dengan pandanganku dan aku tidak akan berlebih-lebihan. Lalu Rasulullah mengusap dada Muaz dan bersabda: Segala puji bagi Allah yang telah memberikan taufik kepada utusan Rasulullah. (**Sunan Abu Daud - no: 3592**) (Hadis ini dinilai sebagai mempunyai

sanad yang baik (hasan/jayyid) oleh al-Zahabi (Siyar A'lam) dan Ibn Kathir di dalam tafsirnya)

ULASAN

1. Hadis ini menunjukkan kepada kita bagaimana Rasulullah menguji Saidina Muaz bin Jabal RA sebelum menghantarnya ke Yaman sebagai pendakwah yang akan mendidik penduduk negeri itu. Meneliti riwayat sirah, Muaz bin Jabal adalah antara tokoh sahabat yang dilihat banyak menerima sentuhan tarbiyah secara langsung daripada Rasulullah.

2. Rasulullah SAW mendidik Muaz melalui pelbagai situasi, santai mahupun dalam keadaan serius. Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW mengajar Muaz ketika Baginda menunggang bersama beliau. Rasulullah memanggil nama Muaz sebanyak tiga kali, dan tiga kali lah Muaz menyahut. Setelah panggilan yang ketiga Rasulullah bersabda:

   مَا مِنْ أَحَدٍ يَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، صِدْقًا مِنْ قَلْبِهِ، إِلَّا حَرَّمَهُ اللَّهُ عَلَى النَّارِ

   "Tahukah engkau bahawa tidak ada seorang yang mengucapkan syahadah (*Lailaha Illah wa Anna Muhammad Rasulullah*) ikhlas dari hatinya, diharamkan ke atasnya neraka?"

   Dialog ini tidak terhenti di sini sahaja, mendengar hadis ini Muaz memberikan reaksi spontan beliau kepada Nabi SAW. Kata Muaz: Kalau begitu lebih baik aku maklumkan perkara ini kepada mereka!

(sahabat lain). Rasulullah menjawab: Kalau begitu, (aku bimbang) mereka akan duduk diam sahaja (tidak berusaha beribadah kerana tahu setiap Muslim akan ke syurga). (Sahih al-Bukhari)

3. Respon Rasulullah SAW ini jelas menunjukkan bahawa Baginda SAW bukan sahaja mendidik Muaz bahkan menguji Muaz supaya bijak berinteraksi dengan manusia. Bukan semua perkara perlu kita sampaikan kepada semua orang. Pendakwah harus pandai membaca minda audien. Muaz kemudian mendiamkan hadis ini. Hadis ini hanyalah di sampaikan oleh Muaz sebelum beliau meninggal dunia.

4. Setelah segala proses pembangunan *da'ie* dilakukan oleh Rasulullah melalui pelbagai wasilah tarbiah, Rasulullah sendiri mengiringi Muaz sebelum dihantar menjadi pendakwah. Ketika itu Muaz menunggang tunggangannya dan Rasulullah berjalan disamping tunggangan Muaz. Situasi ketika itu amat menyedihkan. Rasullullah berterus-terang kepada Muaz:

يَا مُعَاذُ إِنَّكَ عَسَى أَنْ لَا تَلْقَانِي بَعْدَ عَامِي هَذَا وَلَعَلَّكَ أنَ تَمُرَّ بِمَسْجِدِي هَذَا، وَقَبْرِي فَبَكَى مُعَاذٌ جَشَعًا لِفِرَاقِ رَسُولِ اللَّهِ

"Wahai Muaz, barangkali engkau tidak akan dapat berjumpa dengan aku lagi selepas ini. Dan barangkali, selepas ini engkau hanya akan lalu di hadapan masjid dan kubur aku sahaja. Muaz lalu menangis dengan tangisan yang dahsyat kerana perpisahan dengan Rasulullah (yang akan berlaku)." Baginda seolah sudah mengetahui akan ajalnya.

5. Perhatikan di sini bagaimana Rasulullah membangunkan seorang pendakwah. Baginda sentiasa mendampingi Muaz, menegur Muaz, memberikan didikan tarbiah samada secara langsung atau tidak lansung. Rasulullah kemudian menguji Muaz bagi memastikan beliau mempunyai persediaan yang cukup sebagai seorang pendakwah. Bahkan Rasulullah sendiri mengiringinya dan menghantarnya ke Yaman sebagai pendakwah.

6. Begitulah situasinya hari ini, pendakwah seharusnya diberikan latihan, dibimbing dan diberikan ujian agar mereka benar-benar memahami peranan sebagai seorang yang mewarisi tugas para Rasul.

HADIS 19: BERSABAR DALAM JALAN DAKWAH

عَنْ خَبَّابٍ، قَالَ: أَتَيْنَا رَسُولَ اللَّهِ ﷺ وَهُوَ مُتَوَسِّدٌ بُرْدَةً فِي ظِلِّ الْكَعْبَةِ فَشَكَوْنَا إِلَيْهِ فَقُلْنَا: أَلَا تَسْتَنْصِرُ لَنَا، أَلَا تَدْعُو اللَّهَ لَنَا؟ فَجَلَسَ مُحْمَرًّا وَجْهُهُ فَقَالَ: «قَدْ كَانَ مَنْ قَبْلَكُمْ يُؤْخَذُ الرَّجُلُ فَيُحْفَرُ لَهُ فِي الْأَرْضِ، ثُمَّ يُؤْتَى بِالْمِنْشَارِ فَيُجْعَلُ عَلَى رَأْسِهِ، فَيُجْعَلُ فِرْقَتَيْنِ مَا يَصْرِفُهُ ذَلِكَ عَنْ دِينِهِ، وَيُمْشَطُ بِأَمْشَاطِ الْحَدِيدِ مَا دُونَ عَظْمِهِ مِنْ لَحْمٍ وَعَصَبٍ مَا يَصْرِفُهُ ذَلِكَ عَنْ دِينِهِ، وَاللَّهِ لَيُتِمَّنَّ اللَّهُ هَذَا الْأَمْرَ حَتَّى يَسِيرَ الرَّاكِبُ مَا بَيْنَ صَنْعَاءَ وَحَضْرَمُوتَ مَا يَخَافُ إِلَّا اللَّهَ تَعَالَى، وَالذِّئْبَ عَلَى غَنَمِهِ وَلَكِنَّكُمْ تَعْجَلُونَ»

Maksudnya: Daripada Khabbab bin al-Arat, dia berkata: Kami datang kepada Rasulullah yang sedang berbaring berbantalkan selendangnya dibawah bayang Kaabah. Lalu kami mengadu kepadanya: Apakah Tuan tidak meminta bantuan dari Allah untuk kami? Apakah Tuan tidak berdoa (kemenangan) untuk kami? (Baginda yang berbaring tadi bingkas bangun) lalu duduk dengan wajahnya yang merah lalu bersabda: Sesungguhnya terdapat lelaki sebelum kamu yang telah ditangkap dan digalikan lubang untuknya, ditanam dalam tanah, kemudian didatangkan dengan sebilah gergaji diletakkan diatas kepalanya dan digergajinya sehingga terpotong dua, seksaan ini sedikit pun tidak menggugatnya daripada agamanya, ada pula yang disikat dengan sikat besi, sehingga bercerai daging dan tulangnya, namun seksaan tersebut sedikitpun tidak memalingkannya dari agamanya,

sesungguhnya Allah akan menyempurnakan (keagungan agama) perkara ini sehingga manusia boleh berjalan antara San'a ke Hadramaut tanpa rasa takut kecuali kepada Allah dan serigala terhadap ternakannya, tetapi kamu tergesa-gesa.

(**Sunan Abu Daud, no: 2649** - Hadis Sahih; **Sahih Al-Bukhari, No: 6943**)

ULASAN

1. Hadis ini menceritakan tentang Saidina Khabbab RA yang mengadu tentang seksaan yang dihadapinya. Lalu beliau berharap agar Baginda Nabi memanjatkan doa kepada Allah agar segera diberikan kemenangan. Sikap Khabbab RA ini ditegur oleh Rasulullah dengan mengingatkan bahawa kaum terdahulu lebih teruk diseksa. Namun mereka bersabar atas jalan dakwah ini.

2. Saidina Khabbab adalah di antara sahabat Nabi yang sangat teruk diseksa. Ketika di zaman pemerintahan Saidina Umar, beliau pernah bertanyakan tentang seksaan yang dikenakan oleh Quraysh terhadap Bilal. Lalu Khabbab berkata:

   يا أمير المؤمنين، انظر إلى ظهري. فقال عمر: ما رأيتُ كاليوم. قال: أوقدوا لي نارًا فما أطفأها إلا وَدَكُ ظهري

   "(Kata Khabbab) Wahai Amirul Mukminin, perhatikan belakangku. Umar berkata: Aku tidak pernah melihat (kesan seksaan) seperti hari ini. Lalu Khabbab menceritakan: Quraysh telah menghidupkan api (lalu dilumurkan dibelakang badanku), tidak ada yang memadamkan

api itu melainkan lemak-lemakku yang mencair." (al-Asbahani, Hilyah al-Auliya')

3. Bayangkan, Khabbab yang diseksa sehingga cair lemaknya dibakar api itu pun masih dididik oleh Rasulullah agar bersabar. Fasa permulaan dakwah adalah fasa yang paling mencabar. Dalam menerap idea perubahan yang baharu, setiap pendakwah mesti bersabar dalam menyampaikan mesej dakwahnya.

4. Tekanan fasa awal dakwah pada hari ini lebih menjurus ke arah cabaran pemikiran dan ideologi. Para pendakwah harus tabah menghadapi cabaran memahamkan masyarakat akan kerosakan arus pemikiran baharu yang menanggalkan muslim dari akidah mereka. Muslim yang berpegang dengan al-Quran dan Sunnah pula disifatkan kolot dan tidak maju malah tidak sesuai dengan dunia moden.

HADIS 20: MEMIKUL DAKWAH SEPERTI MENGGENGGAM BARA API

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «يَأْتِي عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ الصَّابِرُ فِيهِمْ عَلَى دِينِهِ كَالقَابِضِ عَلَى الجَمْرِ»

Maksudnya: Daripada Saidina Anas bin Malik RA, dia berkata: Rasulullah SAW bersabda: Akan datang satu zaman nanti mereka yang bersabar atas perkara agamanya adalah seperti mereka yang menggenggam bara api. (**Jami al-Tirmizi, no: 2260 - Hadis Sahih**)

ULASAN

1. Hadis ini mengingatkan kepada kita bahawa Rasulullah SAW pernah berpesan tentang agama akan dilihat sebagai sesuatu yang asing. Mereka yang berpegang teguh dengan Islam akan menghadapi cabaran ketika zaman itu sehingga Rasulullah SAW membayangkannya sebagai menggenggam bara api.

2. Bahkan di dalam hadis yang sahih, Islam akan dilihat asing, mereka yang berpegang teguh pada ajaran Islam semakin sedikit dan dilihat aneh. Sabda Rasulullah:

بَدَأَ الإِسْلاَمُ غَرِيباً، وَسَيَعُودُ كَمَا بَدَأَ غَرِيباً، فَطُوبى لِلْغُرَبَاءِ

"Islam bermula sebagai asing (sesuatu yang dianggap asing dan ganjil). Dan ia akan kembali sebagaimana permulaannya, dianggap asing dan ganjil. Maka, beruntunglah orang-orang yang ganjil" (Sahih Muslim, no: 145)

3. Ketika menghuraikan hadis ini, al-Imam al-Nawawi menggambarkan bahawa mereka yang benar-benar berpegang kepada ajaran Islam akan dilihat asing dan semakin sedikit seperti permulaannnya dahulu. Bahkan mereka dianggap aneh dan pelik, tidak selari dengan perkembangan semasa, malah dilihat kolot atau ekstremis.

4. Dalam riwayat al-Tabrani, para sahabat bertanya kepada Rasulullah, siapakah yang dimaksudkan dengan asing tersebut? Lalu Rasulullah menjawab:

الذين يصلحون حين فساد الناس

"(Yang dilihat asing tersebut adalah) mereka yang cuba melakukan Islah (penambahbaikan) ketika rosaknya manusia."

5. Hari ini kerosakan dalam agama banyak yang berlaku. Sebahagian Muslim membawa acuan pemikiran liberal, memakaikan Islam dengan norma baharu yang dikatakan selari dengan arus kemodenan. Mereka mempertikai hukuman dalam al-Quran, menafsirkan al-Quran tidak berlandaskan panduan Rasulullah SAW, memandang ringan

kerosakan LGBT, bahkan memperlekeh undang-undang yang termaktub di dalam al-Quran yang dianggap keras atau mundur.

6. Manakala mereka yang bersungguh berpegang dengan Sunnah dan mempertahankan Islam untuk memperbaiki masyarakat dianggap pelik, kolot, tidak progresif bahkan bercanggah dengan kerangka pemikiran moden. Begitulah sunnah menghidupkan kefahaman Islam. Semoga Allah menyatukan hati-hati umat Islam dalam berhadapan dengan golongan Liberal yang merosakkan agama.

HADIS 21: MENANG DENGAN AKHLAK YANG MULIA

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: اسْتَأْذَنَ رَهْطٌ مِنَ الْيَهُودِ عَلَى رَسُولِ اللهِ ﷺ فَقَالُوا: السَّامُ عَلَيْكُمْ، فَقَالَتْ عَائِشَةُ: بَلْ عَلَيْكُمُ السَّامُ وَاللَّعْنَةُ، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَا عَائِشَةُ «إِنَّ اللهَ يُحِبُّ الرِّفْقَ فِي الْأَمْرِ كُلِّهِ» قَالَتْ: أَلَمْ تَسْمَعْ مَا قَالُوا؟ قَالَ: «قَدْ قُلْتُ وَعَلَيْكُمْ»

Maksudnya: Daripada Saidatina Aisyah RA, dia berkata: Sekumpulan Yahudi telah datang meminta izin untuk bertemu dengan Rasulullah lalu mereka berkata (kepada Rasulullah): As-Samu ‘Alaikum(celakalah kamu), perbuatan mereka ini dibalas oleh Aisyah dengan berkata: Bahkan ke atas kamulah kecelakaan dan laknat. Lalu Rasulullah menegur Saidatina Aisyah RA dengan bersabda: Wahai Aisyah, sesungguhnya Allah itu amat suka akan sikap penyantun dalam semua perkara. Aisyah menjawab: Apakah Tuan tidak dengar apa yang mereka ucapkan? (Aku dengar tetapi) aku hanya menjawab: Dan ke atas kamu juga. (**Sahih Muslim, no: 2165**)

ULASAN

1. Perhatikan bagaimana Rasulullah membalas kejahatan dengan kebaikan. Hadis ini menunjukkan kepada kita bagaimana Rasulullah SAW amat berhemah dalam mengendalikan urusan dakwahnya

biarpun dengan orang yang membenci. Menangi hati mereka dengan akhlak yang baik. Sesungguhnya dakwah dengan adab itu adakalanya lebih berkesan.

2. Kisah Yahudi yang memeluk Islam adalah antara contoh terbaik bagaimana Rasulullah menangani karenah sasaran dakwahnya. Menurut riwayat Ibn Hibban di dalam Sahihnya, terdapat seorang pendeta Yahudi yang berpura-pura menguji Rasulullah dengan memberi hutang kepadanya. Yahudi ini kemudian meminta bayaran balik hutang tersebut lebih awal sebelum waktu yang dipersetujui bersama. Bukan sekadar itu, Yahudi tersebut turut menyentap baju Rasulullah, mengherdik Baginda bahkan mengutuk Bani Abdul Muttalib di hadapan Rasulullah dan Saidina Umar. Umar menahan marahnya. Namun Rasulullah dengan tenang meminta Umar supaya melunaskan hutang lelaki ini.

   Akhirnya Zaid bin Sa'nah, pendeta Yahudi ini sendiri mengaku kepada Umar bahawa tindakannya itu hanyalah untuk menguji Rasulullah. Beliau akhirnya memeluk Islam. Kata beliau kepada Umar:

   يَا عُمَرُ كُلُّ عَلَامَاتِ النُّبُوَّةِ قَدْ عَرَفْتُهَا فِي وَجْهِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ حِينَ نَظَرْتُ إِلَيْهِ إِلَّا اثنتين لَمْ أَخْتَبِرْهُمَا مِنْهُ: يَسْبِقُ حِلْمُهُ جَهْلَهُ...فَقَدِ اخْتَبَرْتُهُمَا فَأُشْهِدُكَ يَا عُمَرُ أَنِّي قَدْ رَضِيتُ بِاللَّهِ رَبًّا وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا وَبِمُحَمَّدٍ ﷺ نَبِيًّا

   "Wahai Umar, semua tanda-tanda kenabian yang terdapat padanya telahpun aku ketahui ketika melihat wajahnya kecuali dua perkara yang belum aku uji. Iaitu sifat pengasihnya mengatasi kejahilannya...

Lalu aku ujinya dan aku bersaksi wahai Umar, aku reda Allah sebagai Tuhanku dan Islam agamaku dan Muhammad itu Nabiku." (Sahih Ibn Hibban, no: 288)

3. Dalam sebuah hadis sahih yang diriwayatkan oleh al-Bukhari pula (no: 1356), Rasulullah menziarahi seorang budak Yahudi yang jatuh sakit. Lalu Baginda telah menunjukkan akhlak yang baik dan mengajaknya memeluk Islam. Akhirnya budak Yahudi tersebut memeluk Islam.

4. Begitulah seharusnya para pendakwah menangani segala cabaran dakwah dengan akhlak yang baik.

HADIS 22: AMAL DAKWAH MENJADI PELINDUNG DALAM KUBUR

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّهُ حَدَّثَهُمْ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: " إِنَّ العَبْدَ إِذَا وُضِعَ فِي قَبْرِهِ وَتَوَلَّى عَنْهُ أَصْحَابُهُ، وَإِنَّهُ لَيَسْمَعُ قَرْعَ نِعَالِهِمْ، أَتَاهُ مَلَكَانِ فَيُقْعِدَانِهِ، فَيَقُولاَنِ: مَا كُنْتَ تَقُولُ فِي هَذَا الرَّجُلِ لِمُحَمَّدٍ ﷺ، فَأَمَّا المُؤْمِنُ، فَيَقُولُ: أَشْهَدُ أَنَّهُ عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ، فَيُقَالُ لَهُ: انْظُرْ إِلَى مَقْعَدِكَ مِنَ النَّارِ قَدْ أَبْدَلَكَ اللَّهُ بِهِ مَقْعَدًا مِنَ الجَنَّةِ، فَيَرَاهُمَا جَمِيعًا قَالَ: وَأَمَّا المُنَافِقُ وَالكَافِرُ فَيُقَالُ لَهُ: مَا كُنْتَ تَقُولُ فِي هَذَا الرَّجُلِ؟ فَيَقُولُ: لاَ أَدْرِي كُنْتُ أَقُولُ مَا يَقُولُ النَّاسُ، فَيُقَالُ: لاَ دَرَيْتَ وَلاَ تَلَيْتَ، وَيُضْرَبُ بِمَطَارِقَ مِنْ حَدِيدٍ ضَرْبَةً، فَيَصِيحُ صَيْحَةً يَسْمَعُهَا مَنْ يَلِيهِ غَيْرَ الثَّقَلَيْنِ"

Maksudnya: Daripada Saidina Anas bin Malik RA, dia menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya sebaik sahaja seorang hamba itu diletakkan di dalam kuburnya dan ahli keluarganya mula berpaling pulang, sedangkan dia masih mendengar derapan tapak kaki mereka, dia akan didatangi oleh dua malaikat yang akan mendudukkannya di sisi mereka. Maka mereka berdua akan bertanya kepada si mati ini: Apa pandanganmu tentang Muhammad SAW? Maka sekiranya dia orang yang beriman, dia akan menjawab: Sesungguhnya

aku bersaksi bahawa Muhammad SAW itu adalah hamba Allah dan pesuruh Allah. Lalu malaikat akan berkata kepadanya: Lihatlah tempatmu di neraka, Allah telah menggantikannya dengan satu tempat di syurga (kerana jawapannya yang benar tadi). Lalu dia diperlihatkan semuanya. Manakala sekiranya lelaki tersebut adalah munafik atau kafir, dia akan ditanya (soalan yang sama), apa pandanganmu tentang lelaki ini (iaitu Rasulullah). (Si munafik atau kafir itu akan menjawab): Aku tidak tahu, (di dunia dulu) aku hanya mengucapkan sepertimana yang dijawab oleh orang lain! Lalu malaikat berkata kepada dia: Engkau tidak tahu dan engkau tidak membaca? Lalu dipukul lelaki ini dengan palu besi satu pukulan (yang kuat), dia menjerit sehingga jeritan tersebut dapat didengari mereka yang dekat dengannya kecuali jin dan manusia. (**Sahih al-Bukhari, no: 1374**).

ULASAN

1. Hadis ini menceritakan kepada kita bagaimana setelah kita baru sahaja dimasukkan di dalam kubur, akan datang dua malaikat kepada kita. Kedatangan malaikat ini berlaku dengan masa yang pantas kerana kita masih lagi boleh mendengar derapan tapak kaki saudara mara kita yang baru berpaling untuk pulang. Saat itu kita diuji dengan soalan tentang Rasulullah. Orang beriman akan menjawabnya soalan ini melalui amalan mereka. Adalah diharapkan mereka yang memperjuangkan dakwah Rasulullah berjaya menjawabnya melalui usaha dakwah yang dilakukan dalam mempertahankan dakwah Rasulullah SAW.

2. Dalam sebuah hadis yang lain, Rasulullah menceritakan tentang amalan yang dilakukan oleh seseorang itu akan memeliharanya dari seksa kubur. Sabda Rasulullah:

«يُؤْتَى الرَّجُلُ فِي قَبْرِهِ، فَإِذَا أُتِيَ مِنْ قِبَلِ رَأْسِهِ دَفَعَتْهُ تِلَاوَةُ الْقُرْآنِ، وَإِذَا أُتِيَ مِنْ قِبَلِ يَدَيْهِ دَفَعَتْهُ الصَّدَقَةُ، وَإِذَا أُتِيَ مِنْ قِبَلِ رِجْلَيْهِ دَفَعَهُ مَشْيُهُ إِلَى الْمَسَاجِدِ، وَالصَّبْرُ حَجْزَهُ»

"Seorang lelaki akan didatangi azab di dalam kuburnya. Apabila (seksaan itu) datang dari arah kepalanya, maka bacaan al-Qurannya akan melindunginya. Apabila (seksaan itu) datang dari arah tangannya, maka amalan sedekahnya akan memeliharanya. Apabila datang dari arah kakinya maka amalan dia berjalan ke masjid itu dan kesabarannya akan mempertahankannya." (Mu'jam al-Tabrani, no: 9438)

3. Seorang pendakwah mestilah berusaha mengikhlaskan diri agar segala amalannya menjadi perisai buat dirinya. Amalan bacaan al-Quran di dalam usrahnya, memberikan infaq sedekah buat Islam, bersabar mengajar manusia ke masjid dan sebagainya, mudah-mudahan menjadi pelindung buat dirinya di dalam kubur nanti.

4. Malah mereka yang berjuang mempertahankan agama Allah akan terselamat dari azab kubur. Sabda Rasulullah:

كُلُّ مَيِّتٍ يُخْتَمُ عَلَى عَمَلِهِ إِلَّا الَّذِي مَاتَ مُرَابِطًا فِي سَبِيلِ اللهِ، فَإِنَّهُ يَنْمُو عَمَلُهُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَيَأْمَنُ فِتْنَةَ الْقَبْرِ

"Setiap mayat itu akan ditutup (dan dihitung) dengan amalannya kecuali mereka yang ribat (berjuang mempertahankan agama) di jalan Allah. Sesungguhnya amalannya akan berkembang hingga hari kiamat dan dia terselamat dari azab kubur." (Sahih Ibn Hibban, no: 4624)

Menurut al-Imam al-Qurtubi, yang dimaksudkan dengan murabit (orang yang ribat - yang berjuang) itu adalah mereka yang sentiasa berada di kubu-kubu umat Islam. Perkataan ribat diambil dari maksud ikatan, seolah mereka mengikat diri mereka untuk mempertahankan agama. (al-Qurtubi, Kitab al-Tazkirah)

HADIS 23: BERDAKWAH MENGAJAR KEBAIKAN MENDAPAT DOA DARI ALLAH

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ البَاهِلِيِّ، قَالَ: ذُكِرَ لِرَسُولِ اللهِ ﷺ رَجُلاَنِ أَحَدُهُمَا عَابِدٌ وَالآخَرُ عَالِمٌ، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: فَضْلُ العَالِمِ عَلَى العَابِدِ كَفَضْلِي عَلَى أَدْنَاكُمْ. ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلاَئِكَتَهُ وَأَهْلَ السَّمَوَاتِ وَالأَرَضِينَ حَتَّى النَّمْلَةَ فِي جُحْرِهَا وَحَتَّى الحُوتَ لَيُصَلُّونَ عَلَى مُعَلِّمِ النَّاسِ الخَيْرَ.

Maksudnya: Daripada Saidina Abu Umamah al-Bahili RA, dia berkata: Disebutkan kepada Rasulullah SAW tentang dua orang lelaki, seorang yang rajin beribadah (abid) dan seorang lagi adalah yang berpengetahuan (orang alim). Lalu Rasulullah SAW bersabda: Kelebihan orang yang alim berbanding ahli ibadah adalah seperti kedudukan kelebihanku ke atas orang yang paling rendah di kalangan kamu. Lalu Rasulullah bersabda: Sesungguhnya Allah dan para malaikat, serta seluruh penduduk langit dan bumi termasuklah semut di dalam batu dan ikan semuanya mendoakan ke atas orang yang mengajarkan manusia kebaikan. (**Jami' al-Tirmizi, no: 2685 - Hadis Hasan Sahih**)

ULASAN

1. Hadis ini secara asasnya menjelaskan kepada kita tentang kedudukan orang yang berilmu. Dan mereka yang mengajarkan kebaikan ini bukan sahaja menerima doa dan rahmat dari Allah malah setiap makhluk di muka bumi ini turut mendoakan mereka. Dari aspek dakwah, hadis ini mendidik pendakwah agar berusaha memiliki kefahaman yang meluas sebelum terjun ke dalam bidang dakwah. Dan usaha pendakwah mengajar kebaikan akan mendapat ganjaran yang tidak ternilai di sisi Allah.

2. Atas dasar itu al-Imam al-Syahid Hasan al-Banna meletakkan Rukun Faham sebagai perkara yang paling utama dalam Usul Dua Puluh (*Usul 'Isyrin*) iaitu perkara-perkara asas yang mesti difahami oleh para pendakwah ketika menceburkan diri dalam perjuangan ini.

3. Al-Imam al-Tayyibi pula menjelaskan mengapa kedudukan orang yang berilmu itu lebih baik daripada ahli ibadah sahaja. Menurut beliau:

   وأنَّ نفع العابد مقصورٌ علىٰ نفسه، ونفع العالم مُتجاوزٌ إلى الخلائق حتَّىٰ النَّملة

   "Sesungguhnya manfaat yang diperolehi oleh ahli ibadah hanyalah buat dirinya semata sedangkan manfaat yang ada pada seorang ilmuan itu akan dinikmati oleh semua makhluk termasuklah semut yang kecil.

4. Apabila pendakwah yang berilmu mengajarkan kebaikan buat masyarakat, kesejahteraan yang datang bukan sahaja dikecapi oleh manusia bahkan segala haiwan sehinggakan semut di dalam batu.

HADIS 24: MENYUSUN JADUAL DAKWAH

عَنْ أَبِي وَائِلٍ، قَالَ: كَانَ عَبْدُ اللَّهِ يُذَكِّرُ النَّاسَ فِي كُلِّ خَمِيسٍ فَقَالَ لَهُ رَجُلٌ: يَا أَبَا عَبْدِ الرَّحْمَنِ لَوَدِدْتُ أَنَّكَ ذَكَّرْتَنَا كُلَّ يَوْمٍ؟ قَالَ: أَمَا إِنَّهُ يَمْنَعُنِي مِنْ ذَلِكَ أَنِّي أَكْرَهُ أَنْ أُمِلَّكُمْ، وَإِنِّي أَتَخَوَّلُكُمْ بِالْمَوْعِظَةِ، كَمَا كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يَتَخَوَّلُنَا بِهَا، مَخَافَةَ السَّآمَةِ عَلَيْنَا

Maksudnya: Daripada Abu Wa'il, dia berkata: Sesungguhnya Abdullah bin Mas'ud memberikan peringatan (tazkirah) kepada orang ramai pada hari khamis, lalu seorang lelaki berkata kepada beliau: Wahai Abu Abdul Rahman, kami amat gembira sekiranya engkau dapat memberi tazkirah kepada kami setiap hari. Lalu Abdullah bin Mas'ud pun menjawab: Sesungguhnya perkara yang melarang aku dari melakukan sedemkian adalah kerana aku bimbang kamu akan mula merasa bosan, lalu aku akan melakukannya secara berselang-seli dalam memberi peringatan sepertimana Rasulullah itu berselang-seli masanya dalam memberikan (peringatan/pengajaran buat kami) kerana bimbang kami merasa bosan. (**Sahih al-Bukhari, no: 70**)

ULASAN:

1. Hadis ini mengingatkan kepada bagaimana Rasulullah sangat menjaga anak didiknya supaya mereka tidak menjauhkan diri dari

pengajian. Baginda menyusun masa agar mereka tidak merasa bosan menerima proses pendidikan secara terus menerus. Sunnah ini kemudiannya diteruskan oleh Saidina Abdullah bin Mas'ud, seorang yang sangat rapat dengan Rasulullah.

2. Perlakuan Rasulullah SAW ini turut mendidik kita tentang pengurusan masa dalam proses pendidikan. Ketika menghuraikan hadis ini, al-Imam Ibn Hajar menjelaskan bahawa terdapat keharusan dalam menyusun masa dalam proses melakukan amalan kebaikan. Kata Ibn Hajar:

   يُسْتَفَادُ مِنَ الْحَدِيثِ اسْتِحْبَابُ تَرْكِ الْمُدَاوَمَةِ فِي الْجِدِّ فِي الْعَمَلِ الصَّالِحِ خَشْيَةَ الْمَلَالِ

   "Hadis ini menjelaskan tentang keharusan meninggalkan amal soleh yang dilakukan secara berterusan dalam secara bersungguh kerana bimbang (seseorang itu) akan ditimpa kebosanan." (Fath al-Bari)

3. Hadis ini turut mengingatkan kita bagaimana Rasulullah itu seorang yang bijak dalam memilih masa yang sesuai untuk menerapkan mesej pendidik (*murabbi*). Perhatikan bagaimana Rasulullah bersembang dengan Abdullah bin Abbas RA ketika mereka menunggang bersama. Ketika itulah Rasulullah mengajarnya tentang hadis (احْفَظِ اللَّهَ يَحْفَظْكَ).

Begitu juga dengan teguran Rasulullah terhadap Umar bin Abi Salamah RA yang dilakukan ketika mereka sedang makan bersama. Saat inilah Rasulullah mengingatkan Umar bin Abi Salamah tentang makan menggunakan tangan kanan. Bahkan teknik pendidikan (tarbiah) secara *casual* atau *informal* ini lebih berkesan.

HADIS 25: PERSIAPAN PERIBADI PENDAKWAH

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ الْبَاهِلِيِّ: عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ قَالَ: «عَلَيْكُمْ بِقِيَامِ اللَّيْلِ فَإِنَّهُ دَأْبُ الصَّالِحِينَ قَبْلَكُمْ، وَهُوَ قُرْبَةٌ لَكُمْ إِلَى رَبِّكُمْ، وَمُكَفِّرَةٌ لِلسَّيِّئَاتِ، وَمَنْهَاةٌ عَنِ الْإِثْمِ»

Maksudnya: Daripada Abu Umamah al-Bahili, daripada Rasulullah SAW, Baginda bersabda: Hendaklah kamu mendirikan Qiamullail. Sesungguhnya ia adalah amalan-amalan kebiasaan bagi orang-orang yang soleh sebelum kamu, ia mendekatkan kamu dengan Allah, menghapuskan kejahatan-kejahatan kamu dan mencegah kamu daripada melakukan dosa. (**Sahih Ibn Khuzaimah, no: 1135**)

ULASAN

1. Hadis ini adalah mengandungi pesanan yang sangat berharga daripada Rasulullah SAW yang seharusnya menjadi amalan asas buat pendakwah. Galakan untuk mendirikan malam adalah teras utama yang dilakukan oleh Rasulullah dalam tempoh awal dakwah. Perhatikan bagaimana setelah turunnya wahyu pertama (*iqra*), antara surah terawal yang diturunkan selepas itu adalah Surah al-Muzammil. Dalam surah ini Allah secara jelas memerintahkan Rasulullah supaya menghidupkan malam kerana Baginda akan diturunkan dengan wahyu yang berat.

2. Menurut al-Imam al-Tabari, Ibn Abbas beranggapan bahawa amalan Qiamulail adalah satu amalan peribadi yang diwajibkan ke atas Baginda Nabi SAW. Malah terdapat hadis daripada Saidatina Aisyah yang menyebutkan sedemikian. Kata Aisyah:

   قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «ثَلَاثٌ هُنَّ عَلَيَّ فَرِيضَةٌ وَهُوَ لَكُمْ سُنَّةٌ: الْوِتْرُ، وَالسِّوَاكُ، وَقِيَامُ اللَّيْلِ»

   "Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Tiga perkata yang menjadi fardu ke atasku tetapi sunat buat kamu adalah: (1) solat witir, (2) bersugi (3) dan Qiamullail. (al-Tabrani, Mu'jam al-Wasit - Hadis Da'if)

3. Amalan ini yang menjadi asas oleh kebanyakan para salafussoleh terdahulu. Seorang lelaki bertanya kepada al-Hasan al-Basri:

   ما بالُ المتهجِّدين من أحسن الناس وجوهًا ؟ قال : لأنهم خلوا بالرحمن فألبسهم نورًا من نوره

   "Mengapa orang-orang yang bangun bertahajjud ini mempunyai wajah yang sangat baik. Lalu al-Hasan al-Basri menjawab: Kerana mereka selalu bersendirian dengan Allah al-Rahman, lalu Allah memakaikan mereka dengan cahaya daripada cahayaNya." (Ihya Ulumuddin)

4. Berkata al-Rubai':

    بتُّ في منزل الشَّافعيِّ – رحمه الله – ليالي كثيرة، فلم يكن ينام من اللَّيل إلا يسيرًا

    "Sesungguhnya aku pernah menginap di rumah al-Imam al-Syaf'i selama beberapa malam. Beliau adalah seorang yang sangat kurang tidur malam."

5. Perhatikan bagaimana perintah terawal ketika Rasulullah diarahkan berdakwah. Allah membimbing Rasulullah agar mendirikan malam. Hubungan yang terjalin di antara pendakwah dengan Penciptanya membantu dalam melahirkan pendakwah yang berkualiti tinggi.

HADIS 26: KETERLIHATAN (*Visibility*) DAN HUBUNGAN YANG ERAT (*Engagement*)

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ سَلَامٍ، قَالَ: لَمَّا قَدِمَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ المَدِينَةَ انْجَفَلَ النَّاسُ إِلَيْهِ، وَقِيلَ: قَدِمَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ، فَجِئْتُ فِي النَّاسِ لِأَنْظُرَ إِلَيْهِ، فَلَمَّا اسْتَبَنْتُ وَجْهَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ عَرَفْتُ أَنَّ وَجْهَهُ لَيْسَ بِوَجْهِ كَذَّابٍ وَكَانَ أَوَّلُ شَيْءٍ تَكَلَّمَ بِهِ أَنْ قَالَ: «يَا أَيُّهَا النَّاسُ، أَفْشُوا السَّلَامَ، وَأَطْعِمُوا الطَّعَامَ، وَصَلُّوا وَالنَّاسُ نِيَامٌ تَدْخُلُونَ الجَنَّةَ بِسَلَامٍ»

Maksudnya: Daripada Saidina Abdullah bin Salam RA, dia berkata: Ketika Rasulullah SAW sampai di Madinah orang ramai berlari bersegera menuju ke arahnya dan mereka pun berkata: Sesungguhnya Rasulullah SAW telah tiba. Lalu aku pun datang untuk melihatnya. Tatkala aku dapat menyaksikannya dengan jelas, aku tahu bahawa wajahnya bukanlah wajah seorang pendusta. Dan perkara pertama yang diucapkan oleh Baginda Nabi SAW ketika itu ialah: Wahai manusia, sebarkanlah salam, berilah makanan kepada manusia, dirikanlah solat ketika manusia (yang lain) sedang tidur, kamu akan masuk ke syurga dengan penuh kesejahteraan. (**Jami' al-Tirmizi, no: 2485 - Hadis Hasan Sahih**)

ULASAN

1. Hadis ini disampaikan sendiri oleh Saidina Abdullah bin Salam RA, seorang bekas pendeta Yahudi yang mempunyai pengetahuan yang luas tentang agama terdahulu. Perkara pertama yang diucapkannya ketika melihat wajah Rasulullah adalah: "Aku tahu bahawa wajahnya bukanlah wajah seorang penipu." Pengesahan ini sekaligus menggambarkan kebenaran Islam yang diakui sendiri oleh bekas pendeta Yahudi. Kejernihan wajah orang yang soleh ini menjadi pengajaran buat para pendakwah agar mempersiapkan diri dengan ibadah yang sahih dan sempurna agar dikurniakan seri wajah yang menyejukkan hati mereka yang melihatnya.

2. Hadis ini turut mengingatkan kepada kita bahawa antara perkara pertama yang ditekankan oleh Rasulullah SAW adalah perkara yang melibatkan (1) mengucapkan salam dan (2) memberi makan. Dari sudut amal pendakwah, dua elemen ini boleh diterjemahkan sebagai keterlihatan atau *visibility*. Ucapan salam bukan sekadar doa yang baik sesama Muslim tetapi juga menjadikan seorang pendakwah menjadi *visible*, iaitu dapat dilihat kewujudannya di dalam masyarakat. Begitu juga dengan memberi makan, ia adalah proses menjalankan hubungan (*engagement*) bersama masyarakat.

3. Dua perkara di atas juga barangkali boleh ditafsirkan sebagai antara manifesto pertama yang ditawarkan oleh Rasulullah SAW sebagai pemimpin. Iaitu Baginda bertekad menyebarkan kesejahteraan (*salam*) kepada kaum Aus dan Khazraj yang sebelum ini dilihat sering berperang. Dan manifesto yang kedua, Baginda berusaha menawarkan kempen memberi makan bagi memastikan tiada rakyat yang kebuluran dibawah pemerintahan Islam. Keamanan (*salam*) dan

kestabilan ekonomi (makanan yang cukup) inilah mesej yang ditekankan dalam al-Quran melalui Surah Quraysh.

4. Biarpun pendakwah mesti dilihat ‘muncul’ dalam masyarakat, persediaan peribadi jangan pula dilupakan. Rasulullah mengingatkan kita agar sentiasa mendirikan malam. Mereka yang mendirikan malam akan diberikan kelebihan yang tiada pada orang lain.

5. Keamanan yang ditawarkan serta pembangunan jiwa melalui amalan solat di malam hari berupaya membangunkan masyarakat yang bukan sahaja kukuh dari aspek dunianya malah sejahtera dari aspek spiritualnya. Semua ini menjadi tonggak utama dalam melayakkan seseorang untuk masuk ke dalam syurga yang abadi.

HADIS 27: DOSA MENJEJASKAN USAHA DAKWAH

عن عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْعُودٍ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ ، قَالَ: «إِنَّ المُؤْمِنَ يَرَى ذُنُوبَهُ كَأَنَّهُ قَاعِدٌ تَحْتَ جَبَلٍ يَخَافُ أَنْ يَقَعَ عَلَيْهِ، وَإِنَّ الفَاجِرَ يَرَى ذُنُوبَهُ كَذُبَابٍ مَرَّ عَلَى أَنْفِهِ

Maksudnya: Daripada Abdullah bin Mas'ud, daripada Nabi SAW bersabda: Sesungguhnya seorang mukmin itu melihat dosanya seperti dia duduk di bawah bukit dan dia bimbang yang bukit itu akan menghempapnya. Sedangkan orang yang fajir (pendosa) itu melihat dosanya seperti lalat yang hinggap di atas hidungnya (yang akan berlalu begitu sahaja). (**Sahih al-Bukhari, no: 6308**)

ULASAN

1. Hadis ini mengingatkan kepada kita tentang sikap mukmin yang sebenar dalam berurusan dengan perkara dosa. Rasulullah mendidik muslim agar membenci maksiat. Perkara ini benar-benar meresap ke dalam jiwa mereka sehingga mereka merasakan maksiat bukanlah perkara yang boleh dipandang ringan.

2. Bahkan sebahagian sahabat merasakan bahawa perlakuan dosa mampu memberikan kesan kepada wajah seorang Muslim. Saidina Abu Darda pernah berpesan bahawa dosa yang dilakukan oleh

manusia boleh dirasai oleh hati orang-orang yang beriman sehingga mereka tidak gemar melihat wajah pendosa. Inilah yang sepatutnya yang dibimbangi oleh para pendakwah. Kata Abu Darda':

ليتق أحدكم أن تلعنه قلوب المؤمنين وهو لا يشعر ، يخلو بمعاصي الله ، فيلقي الله له البغض في قلوب المؤمنين

"Takutlah kamu dari dilaknat oleh jiwa-jiwa orang yang beriman dalam keadaan kamu tidak sedari. Mereka yang melakukan maksiat dalam keadaan bersembunyi ini, Allah akan mencampakkan rasa benci jiwa yang beriman terhadapnya."

3. Dalam kenyataan ini, Saidina Abu Darda seolah ingin menyedarkan kita bahawa dosa yang kita lakukan akan memberikan kesan kepada jiwa mukmin, sehingga mereka berasa tidak selesa, atau marah dengan kita. Perhatikan kesannya kalau seorang pendakwah tidak disukai kerana kesan dari dosa yang dilakukan. Ia akan merugikan usaha dakwah.

4. Dengan sebab itu Ibn Rajab menukilkan kata-kata salafusoleh yang menyatakan bahawa dosa dan maksiat yang kita lakukan boleh memberikan bekas kepada wajah kita. Ia direkodkan oleh Ibn Rajab yang menyebutkan:

إن العبد ليذنب الذنب فيما بينه وبين الله ، ثم يجيء إلى إخوانه ، فيرون أثر ذلك عليه

"Sesungguhnya seorang hamba itu, ketika dia melakukan maksiat seorang diri (yang hanya Allah mengetahuinya) lalu dia datang kepada sahabat-sahabatnya, maka mereka (sahabat tersebut) boleh melihat kesan maksiat tersebut pada dirinya."

5. Atas sebab itu Rasulullah ada berpesan kepada Saidatina Aisyah bahawa ada manusia yang ditinggalkan kerana manusia takut dengan kejahatannya. Sabda Baginda:

يَا عَائِشَةُ إِنَّ شَرَّ النَّاسِ مَنْزِلَةً عِنْدَ اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَنْ وَدَعَهُ أَوْ تَرَكَهُ النَّاسُ اتِّقَاءَ فُحْشِهِ

"Wahai Aisyah, sesungguhnya sejahat-jahat manusia di sisi Allah di hari akhirat nanti adalah mereka yang ditinggalkan oleh manusia kerana kejahatan yang mereka lakukan (samada kata-kata atau perbuatan mereka)."

6. Hadis ini seharusnya menjadi pegangan buat setiap pendakwah bahawa setiap dosa yang lakukan akan memberikan kesan buat dirinya, bahkan apa yang lebih membimbangkan lagi, ia akan membuatkan manusia jauh dari dirinya yang membawa mesej dakwah.

HADIS 28: MENYUMBANG HARTA KE JALAN DAKWAH

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ سَمُرَةَ، قَالَ: جَاءَ عُثْمَانُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ بِأَلْفِ دِينَارٍ حِينَ جَهَّزَ جَيْشَ الْعُسْرَةِ، فَفَرَّغَهَا عُثْمَانُ فِي حِجْرِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: فَجَعَلَ النَّبِيُّ ﷺ يُقَلِّبُهَا وَيَقُولُ: «مَا ضَرَّ عُثْمَانُ مَا عَمِلَ بَعْدَ هَذَا الْيَوْمِ» قَالَهَا مِرَارًا

Maksudnya: Daripada Saidina Abdul Rahman bin Samurah RA, dia menceritakan bahawa Saidina Usman datang kepada Rasulullah dan menyerahkan seribu dinar ketika Nabi sedang mempersiapkan tentera al-'Usrah (tentera Tabuk). Lalu Usman meninggalkan Baginda Nabi dibilik Baginda bersama dengan (seribu dinar itu). Abdul Rahman berkata: (Aku melihat) Rasulullah SAW memerhatikan wang itu dan berkata: Tidak ada apa-apa yang boleh memudaratkan Usman setelah apa yang dilakukannya (yang disumbangnya) pada hari ini. Rasulullah mengulang perkataan ini beberapa kali. (**Mustadrak al-Hakim, no: 4553 - Hadis Sahih**)

ULASAN

1. Hadis ini menceritakan kepada kita tentang pujian Rasulullah kepada Saidina Usman yang memberikan sumbangan yang sangat banyak ketika mana Rasulullah sedang menyiapkan persediaan untuk ke

Perang Tabuk. Tentera Tabuk dinamakan sebagai 'Tentera al-Usrah' (tentera kesusahan) kerana kesukaran yang dihadapi oleh tentera muslimin ketika itu. Ia berlaku dalam musim yang sangat panas, jarak yang sangat jauh serta berhadapan dengan tentera musuh yang sangat besar.

Dalam kesusahan ini, Saidina Usman datang menawarkan sumbangan untuk membantu. Tindakan ini dipuji oleh Rasulullah dengan janjinya bahawa tiada apa yang boleh memudaratkan (memberikan kesan buat dirinya sekiranya melakukan kesalahan) kerana sumbangan kebaikannya telah melebihi apa-apa yang mungkin dia lakukan selepas ini.

2. Hadis ini turut mengingatkan kepada para pendakwah bahawa sumbangan kepada jalan Allah berupaya menghapuskan dosa yang pernah mereka lakukan. Sabda Rasulullah SAW:

الصَّدَقَةُ تُطْفِئُ الخَطِيئَةَ كَمَا يُطْفِئُ المَاءُ النَّارَ

"Sedekah itu menghapuskan kesalahan (dosa) sepertimana air memadamkan api." (**Jami' al-Tirmizi, no: 614**)

3. Malah Rasulullah turut menjelaskan bahawa sumbangan seseorang tidak mengurangkan harta mereka bahkan mengembangkannya dari aspek keberkatannya. Barangkali Allah akan gantikannya dengan kesihatan yang tidak ternilai, adakalanya Allah gantikan dengan kesejahteraan hidup. Sabda Rasulullah:

مَا نَقَصَ مَالُ عَبدٍ مِن صَدَقَةٍ

"Tidak berkurang harta hamba yang bersedekah" (**Jami' al-Tirmizi, no: 2325**).

HADIS 29: MENYUSUN KATA-KATA DALAM DAKWAH

عَنْ عروة، قَالَ: كَانَ أَبُو هُرَيْرَةَ يُحَدِّثُ، وَيَقُولُ: اسْمَعِي يَا رَبَّةَ الْحُجْرَةِ اسْمَعِي يَا رَبَّةَ الْحُجْرَةِ وَعَائِشَةُ تُصَلِّي، فَلَمَّا قَضَتْ صَلَاتَهَا، قَالَتْ لِعُرْوَةَ: أَلَا تَسْمَعُ إِلَى هَذَا وَمَقَالَتِهِ آنِفًا؟ إِنَّمَا «كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحَدِّثُ حَدِيثًا، لَوْ عَدَّهُ الْعَادُّ لَأَحْصَاهُ»

Maksudnya: Daripada Urwah ibn al-Zubair, dia menceritakan bahawa suatu hari Abu Hurairah menyampaikan hadis di sis rumah Saidatina Aisyah dan kemudian dia berkata: Dengarlah wahai pemilik rumah ini (iaitu Aisyah) Dengarlah! Sedangkan Saidatina Aisyah sedang mendirikan solat (ketika itu). Setelah selesai menunaikan solat, Aisyah berkata kepada Urwah (perawi hadis ini). Apakah engkau tidak mendengar ucapan dia (Abu Hurairah) tadi? Sesungguhnya ucapan Nabi SAW itu, sekiranya Baginda berucap, pasti orang boleh mengira perkataannnya (iaitu Nabi SAW bercakap dengan perlahan, jelas dan kurang perkataan). (**Sahih Muslim, no: 2493**)

ULASAN

1. Hadis ini memberikan kita gambaran bagaimana Saidatina Aisyah RA membayangkan kepada kita tentang kaedah pertuturan Nabi yang sangat sempurna. Beliau membandingkan dengan cara Saidina Abu

Hurairah dalam menyampaikan hadis. Lalu Aisyah menjelaskan bahawa Rasulullah itu ucapannnya sangat teratur dan bercakap dengan perlahan-lahan. Andai seseorang datang untuk mengira perkataan yang diucapkan oleh Rasulullah, mereka boleh menghitungnya.

2. Hadis ini mendidik para pendakwah agar berlatih dalam menyampaikan dakwah secara teratur dan perlahan-lahan. Ini bagi memastikan setiap pendengar mendapat faedah daripada apa yang diucapkan oleh pendakwah.

3. Menurut al-Imam Ibn Hajar, dalam riwayat yang lain pula menjelaskan bahawa pertuturan Nabi itu sangat jelas dan terang. Kata beliau:

إنما كان حديث رسول الله صلى الله عليه وسلم فصلاً، فهما تفهمه القلوب

"Sesungguhnya ucapan Rasulullah SAW itu berpisah-pisah (jelas setiap perkataannya), juga mengandungi kefahaman yang diketahui oleh hati-hati manusia. (Fath al-Bari)

4. Ketika menghuraikan hadis ini, al-Imam al-Munawi menjelaskan:

ومنه أخذ أن على المدرس أن لا يسرد الكلام سرداً بل يرتله ويزينه، ليتفكر فيه هو وسامعه، وإذا فرغ من مسألة أو فصل سكت قليلاً، ليتكلم من في نفسه شيء

"Daripada hadis ini, dapat kita fahami bahawa setiap pendidik itu tidak seharusnya bercakap secara berturut-turut (dengan laju). Bahkan sebaiknya mereka mendidik dengan perlahan-lahan, sehingga para pendengar sempat untuk berfikir tentang apa yang diucapkan. Apabila selesai seseorang pendidik itu mengutarakan persoalannya atau kupasannya, hendaklah dia diam seketika, agar dapat memberi ruang kepada sesiapa yang tidak memahami sesuatu, menyatakan pandangannya." (Fayd al-Qadir)

5. Begitulah seni pertuturan yang perlu dikuasai oleh para pendakwah bagi memastikan mesej yang ingin disampaikan menyerap ke dalam hati sanubari pendengarnya.

HADIS 30: KEUTAMAAN SYURA DALAM DAKWAH

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: «مَا رَأَيْتُ مِنَ النَّاسِ أَحَدًا أَكْثَرَ مَشُورَةً لِأَصْحَابِهِ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ»

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah RA, dia berkata: Aku tidak pernah melihat orang yang lebih banyak bermesyuarat (berbincang) dengan sahabatnya seperti Rasulullah SAW. (**Al-Baihaqi, Sunan al-Kubra, no: 18807**)

ULASAN

1. Hadis ini memberikan kepada kita gambaran bagaimana Rasulullah adalah pemimpin yang sering melakukan perbincangan atau syura bersama dengan para sahabat dalam banyak perkara. Tindakan ini adalah berasaskan bimbingan al-Quran sendiri yang menggalakkan orang-orang beriman melakukan syura, perbincangan dalam sesuatu perkara (Surah Ali Imran: 159 dan Surah al-Syura: 36-38)

2. Banyak contoh yang boleh diperolehi daripada hadis sahih dan sirah berhubung perkara ini. Sebagai contoh apa yang dilakukan oleh Rasulullah dalam Perang Badar. Sebelum berlakunya pertempuran, Rasulullah telah mendengar nasihat daripada al-Hubab bin al-Munzir yang mencadangkan agar semua telaga Badar dihapuskan. Kaum

muslimin hanya meninggalkan sebuah telaga sahaja untuk kegunaan umat Islam. Tindakan ini adalah supaya, kaum musyrikin akan tidak mempunyai bekalan air yang cukup. (Sirah Ibn Hisham)

3. Begitu juga dengan perkara yang melibatkan tawanan Perang Badar. Rasulullah sekali lagi meminta pandangan para sahabat. Kali ini Baginda berbincang dengan dua sahabat yang terkemuka iaitu Abu Bakar dan Umar al-Khattab. Abu Bakar mencadangkan agar tawanan tersebut dibebaskan manakala Umar berpandangan supaya tawanan ini dibunuh. Rasulullah lebih bersetuju dengan pandangan Saidina Abu Bakar. Namun turun wahyu memperbetulkan keputusan ini dengan mengarahkan agar tawanan tersebut dihapuskan:

﴿ مَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَنْ يَكُونَ لَهُ أَسْرَى حَتَّى يُثْخِنَ فِي الْأَرْضِ تُرِيدُونَ عَرَضَ الدُّنْيَا وَاللَّهُ يُرِيدُ الْآخِرَةَ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴾

"Tidaklah patut bagi seseorang Nabi mempunyai orang-orang tawanan sebelum ia dapat membunuh sebanyak-banyaknya di muka bumi. Kamu menghendaki harta benda dunia (yang tidak kekal), sedang Allah menghendaki (untuk kamu pahala) akhirat. Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana." (Surah al-Anfal: 67)

4. Begitu juga sebelum berlakunya Perang Uhud, Baginda mengumpulkan kaum muslimin dan berbincang dengan mereka untuk menentukan samada peperangan seharusnya dilakukan di dalam atau di luar Madinah? Abdullah bin Ubai, ketua munafik ketika itu memujuk Rasulullah agar peperangan dilakukan di dalam Madinah

sahaja kerana ahli Madinah lebih mengetahui tentang selok belok bandar itu. Tetapi ramai di kalangan sahabat yang tidak turut serta dalam Perang Badar dahulu bersemangat untuk bertempur dengan musuh di luar Madinah. Lalu Rasulullah memilih untuk keluar dari Madinah.

5. Begitulah banyak contoh lagi yang menunjukkan pendekatan Rasulullah dalam pelbagai urusan. Perkara ini seharusnya dijadikan contoh buat setiap pendakwah dalam mengendalikan urusan dakwah mereka.

HADIS 31: MEMINTA IZIN DARIPADA MURABBI (ISTI’ZAN)

عَنْ عُمَرَ، أَنَّهُ اسْتَأْذَنَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي العُمْرَةِ فَقَالَ: أَيْ أُخَيَّ أَشْرِكْنَا فِي دُعَائِكَ وَلاَ تَنْسَنَا.

وفي رواية احمد: فَقَالَ: عُمَرُ: " مَا أُحِبُّ أَنَّ لِي بِهَا مَا طَلَعَتْ عَلَيْهِ الشَّمْسُ.

Maksudnya: Daripada Saidina Umar RA, dia meminta izin daripada Rasulullah untuk menunaikan umrah lalu Rasulullah bersabda: Wahai saudaraku, sertakan kami dalam doamu dan jangan lupakan kami (dalam doamu). (**Jami’ al-Tirmizi, no: 3562,** kata al-Tirmizi- Hadis Hasan Sahih)

Dan dalam riwayat Ahmad: (Mendengar ucapan Rasulullah itu) Umar berkata: Tidak ada perkara yang muncul diterbitkan oleh mentari lebih aku cintai daripada ucapan Rasulullah terhadapku tadi. (**Musnad Ahmad, no: 5229**)

ULASAN

1. Hadis ini menjelaskan kepada kita tentang bagaimana Saidina Umar datang meminta izin daripada Rasulullah untuk menunaikan umrah. Jawapan Rasulullah dalam dialog ini amat menarik sekali. Rasulullah

memanggil Umar dengan panggilan "wahai saudara" bahkan Rasulullah mengingat Umar agar mendoakan para sahabat di Madinah juga." Respon Rasulullah ini sangat menyentuh hati Umar sehingga beliau mengucapkan bahawa inilah kata-kata yang sangat beliau suka yang didengarinya daripada Rasulullah.

2. Hadis ini turut mengajar kita betapa Rasulullah mempunyai seni dalam pertuturan bersama anak didiknya. Baginda menggunakan perkataan yang menyenangkan hati mereka yang mendengar. Di sini Rasulullah memanggil Umar sebagai 'saudara' atau dalam bahasa moden mungkin ada di kalangan kita yang menggunakan perkataan yang lebih baik seperti 'wahai abangku' atau '*my brother*.'

3. Hadis ini juga mengingatkan kita bahawa anak didik dalam dakwah juga perlu memaklumkan rancangan atau tindakan mereka. Ini bagi memudahkan urusan dakwah sekiranya apa-apa berlaku. Dalam perkara ini Saidina Umar meminta izin daripada Rasulullah untuk menunaikan umrah sekalipun perkara itu dilihat hanyalah urusan peribadi. Namun Umar meminta perkenan daripada Baginda Nabi.

HADIS 32: KEWAJIPAN MENCEGAH KEMUNGKARAN (HADIS KAPAL)

عن النُّعْمَانَ بْنَ بَشِيرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: " مَثَلُ القَائِمِ عَلَى حُدُودِ اللَّهِ وَالوَاقِعِ فِيهَا، كَمَثَلِ قَوْمٍ اسْتَهَمُوا عَلَى سَفِينَةٍ، فَأَصَابَ بَعْضُهُمْ أَعْلاَهَا وَبَعْضُهُمْ أَسْفَلَهَا، فَكَانَ الَّذِينَ فِي أَسْفَلِهَا إِذَا اسْتَقَوْا مِنَ المَاءِ مَرُّوا عَلَى مَنْ فَوْقَهُمْ، فَقَالُوا: لَوْ أَنَّا خَرَقْنَا فِي نَصِيبِنَا خَرْقًا وَلَمْ نُؤْذِ مَنْ فَوْقَنَا، فَإِنْ يَتْرُكُوهُمْ وَمَا أَرَادُوا هَلَكُوا جَمِيعًا، وَإِنْ أَخَذُوا عَلَى أَيْدِيهِمْ نَجَوْا، وَنَجَوْا جَمِيعًا"

Maksudnya: Daripada Saidina al-Nu'man bin Basyir, daripada Nabi SAW bersabda: Perumpamaan orang yang menegakkan hukum-hukum Allah itu dengan mereka yang melanggarnya adalah seperti suatu kaum yang berada dalam sebuah kapal. Sebahagian (penumpang) berada di atas dan sebahagian yang lain berada di bawah. Dan penumpang bahagian bawah jika mereka ingin mengambil air maka mereka terpaksa melalui kawasan penumpang yang berada di atas. Ketika itu (mereka yang berada di bawah ini) berkata: "Kalaulah kita tebuk sedikit bahagian kapal ini (untuk mengambil air), mungkin kita tidak akan mengganggu mereka yang berada di atas. Jika mereka membiarkan golongan ini menebuk kapal tersebut, maka mereka semua akan binasa, tetapi jika berjaya

ditegah, maka mereka semua akan selamat." (**Sahih al-Bukhari, no: 2493**)

ULASAN

1. Dalam hadis ini, Rasulullah memberikan kita gambaran bahawa kita semuanya seumpama berada dalam sebuah kapal. Setiap tindakan mereka yang di atas kapal ini mampu memberikan kesan kepada yang lain. Baginda membayangkan andai ada di kalangan kumpulan dalam kapal ini yang melakukan kesilapan seperti menebuk kapal, maka kesannya akan menimpa semua yang berada di atas kapal. Begitulah kehidupan di dunia ini. Andai kita tidak mengambil endah apa yang berlaku disekeliling, membiarkan orang lain melakukan kemungkaran, maka dibimbangi, kesannya akan menimpa ke atas kita juga.

2. Konsep mencegah mungkar pada hakikatnya adalah dianjurkan oleh al-Quran sendiri. Allah menyifatkan Bani Israel sebagai bangsa yang dilaknat kerana mereka tidak mencegah kemungkaran. Firman Allah:

   كَانُوا لَا يَتَنَاهَوْنَ عَنْ مُنْكَرٍ فَعَلُوهُ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَفْعَلُون

   "Mereka sentiasa tidak mencegah (sesama sendiri) perbuatan mungkar yang mereka lakukan. Demi sesungguhnya amatlah buruknya apa yang mereka telah lakukan." (Surah al-Maidah: 79)

3. Di dalam Surah al-Tawbah pula, Allah menyifatkan antara sifat orang munafiq itu adalah mereka yang tidak mencegah kemungkaran. Firman Allah:

   الْمُنَافِقُونَ وَالْمُنَافِقَاتُ بَعْضُهُمْ مِنْ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمُنْكَرِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمَعْرُوفِ

   "Orang-orang munafik lelaki dan perempuan, setengahnya adalah sama dengan setengahnya yang lain; mereka masing-masing menyuruh dengan perbuatan yang jahat, dan melarang dari perbuatan yang baik. (Surah al-Taubah:67)

4. Bahkan Rasulullah mengingatkan bahawa mereka yang tidak mencegah kemungkaran sedangkan dia mampu, maka akan dibimbangi akan ditimpa azab dari Allah. Sabda Rasulullah:

   ما من قومٍ يُعْمَل فيهم المعاصي، ثم يقدرون على أن يغيّروا ثم لايغيروا؛ إلا ويوشك الله أن يعمَّهم بعقابٍ

   "Tiada satu kaum yang wujud perbuatan maksiat di dalamnya, sedangkan mereka mampu mencegahnya, tetapi tidak mencegahnya, melainkan akan dibimbangi keseluruhan mereka akan ditimpa azab ke atas kesemuanya" (Sunan Abu Daud)

5. al-Imam Ahmad ibn Hanbal menceritakan bagaimana sahabat-sahabat Abdullah ibn Mas'ud sentiasa menjalankan kerja mencegah kemungkaran. Kata beliau:

كان أصحاب ابن مسعود إذا مروا بقوم يرون منهم ما يكرهون، يقولون:

مهلا رحمكم

Sesungguhnya para sahabat Abdullah ibn Mas'ud itu sekiranya mereka lalu di sisi satu kaum yang melakukan perkara yang dibenci, mereka akan menegurnya dan berkata: Berhenti dari melakukannya! Semoga Allah merahmati.

6. Apakah Iman para sahabat Rasulullah sangat lemah sehingga terpaksa melakukan operasi menasihati dan mencegah kemungkaran ini? Sudah tentu tidak. Ini kerana sifat manusia yang sering leka perlukan bimbingan dan bantuan dalam pembinaan iman.

7. Laungan golongan liberal untuk membebaskan diri mereka daripada operasi mencegah kemungkaran hanyalah perjuangan membimbing manusia ke arah mengangkat kebebasan individu yang bercanggah dengan panduan dari al-Quran dan hadis.

HADIS 33: KEROSAKAN PENAFSIRAN LIBERAL

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ قَالَ فِي الْقُرْآنِ بِغَيْرِ عِلْمٍ فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

عَنْ جُنْدَبِ بْنِ عَبْدِ اللهِ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ قَالَ فِي الْقُرْآنِ بِرَأْيِهِ فَأَصَابَ فَقَدْ أَخْطَأَ.

Maksudnya: Daripada Ibn Abbas dia berkata: Rasulullah SAW bersabda: Barangsiapa yang berkata sesuatu berkenaan al-Quran tanpa ilmu maka dia telah menempah tempatnya di neraka. (**Jami al-Tirmizi, no: 2950 -** menurut al-Tirmizi, hadis ini adalah hadis Hasan)

Daripada Jundab bin Abdullah, daripada Rasulullah SAW, Baginda bersabda: Barangsiapa yang mengucapkan sesuatu berkenaan al-Quran dengan pandangannya sendiri, sekalipun dia betul, sebenarnya dia telah tersilap. (**Jami al-Tirmizi, no: 2952 -** dinilai sebagai Gharib oleh al-Tirmizi)

ULASAN

1. Hadis ini menjelaskan tentang larangan Rasulullah SAW agar kita tidak mengucapkan sesuatu atau menafsirkan al-Quran tanpa mempunyai ilmu mengenainya. Bahkan sekiranya penafsiran kita betul sekalipun, ia dianggap sebagai salah kerana tidak mengikuti metodologi penafsiran yang sebenar.

2. Dalam menghuraikan hadis di atas, al-Imam Ibn Taimiyyah menjelaskan bahawa mereka yang menafsirkan al-Quran dengan pandangan sendiri tetap akan dianggap salah kerana mengeluarkan penafsiran tidak melalui metodologi yang telah digariskan oleh ulama tafsir. Penafsiran al-Quran seharusnya dkeluarkan melalui asas ilmu tafsir yang telah dibangunkan oleh sarjana tafsir. (Majmuk al-Fatawa)

3. Al-Mubarakfuri juga menegaskan bahawa setiap ayat yang ingin dijelaskan haruslah menggunakan nas atau dalil yang jelas (dalil yakini), atau dalil zanni naqli (dalil yang diriwayatkan yg bersifat zanni) atau dalil aqli yg berteraskan dengan panduan syarak. (Tuhfah al-Ahwazi).

4. Ketika menghuraikan hadis ini al-Imam Ibn ‘Atiyyah berkata:

وَمَعْنَى هَذَا أَنْ يَسْأَلَ الرَّجُلُ عَنْ مَعْنًى فِي كِتَابِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ فَيَتَسَوَّرُ عَلَيْهِ بِرَأْيِهِ دُونَ نَظَرٍ فِيمَا قَالَ الْعُلَمَاءُ، وَاقْتَضَتْهُ قَوَانِينُ الْعِلْمِ كَالنَّحْوِ وَالْأُصُولِ

“Apa yang dimaksudkan melalui hadis ini ialah seperti seorang lelaki yang bertanyakan tentang maksud satu ayat dalam Kitabullah, lalu lelaki itu membina tafsirnya dengan semata-mata pandangannya tanpa melihat kepada pandangan ulama berhubung perkara ini dan

tanpa merujuk kepada kanun-kanun yang terbina dengannya ilmu ini seperti ilmu nahu dan ilmu-ilmu usul tafsir (seperti asbab nuzul, nasakh mansukh, makki madani dan sebagainya)

5. Pada hari ini terdapat kumpulan liberal yang menafsirkan al-Quran berdasarkan pandangan mereka sendiri. Mereka menafikan pensyariatan menutup aurat, mempertikaikan tentang ibadah korban, menyatakan bahawa al-Quran tidak melarang LGBT dan sebagainya. Penafsiran ini semua termasuklah dalam larangan yang diungkapkan oleh Baginda Nabi dalam hadis di atas.

6. Kemunculan golongan liberal yang menafsir semula ayat al-Quran ini sangat membimbangkan. Ini kerana mereka bukan sahaja memberikan kefahaman yang salah mengenai maksud al-Quran bahkan menyelewengkan manusia dari ajaran Islam yang sebenar sepertimana yang disampaikan oleh Baginda Nabi SAW dan para sahabat.

HADIS 34: KESESATAN PEMIKIRAN ANTI HADIS

عَنِ الْمِقْدَامِ بْنِ مَعْدِي كَرِبَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ أَنَّهُ قَالَ: «أَلَا إِنِّي أُوتِيتُ الْكِتَابَ، وَمِثْلَهُ مَعَهُ أَلَا يُوشِكُ رَجُلٌ شَبْعَانُ عَلَى أَرِيكَتِهِ يَقُولُ عَلَيْكُمْ بِهَذَا الْقُرْآنِ فَمَا وَجَدْتُمْ فِيهِ مِنْ حَلَالٍ فَأَحِلُّوهُ، وَمَا وَجَدْتُمْ فِيهِ مِنْ حَرَامٍ فَحَرِّمُوهُ، أَلَا لَا يَحِلُّ لَكُمْ لَحْمُ الْحِمَارِ الْأَهْلِيِّ، وَلَا كُلُّ ذِي نَابٍ مِنَ السَّبُعِ، وَلَا لُقَطَةُ مُعَاهِدٍ، إِلَّا أَنْ يَسْتَغْنِيَ عَنْهَا صَاحِبُهَا...»

Maksudnya: "Ingatlah sesungguhnya aku telah diberikan al-Quran dan sesuatu yang sepertinya (iaitu Sunnah). Ingatlah akan terjadi (satu masa nanti) seorang lelaki yang yang duduk kekenyangan di atas kerusinya.Dia berkata kepada kamu semua: "Hendaklah kamu berpegang kepada al-Quran (ini sahaja)! Apa yang kamu dapati di dalam (al-Quran ini) tentang perkara yang halal maka halalkanlah (perkara itu) dan apa yang kamu dapati di dalamnya tentang perkara yang haram maka hendaklah kamu haramkannya!" (Kemudian Rasulullah bersabda) "Ingatlah bahwa tidak halal bagi kamu daging keldai yang dibela, tidak halal setiap binatang buas yang bertaring, dan tidak halal barang yang ditemui oleh seorang kafir mu'ahid (yang menjalin perdamaian dengan kaum muslimin) kecuali ia sudah tidak memerlukannya lagi… (**Sunan Abu Daud, no: 4604** - Hadis Sahih)

ULASAN

1. Melalui hadis ini, Rasulullah menjelaskan kepada kita bahawa akan muncul satu masa nanti seorang lelaki yang menyeru bahawa kita hanya perlu bergantung kepada al-Quran sahaja sedangkan al-Quran ini hadir bersama dengan Sunnah Rasulullah itu sendiri. Di penghujung hadis ini Rasulullah memberikan beberapa contoh perkara yang tidak disebutkan di dalam al-Quran tetapi dinyatakan di dalam hadis. Seakan satu penjelasan bahawa umat Islam wajib berpegang kepada al-Quran dan hadis.

2. Apa yang telah dipesan oleh Rasulullah ini nampaknya benar-benar berlaku pada hari ini. Muncul golongan yang mendakwa mereka hanya berpegang kepada al-Quran sahaja dan tidak memerlukan hadis. Ada yang memanggil kumpulan ini sebagai golongan anti-hadis.

3. Pada hakikatnya al-Quran sendiri mengiktiraf bahawa hadis itu sendiri adalah wahyu yang mesti diikuti. Firman Allah:

   وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَى (3) إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَى(4)

   “Dan dia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung perkara agama Islam) berdasarkan kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diucapkannya itu (samada al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.” (Surah al-Najm: 3-4)

4. Ketika menghuraikan ayat ini, al-Imam al-Suyuti menjelaskan bahawa terdapat dua jenis wahyu. Wahyu yang diperintahkan untuk ditulis iaitu al-Quran dan wahyu yang tidak diperintahkan untuk ditulis iaitu Sunnah Rasulullah itu sendiri. Bererti, andai betul kumpulan ini benar-

benar ingin menuruti al-Quran, mereka hendaklah beramal dengan hadis kerana hadis itu sendiri adalah sebahagian dari wahyu.

5. Al-Quran juga memerintahkan kita agar mengambil dan mengamalkan apa yang datang dari Rasulullah. Firman Allah:

   وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانتَهُوا

   "Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka hendaklah kamu terima dan amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya." (Surah al-Hasyr: 7)

6. Bahkan banyak lagi ayat al-Quran lain yang memerintahkan kita mengambil dan beramal dengan Sunnah Rasulullah kerana ia adalah sebahagian dari wahyu. Anehnya golongan anti hadis ini menolak dari berpegang dengan hadis. Tindakan mereka bercanggah dengan al-Quran sendiri.

HADIS 35: PENYELEWENGAN PEMAHAMAN KUMPULAN LGBT

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:

... لَعَنَ اللَّهُ مَنْ عَمِلَ عَمَلَ قَوْمِ لُوطٍ» قَالَهَا ثَلَاثًا.

Maksudnya: Daripada Ibn Abbas, daripada Nabi SAW Baginda bersabda: Allah melaknat mereka yang beramal dengan amalan kaum Nabi Lut, Rasulullah mengulangi perkataan ini sebanyak tiga kali. (**Sahih Ibn Hibban, no: 4417** - Hadis Sahih)

ULASAN

1. Dalam petikan hadis ini, Rasulullah memberikan kita amaran bahawa Allah melaknat mereka yang mengamalkan liwat yang amalan yang dilakukan oleh kaum Nabi Lut. Anehnya ada kumpulan manusia pada hari ini yang memperjuangkan hak kumpulan LGBT ini atas alasan ia adalah hak peribadi mereka.

2. Kewujudan kumpulan-kumpulan yang cenderung kepada amalan LGBT ini amat membimbangkan. Selain daripada bercanggah dengan fitrah manusia, amalan seperti ini amat bertentangan dengan al-Quran dan hadis.

3. Allah SWT mengingatkan kita tentang ancaman ini melalui kisah Nabi Lut yang dinyatakan didalam al-Quran. Perbuatan terkutuk ini

disifatkan oleh Allah SWT sebagai “orang yang melampaui batas”. Firman Allah:

إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِّن دُونِ النِّسَاءِ بَلْ أَنتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ

"Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas".

4. Dalam menangani isu ini, Rasulullah ﷺ juga memberi amaran yang keras berhubung perbuatan ini. Rasulullah ﷺ menegaskan bahawa amalan ini adalah perkara yang dilaknat oleh Allah. Menurut al-Imam Ibn al-Jauzi, Rasulullah tidak pernah melaknat pelaku dosa besar sebanyak tiga kali berturut-turut seperti yang dilakukan kepada pelaku homoseksual ini. Di sini jelas menampakkan ketegasan Baginda ﷺ dalam menangani permasalahan ini.

5. Malah, Rasulullah meletakkan hukuman yang amat keras terhadap pelaku LGBT. Sabda Baginda Nabi:

مَنْ وَجَدْتُمُوه يَعمَلُ عَمَلَ قَوْمِ لُوطٍ فَاقْتُلُوا الْفَاعِلَ والمَفْعُولَ بِهِ

“Barangsiapa yang melakukan perbuatan kaum Nabi Lut, maka bunuhlah si pelaku dan yang diperlakukan.” (HR al-Tirmizi dan Abu Daud)

6. Dalam merelisasikan saranan ini, al-Imam al-Syaukani menjelaskan bahawa Khulafa al-Rasyidin pernah menjatuhkan hukuman mati terhadap pelaku homoseksual. (al-Shawkani, Sayl al-Jirar, 1/840)

7. Menurut al-Imam al-Bayhaqi, Khalid al-Walid pernah bertanya kepada Abu Bakar berhubung hukuman yang wajar dikenakan terhadap pelaku homoseksual ini. Abu Bakar memanggil beberapa sahabat berbincang. Saidina Ali antara sahabat yang memberikan respon yang amat keras. Beliau mencadangkan supaya pelaku tersebut dibakar! (al-Safiri, al-Majalis al-Wa'ziyyah, 2/155)

8. Menurut al-Qardawi, tindakan tegas yang dikenakan oleh Syariat Islam ini adalah bagi membersihkan masyarakat dari budaya yang tidak sihat. Malah perlakuan ini membawa kepada penyebaran penyakit yang tidak diingini. (al-Qardawi, al-Halal wa al-Haram.)

9. Kemunculan gelombang perjuangan menuntut hak LGBT ini adalah suatu perkembangan yang membimbangkan. Adalah menjadi tanggungjawab setiap pendakwah untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat tentang aktiviti dan perjuangan ke arah kemungkaran ini.

HADIS 36: MENYANTUNI PELAKU DOSA YANG INSAF

عَنْ عُمَرَ بْنِ الخَطَّابِ، أَنَّ رَجُلًا عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ ﷺ كَانَ اسْمُهُ عَبْدَ اللَّهِ، وَكَانَ يُلَقَّبُ حِمَارًا، وَكَانَ يُضْحِكُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ ، وَكَانَ النَّبِيُّ ﷺ قَدْ جَلَدَهُ فِي الشَّرَابِ، فَأُتِيَ بِهِ يَوْمًا فَأَمَرَ بِهِ فَجُلِدَ، فَقَالَ رَجُلٌ مِنَ القَوْمِ: اللَّهُمَّ العَنْهُ، مَا أَكْثَرَ مَا يُؤْتَى بِهِ؟ فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: «لاَ تَلْعَنُوهُ، فَوَاللَّهِ مَا عَلِمْتُ إِنَّهُ يُحِبُّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ»

Maksudnya: Daripada Saidina Umar bin al-Khattab RA, sesungguhnya terdapat seorang lelaki di zaman Rasulullah SAW bernama Abdullah dan dia digelar sebagai himar (keldai). Dia adalah orang yang mampu membuatkan Rasulullah tergelak. Dan Rasulullah pernah mengenakan hukuman sebat ke atasnya disebabkan meminum arak. Dia pernah dipanggil mengadap Rasulullah dan dikenakan hukuman sebat, lalu seorang lelaki berkata: Ya Allah, laknatlah dia, berapa kali dia mesti dihukum? Rasulullah menegur lelaki yang berkata sedemikian dan bersabda: Janganlah kamu laknati dia, demi Allah, tidak aku kenali dia melainkan dia adalah seorang yang mencintai Allah dan RasulNya. (**Sahih al-Bukhari, no: 6780**)

ULASAN

1. Perhatikan hadis ini bagaimana Rasulullah melarang kita melaknat orang yang melakukan dosa sekalipun dia telah dihukum berkali-kali.

Barangkali mereka tersilap dan melakukan kesalahan tetapi mereka tetap datang mengaku silap dan bersedia dihukum. Mereka yang ingin kembali kepada Allah ini janganlah dilaknat bahkan doakanlah mereka agar kembali ke jalan Allah. Apa yang lebih membimbangkan adalah golongan yang melakukan dosa, mereka sedar mereka melakukan kemungkaran, tetapi engkar bahkan membantah ketika dinasihatkan agar kembali ke jalan Allah.

2. Akhlak Rasulullah ini sangat penting untuk kita teladani. Kita membenci dosa dan maksiat yang dilakukan oleh manusia. Tetapi janganlah kita melaknat mereka yang ingin bertaubat kembali ke jalan Allah. Dibimbangi ia hanya menjauhkan mereka dari Islam.

3. Dalam riwayat Abu Hurairah pula, seorang pemabuk telah dihadapkan kepada Rasulullah. Beliau telah insaf dan telah dikenakan hukuman sebat. Tiba-tiba ada seorang lelaki mencela lelaki tersebut. Tindakan ini menyebabkan Rasulullah menegurnya dan berkata:

لا تكونوا عونَ الشَّيطان على أخيكم

"Janganlah kamu menjadi pembantu syaitan (yang menjauhkan saudaramu dari Allah).

4. Dalam riwayat Abu Daud, Rasulullah direkodkan sebagai berkata:

ولكن قولوا: اللهم اغفر له اللهم ارحمه

"Ucapkanlah kepada mereka: Ya Allah ampunkanlah mereka dan kasihanilah mereka."

5. Jelas di sini pelaku dosa dan pengamal maksiat yang ingin kembali kepada jalan Allah hendaklah disantuni. Janganlah mereka dilemparkan kata-kata yang keras kerana ia hanya akan menjauhkan mereka dari Islam.

6. Adapun mereka yang keliru, hendaklah kita berikan penjelasan dan mendoakan hidayah buat kita semua. Manakala mereka yang melawan hukum Allah bahkan membantah secara keras dan enggan dinasihati, maka tindakan yang sewajarnya perlu diambil bagi mengekang kerosakan yang mereka lakukan dari tersebar kesannya pada yang lain.

HADIS 37: PENYAKIT YANG MEROSAKKAN PENDAKWAH

عَنْ ثَوْبَانَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «يُوشِكُ الْأُمَمُ أَنْ تَدَاعَى عَلَيْكُمْ كَمَا تَدَاعَى الْأَكَلَةُ إِلَى قَصْعَتِهَا»، فَقَالَ قَائِلٌ: وَمِنْ قِلَّةٍ نَحْنُ يَوْمَئِذٍ؟ قَالَ: «بَلْ أَنْتُمْ يَوْمَئِذٍ كَثِيرٌ، وَلَكِنَّكُمْ غُثَاءٌ كَغُثَاءِ السَّيْلِ، وَلَيَنْزَعَنَّ اللَّهُ مِنْ صُدُورِ عَدُوِّكُمُ الْمَهَابَةَ مِنْكُمْ، وَلَيَقْذِفَنَّ اللَّهُ فِي قُلُوبِكُمُ الْوَهْنَ»، فَقَالَ قَائِلٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَمَا الْوَهْنُ؟ قَالَ: «حُبُّ الدُّنْيَا، وَكَرَاهِيَةُ الْمَوْتِ»

Maksudnya: Daripada Thauban, dia berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Hampir saja para kaum (orang kafir) akan mengerumuni kamu dari berbagai penjuru, sebagaimana mereka berkumpul menghadapi makanan dalam talam”. Kemudian seseorang bertanya: “Wahai Rasulullah, apakah kerana bilangan kita sedikit?” Rasulullah berkata: Bahkan kamu ketika itu sangat ramai! Akan tetapi kalian seumpama buih sampah yang dibawa oleh air hujan. Allah akan menghilangkan rasa takut pada hati musuh kalian dan akan menimpakan dalam hati kalian ’Wahn’. Kemudian seseorang bertanya: “Apa itu ’wahn’?” Rasulullah menjawab: “Cintakan dunia dan takut mati.”

(**Sunan Abu Daud, no: 4297** - Hadis Sahih)

ULASAN

1. Melalui hadis ini Rasulullah SAW menjelaskan kepada kita bahawa akan muncul satu penyakit yang membuatkan umat ini menjadi semakin lemah. Biarpun memiliki bilangan yang ramai, umat Islam akan kehilangan *izzah* (kemuliaannya) hingga diratah oleh musuh. Semua ini berpunca dari dua penyakit utama iaitu cintakan dunia dan takut mati.

2. Hadis ini menggambarkan kepada kita bahawa umat ini akan menjadi lemah kerana penyakit cintakan dunia. Mereka boleh dibeli dengan duit dan harta. Prinsip Islam dan kepentingan bangsa juga boleh tergadai hanya kerana Muslim itu cintakan harta. Demi harta mereka tergamak menggadaikan agama, mencalar kedaulatan negara dan bangsa.

3. Penyakit ini semakin hari semakin jelas. Kerana inginkan harta, kedudukan atau pangkat, seorang Muslim sanggup mengenepikan hak Allah dan agama. Gila mengejar ekonomi dunia sehingga mengenepikan hukum syariat Allah. Fenomena cintakan dunia ini jelas terzahir dalam banyak aspek dari segenap lapisan masyarakat Muslim hari ini. Muslim dibeli dengan duit dalam proses pemilihan pemimpin kelas bawahan, sehinggalah dibeli dengan projek jutaan di peringkat atasan.

4. Perjuangan Rasulullah SAW dan sahabat adalah contoh ikutan yang terbaik. Ingatkah kita bagaimana Saidina Umar berasa sangat sedih melihat bekas tikar pada badan Rasulullah? Berbekas badan

Rasulullah kerana tidur di atas tikar yang kasar. Melihat perkara ini, Umar menangis. Kata Umar: Pembesar Rom dan Parsi mewah dengan kemewahan mereka sedangkan engkau dalam keadaan begini wahai Rasulullah? Rasulullah menjawab dengan tenang: dunia ini hanyalah persinggahan. Tiada dunia yang melekat di hati Rasulullah.

5. Yang menjadi kebimbangan dalam bidang dakwah ini apabila kita terpana dengan kilauan kemewahan dunia sehingga meninggalkan tanggungjawab mengambil peranan dalam bidang ini. Keseronokan dan kelekaan mengumpul dunia ditegur oleh Allah di dalam al-Quran.

6. Ketika membaca Surah al-Takathur (tentang kelekaan manusia mengumpul harta), Rasulullah SAW menjelaskan:

وقال عليه الصلاة والسلام: {أَلْهَاكُمُ التَّكَاثُرُ}، قال: «يقول ابن آدم: مَالي مالي! وهل لك من مالك إلا ما تصدقت فأمضيت، أو أكلت فأفنيت، أو لبست فأبليت»

"Rasulullah membaca "*alhakumut takathur*" kemudian Rasulullah bersabda: Anak Adam berkata: Hartaku! Hartaku! adakah kamu tahu bahawa tiada apa-apa (nilai buat hartamu) melainkan apa yang kamu belanjakan akan pergi, apa yang kamu makan akan lenyap dan apa yang kamu pakai akan lusuh." (Musnad Ahmad - dinilai Sahih)

7. Dalam sebuah hadis yang lain pula Rasulullah memberikan penjelasan bagaimana harta ini bersifat memukau pemikiran umat Islam yang akhirnya menyebabkan mereka bertelagah sesama sendiri:

فَوَاللَّهِ مَا الْفَقْرَ أَخْشَى عَلَيْكُمْ، وَلَكِنِّي أَخْشَى أَنْ تُبْسَطَ الدُّنْيَا عَلَيْكُمْ كَمَا بُسِطَتْ عَلَى مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ، فَتَنَافَسُوهَا كَمَا تَنَافَسُوهَا فَتُهْلِكَكُمْ كَمَا أَهْلَكَتْهُ

"Demi Allah, bukan kemiskinan yang aku bimbangkan ke atas kamu. Tetapi apa yang aku bimbangkan adalah dibentangkan di hadapan kamu kemewahan harta dunia, sepertimana kaum sebelum kamu diberikan kekayaan dunia, mereka mula saling bersaing untuk mendapatkan dunia lalu akhirnya mereka menjadi binasa seperti binasanya kaum sebelum kamu. (Sahih al-Bukhari)

8. Kelekaan pendakwah dalam menghimpun kekayaan dunia menjadikan mereka terpesona dengan kemewahan sehingga membuatkan mereka takut kepada perjuangan dan berkorban di jalan Allah. Tidak salah mengumpul kekayaan dunia. Perhatikan sahaja bagaimana ramai di kalangan sahabat yang memiliki kekayaan luar biasa. Namun perkara ini sedikitpun tidak melekat di dalam hati mereka. Mereka memberikan seluruhnya di jalan Allah bahkan merekalah terkehadapan berjuang di jalan Allah dan sedikit pun tidak takut untuk mati di jalan Allah.

HADIS 38: TANDA ALLAH SAYANG PENDAKWAH

عَنْ أَنَسٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِعَبْدٍ خَيْرًا اسْتَعْمَلَهُ» فَقِيلَ: كَيْفَ يَسْتَعْمِلُهُ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: «يُوَفِّقُهُ لِعَمَلٍ صَالِحٍ قَبْلَ الْمَوْتِ»

Maksudnya: Daripada Saidina Anas dia berkata, Rasulullah SAW bersabda: Sekiranya Allah berkehendakkan kebaikan kepada seorang hamba maka dia akan digunakan dalam amal kebaikan. Lalu Rasulullah ditanya: Bagaimana dia akan digunakan itu wahai Rasulullah? Baginda Nabi SAW menjawab: Dia akan diberikan hidayah untuk melakukan amal soleh sebelum meninggal. (**Jami al-Tirmizi, no: 2142**: Hadis Sahih)

ULASAN

1. Hadis ini memberikan kita gambaran bahawa andai sekiranya Allah menyayangi seseorang hamba itu, maka dia akan dibukakan hatinya untuk melakukan amal soleh. Sehingga Allah mengurniakannya keseronokan melakukan amal soleh sehingga dia meninggal.

2. Buat pendakwah, kesudahan yang baik adalah sesuatu yang sangat diharapkan. Jadikanlah tugas dakwah sebagai amalan yang berterusan sehingga dikurniakan amal soleh dan meninggal dalam kebaikan.

3. Menurut Ibn Rajab al-Hanbali, golongan Salaf sangat bimbang akan perihal kematian mereka. Hadis yang diungkapkan oleh Nabi tentang kematian yang buruk (su' al-khatimah) menyebabkan mereka sentiasa berdoa agar meninggal dalam keadaan yang baik. Sabda Rasulullah:

   وَإِنَّمَا الأَعْمَالُ بِالخَوَاتِيمِ

   "Sesungguhnya amalan itu (dinilai) pada pengakhirannya."

4. Ata' al-Khaffaf sering ternampak Sufyan al-Thawri dalam keadaan menangis. Apabila ditanya, apakah yang membuatkan kamu menangis? Sufyan menjawab: "kerana aku bimbang bagaimana pengakhiran hidupku nanti".

   Tahukah kita siapa Sufyan al-Thawri? Menurut Imam al-Zahabi, Sufyan adalah "Penghulu Ulama di zamannya." Imam Ahmad bin Hanbal pula menggambarkan peribadi Sufyan sebagai "Tokoh yang memenangi hatiku." Sufyan al-Thawri adalah Imam Hadis yang tersohor. Menurut Yahya al-Qattan: Sufyan al-Thawri lebih tinggi kedudukannya dari Imam Malik.

   Namun, walau tinggi ilmu dan kedudukan Sufyan al-Thawri, beliau masih lagi menangis setiap malam kerana bimbang akan bagaimana kematian yang akan dilalui.

5. Malik bin Dinar diriwayatkan bangun sepanjang malam. Beliau memegang janggutnya sambil berkata:

   يا رب قد علمت ساكن الجنة من ساكن النار، ففي أي الدارين منزل مالك

"Wahai tuhanku, sesungguhnya engkau telah mengetahui siapakah penghuni syurga dan neraka. Maka dimanakah Malik akan ditempatkan?"

Tahukah kita siapa Malik bin Dinar? Beliau adalah tokoh al-Quran yang zuhud. Pernah belajar dengan sahabat Nabi yang tersohor iaitu Saidina Anas bin Malik. Malik bin Dinar juga adalah guru kepada Hasan al-Basri. Al-Zahabi menyifatkan beliau sebagai antara guru kepada ulama salaf yang terdahulu.

Walaupun diiktitiraf mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi salaf, Malik bin Dinar masih sangat risau akan bagaimana penghujung kehidupannya nanti.

6. Begitulah contoh yang harus diteladani oleh setiap pendakwah. Sentiasa mengharapkan agar dikurniakan kesudahan yang baik, dianugerahkan kematian ketika berdakwah di jalan Allah.

HADIS 39: MELAZIMI JEMAAH ADALAH JALAN ISTIQAMAH

خَطَبَنَا عُمَرُ بِالجَابِيَةِ فَقَالَ: يَا أَيُّهَا النَّاسُ، إِنِّي قُمْتُ فِيكُمْ كَمَقَامِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فِينَا فَقَالَ: «... عَلَيْكُمْ بِالجَمَاعَةِ وَإِيَّاكُمْ وَالفُرْقَةَ فَإِنَّ الشَّيْطَانَ مَعَ الوَاحِدِ وَهُوَ مِنَ الاِثْنَيْنِ أَبْعَدُ، مَنْ أَرَادَ بُحْبُوحَةَ الجَنَّةِ فَلْيَلْزَمُ الجَمَاعَةَ، مَنْ سَرَّتْهُ حَسَنَتُهُ وَسَاءَتْهُ سَيِّئَتُهُ فَذَلِكَ الْمُؤْمِنُ.

Maksudnya: Suatu hari Saidina Umar RA menyampaikan khutbah di Jabiah dan dia berkata: Wahai manusia, sesungguhnya aku berdiri di hadapan kamu sepertimana Rasulullah berdiri di sisi kami dahulu dan Baginda SAW berpesan: Hendaklah kamu semua melazimi jemaah, dan janganlah kamu berpecah belah, sesungguhnya syaitan itu suka bersama dengan yang bersendirian dan dia sukar untuk mendekati orang yang bersama dengan yang lain. Barangsiapa yang inginkan wangian syurga maka hendaklah dia bersama melazimi jemaah. Barangsiapa gembiran dengan kebaikan dan dia membenci kemungkaran maka dia adalah sebenar-benar mukmin. (**Jami' al-Tirmizi, no: 2165 - Hadis Sahih**)

ULASAN

1. Petikan hadis yang panjang ini mengingatkan kita bagaimana Rasulullah SAW berpesan kepada para sahabat agar melazimi,

memberikan komitmen dan dedikasi kepada jemaah yang berjuang mendaulatkan Islam.

2. Menempatkan diri dalam jemaah menjadikan kita lebih mudah untuk istiqamah atau konsisten dalam perjuangan. Akan ada sahabat-sahabat yang sentiasa mengingatkan kita sekiranya kita terleka. Ini adalah sebaik-baik teman seperjuangan seperti yang disabdakan Nabi SAW:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: قِيلَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَيُّ جُلَسَائِنَا خَيْرٌ؟ قَالَ: «مَنْ ذَكَّرَكُمْ بِاللَّهِ رُؤْيَتُهُ، وَزَادَكُمْ فِي عِلْمِكُمْ مَنْطِقُهُ، وَذَكَّرَكُمْ بِالآخِرَةِ عِلْمُهُ»

"Rasulullah suatu hari pernah ditanya: Siapakah teman duduk yang baik wahai Rasulullah? Rasulullah menjawab: Sahabat yang baik adalah apabila kamu melihatnya akan mengingatkan kamu kepada Allah, pertuturannya menambah ilmu pengetahuan kamu dan ilmunya mengingatkan kamu tentang akhirat. (al-Mustakhraj, Diyauddin al-Maqdisi, no: 209)

3. Kebersamaan dengan jemaah yang dianggotai oleh pendakwah akan mendedahkan kita kepada hati-hati yang ikhlas berjuang untuk menegakkan agama Allah. Keikhlasan yang terpamer pada wajah mereka berupaya melembutkan hati yang keras. Perhatikan apa yang diucapkan oleh al-Imam Malik ini:

وقال مالك كلما أجد في قلبي قسوة آتي محمد بن المنكدر فأنظر إليه نظرة فأتعظ أياماً بنفسي.

"Berkata al-Imam Malik: Setiap kali aku mendapati hatiku menjadi keras, aku akan datang berjumpa dengan Muhammad ibn al-Munkadir. Lalu aku lihat ke wajahnya dan ia memberikan peringatan buat diriku." (al-Qadi Iyyad, Tartib al-Masalik)

4. Begitulah kebersamaan bersama jemaah yang memperjuangkan Islam berlandaskan al-Quran dan sunnah Nabi akan menjadikan para pendakwah lebih mudah istiqamah dengan saling ingat-mengingati.

HADIS 40: DOA AGAR ISTIQAMAH DI JALAN ALLAH

عَنْ شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ، قَالَ: قَالَ لِي رَسُولُ اللهِ ﷺ: " يَا شَدَّادُ بْنَ أَوْسٍ، إِذَا رَأَيْتَ النَّاسَ قَدِ اكْتَنَزُوا الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ، فَاكْنِزْ هَؤُلَاءِ الْكَلِمَاتِ: اللهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الثَّبَاتَ فِي الْأَمْرِ , وَالْعَزِيمَةَ عَلَى الرُّشْدِ، وَأَسْأَلُكَ مُوجِبَاتِ رَحْمَتِكَ , وَعَزَائِمَ مَغْفِرَتِكَ، وَأَسْأَلُكَ شُكْرَ نِعْمَتِكَ , وَحُسْنَ عِبَادَتِكَ، وَأَسْأَلُكَ قَلْبًا سَلِيمًا , وَلِسَانًا صَادِقًا، وَأَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِ مَا تَعْلَمُ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا تَعْلَمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ لِمَا تَعْلَمُ، إِنَّكَ أَنْتَ عَلَّامُ الْغُيُوبِ "

Maksudnya: Daripada Saidina Syaddad bin Aus, dia berkata: Rasulullah SAW berpesan kepadaku: Wahai Syaddad bin Aus, andai sekiranya engkau melihat manusia mula menyimpan emas dan perak, maka simpanlah doa ini (di dalam dadamu) iaitu: Wahai Tuhanku, aku memohon dariMu supaya diberikan kekukuhan dalam urusan, keteguhan atas bimbinganMu, aku memohon darimu punca-punca rahmatMu, kekuatan maghfirahmu, aku juga memohon dariMu kesyukuran atas nikmatmu, keindahan dalam beribadah kepadaMu, aku memohon agar dikurniakan hati yang sejahtera, pertuturan yang benar, aku memohon segala kebaikan yang Engkau ketahui, dan aku berlindung denganMu dari segala kejahatan yang Engkau ketahui. Aku

memohon keampunan dari segala yang Engkau ketahui, sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui segala yang ghaib.

(**Mu'jam al-Tabrani, no: 7135**; diriwayatkan juga oleh Ahmad, al-Nasa'i, Ibn Hibban, dan al-Hakim dengan lafaz dan sanad yang berbeza. al-Hakim menilainya sebagai Sahih)

ULASAN

1. Perhatikan hadis ini bagaimana Rasulullah mendidik Saidina Syaddad bin Aus RA untuk kekal dan istiqamah di jalan ini. Baginda berpesan, andai sekiranya kamu melihat manusia telah mula leka dengan dunia emas dan perak mereka, maka segeralah berdoa agar Allah menjadikan kamu *thabat* iaitu kekal dan kukuh di atas jalan ini.

2. Ini kerana hati manusia sungguh mudah berubah, seperti bulu atau kepingan daun yang diterbangkan di tanah yang gersang. Sabda Rasulullah SAW:

   مَثَلُ الْقَلْبِ كَمَثَلِ رِيشَةٍ بِأَرْضِ فَلَاةٍ تُقَلِّبُهَا الرِّيحُ ظَهْرًا لِبَطْنٍ

   "Hati manusia itu seumpama bulu yang diterbangkan oleh angin di tanah luas yang gersang. Ia dibolak-balikkan berkali-kali depan dan belakang. (al-Baihaqi, Kitab al-Qada wa al-Qadar, no: 384)

3. Kerana sifat hati yang mudah berpaling, Rasulullah mengajar kita berdoa akan dikurniakan hati yang kukuh dan tetap di atas agama Allah. Antara doa yang diajarkan oleh Baginda Nabi SAW:

يَا مُقَلِّبَ الْقُلُوبِ، ثَبِّتْ قُلُوبَنَا عَلَى دِينِكَ

"Wahai Tuhan yang membolak-balikkan hati, kukuhkanlah hati kami di atas agamaMu." (Sahih Ibn Hibban, no: 943)

HADIS 41: KEBERKATAN USIA KITA

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، سَمِعْتُ النَّبِيَّ ﷺ ، يَقُولُ: «اهْتَزَّ العَرْشُ لِمَوْتِ سَعْدِ بْنِ مُعَاذٍ»

Maksudnya: Daripada Jabir RA, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Bergegar arasy Allah disebabkan kematian Saad bin Muaz." (**Sahih al-Bukhari, no: 3803**)

ULASAN

1. Hadis ini mengingatkan kepada kita semua tentang kehebatan Saad bin Muaz RA. Menurut riwayat, Saad dikatakan memeluk Islam pada usia 30/31 tahun. Beliau kemudian syahid selepas pertempuran di medan Khandaq pada tahun kelima Hijrah. Ketika itu usia Saad baru sahaja sekitar 36/37 tahun.

2. Dengan hanya enam tahun bergelar muslim, kematian Saad disifatkan oleh Rasulullah SAW sebagai menggegarkan arasy Allah. Dengan hanya enam tahun hidup sebagai muslim, sumbangan Saad diiktiraf sehingga kematian beliau disebut-sebut atas kebaikannya.

3. Menurut al-Imam Ibn Hajar, yang dimaksudkan dengan kematian yang menggegarkan arasy Allah adalah kerana kegembiraan penghuni langit bergegas menyambut ruh Saad. Kata Ibn Hajar:

وَالْمُرَادُ بِاهْتِزَازِ الْعَرْشِ اسْتِبْشَارُهُ وَسُرُورُهُ بِقُدُومِ رُوحِهِ

"Dan yang dimaksudkan dengan menggegarkan arasy adalah kegembiraan mereka terhadap kehadiran ruh Saad." (Fath al-Bari)

4. Di sinilah titik muhasabah yang perlu difikirkan oleh semua manusia tidak kira samada pendakwah atau tidak. Sepanjang menjadi seorang muslim selama berpuluh tahun ini, apakah ada sumbangan yang boleh menjadi bekalan buat diri kita di akhirat kelak?

   Perhatikan bagaimana keberkatan usia Saad bin Muaz RA. Biarpun hanya sempat bersama dengan Islam seketika sahaja, sumbangan beliau menyebabkan penduduk langit bergegas dan berpusu-pusu datang menyambut ruhnya sehingga kematiannnya diumpamakan sebagai kematian yang menggegarkan Arasy Allah.

Usaha Dakwah Saad bin Muaz RA

1. Menurut al-Imam Ibn Ishaq, sejurus selepas memeluk Islam, Saad segera bertemu kaumnya. Dia memujuk dan berdakwah kepada mereka agar menerima Islam. Kata Ibn Ishaq:

   "فوالله ما بقيَ في دار بني عبد الأَشْهَل رجلٌ ولا امرأةٌ إلا أسلموا"

   "Demi Allah, tidak ada seorang pun dari perumahan Bani Abd al-Asyhal dikalangan lelaki dan perempuan melainkan semuanya memeluk Islam." (Sirah Ibn Hisham)

2. Saad bukan sahaja menjalankan kerja dakwah bahkan beliau turut mempertahankan Rasulullah SAW. Ketika datang ke Mekah untuk

menunaikan umrah, Saad telah melakukan tawaf di sisi Kaabah. Lalu datanglah Umayyah bin Khalaf dan Abu Jahal bertanyakan tentang hal keimanan Saad.

Sehingga berlaku perselisihan di antara Saad dengan Abu Jahal. Umayyah pada zaman Jahiliah adalah sahabat kepada Saad. Namun apabila melihat Saad memeluk Islam, Umayyah menjadi marah dan beliau menegur Saad kerana meninggikan suara kepada Abu Jahal. Saad dengan tegas membalas:

وَاللَّهِ لَئِنْ مَنَعْتَنِي أَنْ أَطُوفَ بِالْبَيْتِ لَأَقْطَعَنَّ مَتْجَرَكَ بِالشَّامِ

Demi Allah, sekiranya kamu melarang aku dari melakukan tawaf di Baitullah, aku akan putuskan (sekat) laluan dagangan kamu ke Syam. (**Sahih al-Bukhari, no: 3632**)

3. Bukan itu sahaja, Saad turut mempertahankan Islam sehingga beliau cedera parah dalam Perang Khandaq. Dan disebabkan kecederaan inilah yang menjadi punca kepada syahidnya Saad.

4. Ketinggian kedudukan Saad disaksikan oleh Rasulullah sendiri apabila Baginda Nabi menyebutkan:

«إِنَّ لِلْقَبْرِ ضَغْطَةً، وَلَوْ كَانَ أَحَدٌ نَاجِيًا مِنْهَا نَجَا مِنْهَا سَعْدُ بْنُ مُعَاذٍ»

“Sesungguhnya dalam kubur nanti akan ada satu himpitan (tekanan sempit yang dikenakan kepada penghuni kubur). Andai ada orang yang boleh selamat dari himpitan ini, maka Saad bin Muaz adalah orangnya. (**Musnad Ahmad, no: 24283**)

5. Begitulah keistimewaan hidup sebagai seorang pendakwah. Saad menghabiskan masanya untuk Islam, menjalankan kerja dakwah dan mempertahankan Rasulullah dan Islam. Walaupun mempunyai usia yang singkat, kehidupan Saad sangat diberkati. Beliau disayangi oleh kaumnya, Rasulullah memuji beliau bahkan penduduk langit bergegas ingin menyambut ruh beliau. Begitulah mulianya hidup seorang pendakwah.

Semoga Allah menjadikan kita dikalangan mereka yang disayangi oleh Allah dan RasulNya.

﴿إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَىٰ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُم بِأَنَّ لَهُمُ الْجَنَّةَ ۚ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ ۖ وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّوْرَاةِ وَالْإِنجِيلِ وَالْقُرْآنِ ۚ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ ۚ فَاسْتَبْشِرُوا بِبَيْعِكُمُ الَّذِي بَايَعْتُم بِهِ ۚ وَذَٰلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ﴾

"Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh Syurga, (disebabkan) mereka berjuang pada jalan Allah maka (di antara) mereka ada yang membunuh dan terbunuh. (Balasan Syurga yang demikian ialah) sebagai janji yang benar yang ditetapkan oleh Allah di dalam (Kitab-kitab) Taurat dan Injil serta Al-Quran; dan siapakah lagi yang lebih menyempurnakan janjinya daripada Allah? Oleh itu, bergembiralah dengan jualan yang kamu jalankan jual-belinya itu, dan (ketahuilah bahawa) jual-beli (yang seperti itu) ialah kemenangan yang besar." (Surah al-Taubah: 111)

RUJUKAN

Abū Dāwūd, al-Sijistānī. 2009. Sunan Abī Dāwūd, ed. al-Arnaūūt. n.p. Dār al-Risāla al-'Ilmiyya.

Aḥmad, Mahdī Rizqullah. 1992. *al-Sīra Al-Nabawīyya Fī Masādirihi Al-Asliyyah: Dirāsah Tahlīliah*. Riyāḍ.

Al-ʿAinī. [t.t.] *ʿUmda al-Qārī Sharh Ṣahīh al-Bukhārī*. Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabī.

Al-Asbahānī. Abū Nuʿaym Aḥmad ibn Abdillah. 1986. *Dalā'il al-Nubuwwa*. ed. Muḥammad Rawwās. Bayrūt: Dār al-Nafā'is.

Al-Bayhaqī, Ahmad ibn al-Husayn. 2003. *Al-Jāmiʿ Li Syuʿab al-Imān*. ed. Mukhtār Ahmad al-Nadwī. Maktabah al-Rusyd Nāsyirūn.

Al-Buk̲h̲ārī, Muḥammad ibn Ismāʿīl ibn Ibrāhīm ibn al-Mug̲h̲īrah. 1987. *al-Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Bayrūt: Dār Ibn Kathīr.

_________. 1422H. *al-Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. Muḥammad al-Nāṣir. Dār Ṭūq al-Naja.

Al- Dhahabī, Al-Dhahabī, Shams al-Dīn Abū Abdillah Muḥammad ibn Ahmad ibn 'Uthmān. 1985. *Siyar Aʿlām al-Nubalā'*, ed. Shuʿayb al-Arna'ūṭ. Muassasa al-Risala.

__________. 2002. *Siyār Aʿlām al-Nubalā'*. al-Qāhira: Dār al-Ḥadīth.

_________. 2003. *Tārīkh al-Islām wa Wafayāt al-Mashāhir wa al-A'lām*. Dār al-Gharb al-Islāmī.

Al-Naisābūrī, Muslim ibn Hajjaj. n.d. *Ṣaḥīiḥ Muslim*. Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabī.

Al-Naisābūrī, Abu al-Hassan Ali Ibn Ahmad al-Wahidi al-Nisaburi. 2004. *Wasit fi Tafsir al-Qur'an al-Majid*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Nasā'ī. 2001. *Sunan al-Nasā'ī al-Kubrā*, ed. al-Arna'ūṭ. Bayrūt: Mu'assasa al-Risāla.

Al-Shaybānī, Abū ʿAbdillah, Aḥmad ibn Ḥanbal. 2001. *Musnad*. Ed. al-Arna'ūt. Mu'assasa al-Risāla.

Al-Tirmīzī, Abū ʿIsā, Muḥammad ibn ʿIsā. 1998. *al-Jāmi' al-Kabīr*. Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī.

Al- Wāqidī. Muhammad ibn Umar. 1989. *al-Maghāzī*. Bayrūt: Dār al-Aʿlamī.

Al-Hanbali, Abd al-Rahman ibn Syihab al-Din. 2008. Jami 'Ulum wa al-Hikam fi Sharh Khamsin Hadisan Min Jawami' al-Kalim. Dar Ibn Kathir.

Azmi, Ahmad Sanusi. *40 Hadis Tentang Wabak Penyakit*. Ulum Hadith Research Centre, 2020.

Azmi, A.S., 2020. 40 Hadis tentang wabak penyakit.

Azmi, A.S. and Ismail, M.Y., 2018. Konsep Rahmatan Lil Alamin Dalam Hadith: Penerokaan Makna Serta Aplikasi Di Malaysia. *Journal of Hadith Studies*, *3*(1), p.2.

Ibn Ḥibbān. 1417H. al-Sīra al-Nabawiyya wa Akhbār al-Khulafā'. Bayrūt: al-Kutub al-Thaqafiyya.

Ibn Hisham. 1955. *al-Sīra al-Nabawiyya*, ed. Mustafā al-Saqā. Maṭbaʿah al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlāduh.

Ibn Ishāq, Muḥammad. 2004. *al-Sīrah al-Nabawiyya li Ibn Isḥāq,* ed. al-Mazidī. Bayrūt: Dār Al-Kutub Al-Ilmiyyah.

Ibn al-Jawzī. Abū al-Farj ʿAbd al-Rahmān ibn ʿAlī. 1422H. *Zād al-masīr fī 'ilm al-Tafsīr*. Bayrūt: Dār Iḥyā al-Turāth al-ʿArabī.

Ibn Majh. Abu Abdillah Muhammad ibn Yazid. [n.d.] *Sunan Ibn Majh*. Dār Ihya al-Kutub al-'Arabiyya.

Ibn Rajb, al-Hanbali, ʿAbd Al-Rahmān Ibn Ahmad. 1989. *Latā'if al-Maʿārif fīma Li Mawāsim al-'Ām Min al-Waẓāif* . Bayrūt: Dār Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.

BIODATA PENULIS



DR. AHMAD SANUSI AZMI merupakan Timbalan Pengarah, Institut Sains Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Berasal dari Keramat, Kuala Lumpur, beliau mendapat pendidikan awal di SK Lembah Keramat, SMKA Maahad Hamidiah dan Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS). Beliau kemudian melanjutkan pengajian peringkat Sarjana Muda di Universiti Al-Azhar, Mesir dengan pengkhususan dalam bidang Hadis. Beliau seterusnya memperolehi Ijazah Sarjana dalam pengajian Quran dan Sunnah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dan menamatkan pengajian peringkat PHD di University of Birmingham, United Kingdom. Pada tahun 2018, beliau telah dilantik sebagai *Academic Visitor* (*fellowship*) ke Oxford Centre for Islamic Studies, Oxford, United Kingdom. Menekuni bidang pengajian hadis, sirah dan orientalisme, beliau telah banyak menyumbang dalam penghasilkan artikel dan buku, perkongsian ilmiah di dalam seminar dalam dan luar negara disamping terlibat dalam projek penyelidikan berkaitan hadis, sirah dan orientalism. Beliau juga aktif dalam aktiviti gerakan NGO Islam dan menggalas tugas sebagai Setiausaha Agung Majlis Ulama ISMA.



DR. AHMAD SANUSI AZMI merupakan Timbalan Pengarah, Institut Sains Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Berasal dari Keramat, Kuala Lumpur, beliau mendapat pendidikan awal di SK Lembah Keramat, SMKA Maahad Hamidiah dan Kolej Islam Sultan Alan Shah (KISAS). Kemudian melanjutkan pengajian peringkat Sarjana Muda di Universiti Al-Azhar, Mesir dengan pengkhususan dalam bidang Hadis. Beliau seterusnya memperolehi Ijazah Sarjana dalam pengajian Quran dan Sunnah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dan menamatkan pengajian peringkat PHD di University of Birmingham, United Kingdom. Pada tahun 2018, beliau telah dilantik sebagai Academic Visitor (fellowship) ke Oxford Centre for Islamic Studies, Oxford, United Kingdom. Menekuni bidang pengajian hadis, sirah dan orientalisme, beliau telah banyak menyumbang dalam penghasilkan artikel dan buku, perkongsian ilmiah di dalam seminar dalam dan luar negara disamping terlibat dalam projek penyelidikan berkaitan hadis, sirah dan orientalism. Beliau juga aktif dalam aktiviti gerakan NGO Islam dan menggalas tugas sebagai Setiausaha Agung Majlis Ulama ISMA

ULUM HADITH
RESEARCH CENTER

9 789671 504475